



**LAPORAN PENYATA RASMI  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

---

Bil. 12

Isnin

22 Julai 2019

---

**K A N D U N G A N**

**MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI**

Mengalu-alukan Pelantikan Semula Seorang Ahli (Halaman 1)

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Majlis Mesyuarat Dewan Negara Direhatkan Satu Hari (Halaman 2)
- Kebenaran Bercuti (Halaman 2)
- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 3)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 3)

**URUSAN MESYUARAT**

(Halaman 4)

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG DAN SELURUH KERABAT

ATAS KEMANGKATAN KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA

PADUKA AYAHANDA SULTAN HAJI AHMAD SHAH ALMUSTA'IN BILLAH

IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL MUADZAM SHAH

(Halaman 5)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 6)

**USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M 26(3)**

Pengisytiharan Harta Ahli Dewan Negara (Halaman 35)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 (Halaman 113)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

**Isnin, 22 Julai 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI**

Seorang Ahli Yang Berhormat Senator mengangkat sumpah.

1. Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili  
(Lantikan Semula- dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak)

*[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]*

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEMULA SEORANG AHLI**

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan Dewan yang mulia ini mengalu-alukan pelantikan semula Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak mengikut Perkara 45(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Adalah menjadi harapan saya, agar Ahli Yang Berhormat Senator akan mematuhi ikrar taat setia sepertimana yang dilafazkan tadi, terutamanya kepada prinsip-prinsip yang termaktub dalam Rukun Negara, yang menekan antara lain keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta keperibadian mulia yang menjawai amalan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Selanjutnya, saya juga percaya bahawa dengan pelantikan Yang Berhormat pada pagi ini sebagai ahli badan Legislatif tertinggi negara, akan membantu ke arah memperkasakan kebolehan Dewan Negara untuk memainkan peranan semak dan imbang.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memainkan peranan yang aktif dalam perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini, demi kepentingan masyarakat dan negara, dan dalam lingkungan tuntutan ikrar taat setia Perlembagaan Persekutuan, peraturan-peraturan mesyuarat, serta prinsip-prinsip universal Rukun Negara.

Akhir sekali, saya mendoakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus mendukung visi rakyat, ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan.

### **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

#### **MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA DIREHATKAN SATU HARI**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis memaklumkan supaya Mesyuarat Dewan Negara yang sedang bersidang sekarang akan direhatkan selama satu hari iaitu 30 Julai 2019 dan Majlis Mesyuarat Dewan akan bersidang semula pada 31 Julai 2019. Cuti tersebut berikutan berlangsungnya Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 10(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

### **KEBENARAN BERCUTI**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat DI bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid daripada 22 Julai hingga 31 Julai 2019.

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya hendak memberitahu Majlis ini iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

**\*1010**

1. Akta Perbekalan Tambahan (2018) 2019;
2. Akta Undang-undang Sivil (Pindaan) 2019;
3. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2019;
4. Akta Kastam (Pindaan) 2019;
5. Akta Eksais (Pindaan) 2019;
6. Akta Zon Bebas (Pindaan) 2019;
7. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2019;
8. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019; dan
9. Akta Levi Pelepasan 2019.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“19 Julai 2019

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019;
2. Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019;
3. Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019;
4. Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019;
5. Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019;
6. Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019;
7. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2019;
8. Rang Undang-undang Profesional Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019;
9. Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2019;
10. Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019;
11. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019; dan
12. Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 2019;

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

#### **URUSAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya dalam Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**UCAPAN TAKZIAH**

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG DAN SELURUH KERABAT ATAS KEMANGKATAN  
KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA AYAHANDA SULTAN HAJI AHMAD  
SHAH ALMUSTA'IN BILLAH IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN  
AL MUADZAM SHAH**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini merakamkan perasaan yang amat dukacita dan sedih ke atas kemangkatan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah pada hari Rabu, 22 Mei 2019, bersamaan 17 Ramadhan 1440 Hijrah.

Bagi pihak Majlis Dewan Negara, patik merafak sembah takziah kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Keenam Belas, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ke atas kemangkatan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda dan menyembahkan ucapan takziah kepada seluruh Kerabat Diraja Negeri Pahang Darul Makmur.

Almarhum Baginda adalah Sultan dan Raja Pemerintah Negeri Pahang Darul Makmur bermula dari 7 Mei 1974 hingga 11 Januari 2019. Almarhum Baginda pernah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Ketujuh untuk tempoh 26 April 1979 hingga 25 April 1984. Ucapan ini hendaklah disimpan di dalam Arkib Parlimen dan satu salinannya dihantar kepada Duli Yang Maha Mulia Sultanah Hajah Kalsom binti Abdullah.

Semoga roh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang soleh.

Oleh yang demikian, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun. Kepada yang beragama Islam diminta menghadiahkan Al-Fatihah kepada roh Almarhum Baginda dan kepada bukan yang beragama Islam, diminta untuk bertafakur selama 1 minit. Terima kasih.

*[Ahli-ahli bangun bertafakur]*

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak merekodkan ribuan terima kasih kerana Tan Sri memberi keutamaan kepada agenda reformasi Dewan Negara sebagai soalan pertama. Mohon jawapan Menteri. Terima kasih.

1. **Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah pendirian kerajaan mengenai pelaksanaan Reformasi Parlimen terutamanya Reformasi Dewan Negara yang merupakan sebahagian daripada manifesto Pakatan Harapan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan sentiasa komited dalam menunaikan janji 16 Manifesto Pakatan Harapan iaitu mengembalikan wibawa institusi Parlimen khususnya dalam memperkasakan institusi Dewan Negara agar ia memainkan peranan sebagai mekanisme semak dan juga imbang kepada Dewan Rakyat serta kepada badan eksekutif.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah pun berjumpa dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri serta Ahli Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara yang lain pada 4 Julai yang lalu untuk menerima laporan penuh Reformasi Dewan Negara. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih atas usaha dan juga komitmen yang diberikan oleh jawatankuasa ini untuk menyediakan laporan tersebut.

Sesungguhnya, terdapat banyak cadangan positif yang telah diberikan oleh pihak Yang Berhormat Senator. Contohnya, memanfaatkan Jawatankuasa Pilihan Dewan Negara yang lebih baik dalam menangani isu-isu semasa oleh negara serta memastikan kesaksamaan gender di dalam proses pemilihan dan juga pelantikan Ahli Dewan Negara.

Justeru, cadangan-cadangan ini akan dikemukakan kepada pihak kerajaan untuk penelitian yang lebih lanjut berkenaan dengan cadangan-cadangan Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara yang telah diberikan kepada saya. Sebarang keputusan akan dipastikan ia selaras dengan hasrat reformasi dan juga tadbir urus Parlimen secara bersepakut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**■1020**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk perhatian Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff, Yang Berhormat Menteri sendiri telah bertanya untuk menaikkan soalan tersebut. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Yang Berhormat Menteri minta tetapi yang membenarkan ialah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Mengambil kira komitmen yang ditunjukkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator untuk menjayakan agenda reformasi Dewan Negara, malah untuk tujuan rekod untuk Dewan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada rakan-rakan yang melangkaui batasan parti yang menunjukkan semangat muafakat untuk menjayakan agenda reformasi ini walaupun ia diusulkan oleh pihak Pakatan Harapan. Ini satu agenda yang baik.

Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Di dalam cadangan-cadangan, di dalam laporan yang saya ingat 37 muka surat tersebut yang mana diusahakan oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator di sini dengan mengambil kira kepakaran-kepakaran semasa daripada institusi pendidikan, daripada Dewan Senat di Kanada, Dewan Senat di Australia, di *United Kingdom* dan bantuan-bantuan pihak-pihak yang berkaitan.

Di dalam cadangan tersebut, apakah cadangan-cadangan yang pada pandangan Yang Berhormat Menteri yang realistik mengambil kira kedudukan negara, kewangan dan sebagainya yang dapat kita sama-sama lakukan secepat mungkin kerana kita sudah berada pada tahun pertama. Saya yakin banyak perkara yang terutama tidak mengambil kira implikasi kewangan mampu dilakukan secepat mungkin. Contohnya jawatankuasa pilihan dan sebagainya bagi memantapkan Dewan yang mulia ini dan yang lebih penting untuk menjadi aspirasi suara rakyat di Malaysia ini. Mohon penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff atas soalan tambahan ini. Ada dua perkara yang saya kena jawab dalam soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator.

Pertama dalam Peraturan 74, Dewan Negara telah pun mengatakan bahawa perwujudan satu pilihan jawatankuasa Dewan Negara patut ditubuhkan. Jadi, saya rasa yang boleh dilaksanakan dengan realistiknya dalam perkara ini ialah untuk mewujudkan satu Jawatankuasa

Pilihan Dewan Negara dahulu. Jadi sekiranya kita sudah berbuat demikian, jadi perkara-perkara yang lain yang telah pun dimintakan oleh pihak Yang Berhormat Senator dalam Dewan yang mulia ini bolehlah kita lihat.

Perkara kedua ialah untuk merealisasikan Akta Perkhidmatan Parliment 1963. Dalam perkara ini, saya telah pun berjumpa dengan pihak Dewan Rakyat di mana Tuan Yang di-Pertua tersebut masih lagi dalam proses untuk mengenal pasti semua perkara yang kena diadakan dengan relevan-relevan *stakeholder*. Ini termasuk juga mungkin bersama dengan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara untuk mengadakan satu *realistic approach* dalam meminda Akta Perkhidmatan Parliment ini.

Jadi, ini juga saya difahamkan akan melibatkan pindaan kepada Perlembagaan. Ini kerana ia terikat dengan beberapa perkara di mana Perlembagaan kena dipinda. Jadi, ini dalam proses. Saya harap bahawa perkara ini dapat dibentangkan dalam sesi Parliment yang akan datang ini. Jadi, mudah-mudahan semua realisasi ini dapat ditunaikan dalam sesi yang akan datang di mana kita dapat lihat secara keseluruhannya bahawa reformasi Parliment ini dapat dilaksanakan dengan seberapa cepat yang boleh. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu soalan. Rasanya lebih baik disegerakan memandangkan Dewan Negara pada kali ini hanya bersidang tujuh hari hingga lapan hari. Tadi Tuan Yang di-Pertua kata cuti satu hari, jadi tinggal tujuh hari. Sedangkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Enam hari.

**Datuk Razali bin Idris:** Enam hari. Sedangkan rang undang-undang yang akan dibahaskan sebanyak 12 dan Ahli Dewan Negara mempunyai 70 orang. Bermakna soalan saya, apakah kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan hari sidang Dewan Negara supaya Ahli-ahli Dewan Negara dapat meneliti rang undang-undang yang dibahaskan di Parliment dan juga rakyat di luar sana akan melihat yang mana Ahli Dewan Negara juga ingin berbakti kepada pembentukan dasar-dasar negara.

Jadi kalau Dewan Negara diberi tempoh tidak sampai dua bulan setahun, maka rakyat di luar sana akan bertanya apakah Dewan Negara sebagai *rubber stamp*. Jadi, itulah soalan saya. Sekali lagi, apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan hari Dewan Negara bersidang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini adalah salah satu ciri reformasi Yang Berhormat. Reformasi Parlimen. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris atas soalan tambahan ini. Seperti yang Ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa takwim mengenai Dewan Negara ini telah pun ditentukan lebih awal lagi di mana jadual-jadual mengenai Dewan Negara ini telah pun diluluskan lebih awal.

Jadi pada masa itu, sememangnya kita telah menentukan masa seperti yang kita ada pada sekarang ini. Jadi, cadangan daripada Yang Berhormat Senator untuk menambahkan hari ini saya boleh berbincang dengan pihak kerajaan untuk memberikan lebih banyak masa bagi pihak Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat untuk mengadakan masa yang lebih panjang kepada semua Ahli-ahli Parlimen untuk membentangkan dan juga berdebat rang undang-undang yang berkenaan.

Saya rasa pernyataan yang mengatakan bahawa Dewan Negara ini adalah satu *rubber stamp*, saya rasa ini tidak betul sama sekali. Dewan Negara memainkan peranan yang amat penting seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan kita yang mulia ini.

Jadi, saya harap dan saya tahu bahawa semua Ahli-ahli Senator telah pun memainkan peranan yang begitu aktif sekali untuk memastikan bahawa usul-usul dan juga semua *business* kerajaan dapat dijalankan dengan baik. *You played a very important role as far as the Federal Constitution is concern.*

Kita juga dapat lihat bahawa pada seketika tahun lalu di mana satu akta telah pun ditolak oleh Dewan Negara juga. Ini menunjukkan bahawa Dewan Negara bukanlah satu dewan yang *rubber stamp* apa-apa sahaja. Saya yakin bahawa dengan reformasi yang kita akan tetapkan ini bahawa kerajaan akan memastikan bahawa Dewan Negara akan dapat memainkan peranan lebih aktif, lebih penting untuk memastikan bahawa *the Parliamentary Democracy* dalam negara kita ini lebih *life*, lebih aktif dan lebih bermakna. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ini berkenaan dengan tarikh tidak mencukupi ataupun lebih, adalah kurang daripada tarikh yang ditetapkan untuk Dewan Rakyat ini. Oleh sebab kita ini dalam lingkungan 70 orang ahli Yang Berhormat berbanding dengan 222 Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat.

So, masa untuk perbahasan untuk Dewan Rakyat ini memang diperlukan masa yang panjang berbanding dengan Dewan Negara. Bukan sebab kita ini persidangan yang singkat, bermakna kita bukan efisien. Kita hanya 70 Yang Berhormat dan seperti mana Yang Berhormat

Menteri telah memberitahu bahawa kita bukan *rubber stamp*. Silakan Yang Berhormat Tuan Alan Ling Sie Kiong.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih. Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua terutama sekali saya ucapkan Selamat Hari Sarawak. Hari ini Hari Sarawak... [Tepuk] Untuk rakan-rakan Sarawak dan sepatutnya hari ini cuti umum di Sarawak tetapi kita kena kekal di sini untuk berjuang untuk Sarawak dan negara kita... [Tepuk]

Terima kasih. Soalan tambahan saya mengenai had umur ataupun kelayakan menjadi seorang Ahli Dewan Negara mengikut susulan daripada pindaan definisi pemuda iaitu 15 tahun ke 30 tahun. Mengikut Perkara 47, Perlembagaan (a), saya baca. Tiap-tiap warganegara yang bermastautin di Persekutuan layak menjadi Ahli Dewan Negara jika dia berumur tidak kurang daripada 30 tahun.

#### ■1030

Memandangkan umur menjadi calon ataupun mengundi telah diturunkan kepada 18 tahun, maka adakah kerajaan bercadang juga untuk menurunkan had umur untuk menjadi seorang Ahli Dewan Negara?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini luar daripada soalan pokoklah Yang Berhormat.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Boleh. Ini informasi juga, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila kita berbahas tentang had umur mengundi itu, Yang Berhormat boleh bangkitkanlah. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Boleh jawab jugalah.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya nak tanya kepada kerajaanlah, adakah ada *timeframe* rasa *urgency* untuk memastikan pelaksanaan keseluruhan reformasi dalam negara ini dapat dilaksanakan? Tadi hanya dua, keseluruhannya banyak lagi. Jadi, apa sasaran kerajaan untuk memastikan dilaksanakan dengan segera?

**Datuk Liew Vui Keong:** Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini kita kena pastikan bahawa akta imbuhan itu iaitu Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 kena diubah dulu. Sekiranya akta ibu ini telah diubah, maka perkara-perkara yang lain boleh disusulkan seperti kewujudan pelbagai perkara seperti *Parliamentary Select Committee* dan juga faedah-faedah kepada mereka dalam perkhidmatan ini, termasuk juga Ahli-ahli Parlimen yang berada dalam perkhidmatan ini.

Jadi, proses ini telah pun dijalankan oleh pihak Dewan Rakyat dan bersama-sama dengan semua *relevant stakeholders*. Seperti saya katakan tadi, ia menyentuh sedikit sebanyak

mengenai Perlembagaan. Jadi, kita kena melihat daripada segi itu. Jadi, *timeframe* sekiranya kita dapat mengatasi akta ini, saya difahamkan bahawa akta ini akan dipindah dengan nama yang baharu juga. Jadi, haraplah kita dapat membentangkan dan juga meluluskan akta yang baharu ini yang mereformasi perkhidmatan Parlimen dapat dijalankan pada bulan Oktober ataupun November tahun ini. Ya, itulah *timeframe* dan saya harap kita dapat pinda kepada akta yang saya sebutkan tadi, *then the rest I think will follow suit*. Terima kasih.

**2. Tuan Nga Hock Cheh** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan, sama ada pemilik atau penghuni premis domestik dikehendaki membayar caj pembetungan bulanan yang dinyatakan dalam Peraturan Perkhidmatan Pembetungan (Caj) 1994 yang mana tiada perkhidmatan pembetungan diberikan oleh pemegang lesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh. Tuan Yang di-Pertua, seksyen 67 di dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] menetapkan bahawa pemilik atau penghuni mana-mana premis yang kepadanya perkhidmatan pembetungan disediakan, disifatkan telah berkontrak dengan Indah Water Konsortium Sdn. Berhad apabila perkhidmatan pembetungan disediakan ke premis ini. Pemilik atau penghuni premis perlu membayar caj bulanan pembetungan seperti yang telah dinyatakan dalam Peraturan Perkhidmatan Pembetungan 1994 yakni Akta 655.

Perkhidmatan pembetungan bersambung disediakan secara berterusan kerana air sisa dari premis disalurkan ke loji rawatan kumbahan melalui paip pembetungan di bawah tanah untuk dirawat sehingga memenuhi tahap piawaian peraturan kualiti alam sekeliling. Bagi premis yang tidak berpenghuni, caj bulanan pembetungan juga perlu dibayar kerana infrastruktur pembetungan yang telah disediakan perlu diselenggarakan untuk sistem terus beroperasi dengan baik.

Walau bagaimanapun, jika premis tersebut tidak berpenghuni sekurang-kurangnya dalam tempoh enam bulan, di mana penggunaan air sebulan adalah tidak lebih daripada tiga meter padu ke bawah, pemilik atau penghuni premis bertanggungjawab memaklumkan kepada IWK untuk memberhentikan caj bulanan pembetungan. Caj akan dikenakan semula apabila premis tersebut telah diduduki.

Untuk memastikan perkhidmatan yang lebih efisien, caj pembetungan minimum seharusnya dikenakan terhadap premis yang tidak diduduki seperti yang diamalkan di dalam caj

bekalan air. Pemilik atau penghuni premis yang menggunakan perkhidmatan tangki septik individu perlu membayar caj perkhidmatan pembetungan apabila menerima perkhidmatan pengosongan tangki septik.

Mengikut Akta 655, IST perlu dikosongkan secara berkala, di mana amalan terbaik adalah dua tahun sekali. IST yang tidak dikosongkan mengikut jadual adalah antara punca sungai-sungai tercemar. Oleh itu, pemilik atau penghuni premis IST perlu memberi kerjasama untuk memastikan IWK dapat memberikan khidmat pengosongan IST mengikut amalan terbaik iaitu melakukan pengosongan tangki septik ini sekurang-kurangnya dua tahun sekali. Terima kasih.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Pertama, pemegang lesen hanya pembekal servis. Kenapa penghuni domestik dipaksa membayar servis caj bulanan apabila servis tidak dibekalkan? Nombor dua, sama ada di *rules for purpose of section 67 being the formulated and gazette by the minister under section 180(B)(iv)*.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya jelaskan tadi, sekiranya tiada penghuni, maknanya pihak premis ataupun tuan punya premis boleh membuat surat tetapi dengan syarat selama enam bulanlah ya. Itu satu. Sekiranya tiada servis yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, yang diberikan kepada pihak premis, maknanya dalam erti kata lain, perkhidmatan tidak diberi, jadi, pihak premis boleh menulis surat kepada IWK menyatakan IWK di kawasan tersebut tidak memberi servislah. Tindakan akan diambil. Terima kasih.

**Tuan Nga Hock Cheh:** *My question is not really answered. Under the relevant regulation that is gazetted, you have stated that the bayaran monthly sewage charges. So, the situation of septic tank owner, for example domestic owner, throughout the year he may not require any service from the IWK. So, why must he be made to pay monthly service charges and has the contract that is supposed to be formulated all these years, has it been already done by the minister in charge for purpose of section 180 of the act, the principal act.*

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang saya jelaskan tadi, ini adalah dalam undang-undang. Akan tetapi sekiranya perkhidmatan itu tidak diberi, maksudnya *the service not given*, so pihak penghuni boleh membuat laporan kecuali kalau tangki septik ini di- kita tidak kenakan apa-apa bayaran. Kalau mereka memberitahu, baru kita datang ataupun IWK datang, baru dikenakan bayaran. Ia berbeza.

Kalau yang perkhidmatan bersambung, memang ada di bawah IWK, itu diwajibkan membayar tiap-tiap bulan. Akan tetapi kalau kata yang diwajibkan itu yang kena bayar,

perkhidmatan tidak diberikan, boleh melaporkan kepada IWK. Tindakan kami akan- itu susulan kemudianlah. Itu memang kita setuju, mengapa tiada perkhidmatan tetapi kena bayar. Itu memang tak betullah. Terima kasih.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, boleh buat soalan?

■1040

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, pada 7 September 2018 kementerian bercadang untuk melaksanakan sistem bil air dan pembetungan yang disatukan, selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2018 untuk tujuan penambahbaikan. Soalan saya, apakah perkembangan cadangan ini dan kekangan daripada cadangan ini untuk dilaksanakan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman semua, setakat ini yang menggunakan bil bersama- *joint billing* di bawah Persekutuan Labuan, ya. Di mana di tempat-tempat lain, di negeri-negeri lain belum dilaksanakan. Sebenarnya ini adalah kerjasama antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Dalam erti kata lain, kerajaan negeri juga akan memberikan pandangan.

Jadi, setakat ini kita belum ada lagi keputusan yang muktamad. Ia bergantung kepada kerajaan negeri. Itu yang saya boleh maklumkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Datuk Mohan a/l Thangarasu.

3. **Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta Menteri Pendidikan menyatakan, status pembinaan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil pertama di Malaysia yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan seperti mana yang terkandung dalam Janji ke-5: Iltizam khusus Pakatan Harapan untuk masyarakat India.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa komited untuk menunaikan janji-janji Manifesto Pakatan Harapan termasuk janji-janji yang terkandung dalam 'Iltizam khusus untuk masyarakat India'.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah sekolah menengah tertakluk kepada peruntukan di bawah seksyen 30, dan seksyen 31, Akta Pendidikan 1996 iaitu

Akta 550. Usaha kerajaan untuk menunaikan janji-janji ini dengan sepenuhnya memerlukan kajian yang teliti dan holistik supaya penyelesaian dapat diperoleh. Penelitian yang ekstensif akan merangkumi pelbagai aspek penting seperti:

- (i) kriteria standard;
- (ii) unjuran murid;
- (iii) perundangan; dan
- (iv) kemampuan kewangan kerajaan.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga akan mengambil kira pandangan dan cadangan pelbagai pihak berkepentingan khususnya daripada masyarakat India dalam kajian ini. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Penasihat Pendidikan Masyarakat India untuk memberikan pandangan serta melakukan kajian di dalam kapasiti jawatankuasa tersebut mengenai isu-isu pendidikan masyarakat India. Ini termasuklah cadangan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Tamil ini.

Ingin saya tegaskan bahawa KPM tidak pernah menafikan hak murid berbangsa India di negara ini untuk mempelajari bahasa Tamil di peringkat menengah. Mata pelajaran bahasa Tamil turut ditawarkan sebagai mata pelajaran tambahan kepada murid-murid yang berminat untuk mempelajari bahasa tersebut di SMK. Kementerian sangat komited dalam memastikan akses pendidikan dari segi mempelajari bahasa Tamil untuk terus dipertingkatkan. Sekian, jawapan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan yang pertama.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, hendak bertanya bolehkah kerajaan memberikan kerajaan memberikan kelulusan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Tamil? Sekiranya ya, untuk makluman Yang Berhormat, di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Puchong, Batu 14 mempunyai enam ekar dan juga ada *additional* tiga ekar lagi. So, lebih kurang sembilan ekar tanah ada. Sekiranya kelulusan boleh diberi, saya tengok tidak ada isu untuk membina sekolah Tamil.

Ini bukan kita minta dan sebelum ini, pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan yang khususnya pemimpin dari Pulau Pinang mengatakan sebelum ini, semasa Kerajaan Barisan Nasional, mereka mengatakan mereka ada tanah. Mereka hendak bina tetapi kelulusan semua tidak dapat daripada Kerajaan Barisan Nasional. So, jadi sekarang saya hendak tanyalah, bolehkah kelulusan itu didapatkan? Sekiranya ya, bilakah Kerajaan Pakatan Harapan akan membina Sekolah Menengah Tamil yang pertama? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya sebutkan tadi, kita telah mewujudkan satu Jawatankuasa Penasihat Pendidikan Masyarakat India di mana kita telah minta mereka untuk membantu kita dalam membuat kajian.

Jadi, dari segi isu-isu perundangan dan juga lokasi yang mana lebih sesuai kalau kita hendak wujudkan, semua akan dibincangkan dalam jawatankuasa tersebut. Saya minta sedikit masa lagi supaya kita memberikan masa kepada jawatankuasa ini untuk membuat kajian terperinci supaya saya boleh menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator ini dengan lebih jelas. Ini kerana setakat ini memang masih di dalam peringkat kajian. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Datuk Ng Chiang Chin.

**4. Datuk Ng Chiang Chin** minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, perkembangan terkini agensi tujuan khas MyPower yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk pembaharuan industri tenaga sejajar dengan program Industri Bekalan Tenaga Malaysia (MESI) 2.0, dan langkah-langkah yang dicapai dalam menamatkan monopoli Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam pasaran.

**Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim**  
**[Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Malaysia Programme Office for Power Electricity Reform* (MyPower) sebuah syarikat berhad menurut jaminan *limited by guarantee* yang telah ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 2011 untuk menstrukturkan semula industri bekalan elektrik melalui perlaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah *Malaysia Electricity Supply Industry 1.0* (MESI 1.0).

MyPower telah diaktifkan semula pada tahun 2018 selaras dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan program *Reimagining Malaysia Electricity Supply Industry* (MESI 2.0), bagi memastikan industri pembekalan elektrik bersedia untuk menghadapi cabaran akan datang, *future-proof* dan berdaya maju- *sustainable*.

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk dilaksanakan di bawah MESI 2.0 adalah pembukaan sektor peruncitan- *retail segments*, dengan izin, bekalan elektrik dengan membenarkan syarikat-syarikat selain Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk membekalkan elektrik kepada pengguna. Ia bertujuan untuk menjadikan sektor peruncitan lebih berdaya saing

dan memberikan pilihan kepada pengguna untuk memilih pembekal elektrik mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan tambahan, Yang Berhormat?

**Datuk Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan. Soalan tambahan saya, apakah status terkini dan rancangan kerajaan untuk membangunkan *green energy* dalam inisiatif MESI 2.0? Apakah agenda reformasi atau perubahan yang bakal dijalankan dalam MESI 3.0 seperti mana yang pernah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri pada September 2018 bahawa satu sesi reformasi akan diperkenalkan seperti MESI 2.0? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Program *Reimagining Malaysia Electricity Supply Industry* (MESI 2.0) merangkumi beberapa inisiatif. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri akan membuat pengumuman berkaitan inisiatif-inisiatif ini di bawah MESI 2.0 dalam masa terdekat. Jadi, saya kira untuk makluman lebih lanjut adalah adil untuk sekiranya kita menunggu Yang Berhormat Menteri untuk membuat dalam masa terdekat. *After all*, kita punya *ultimate goal* adalah faedah kepada pengguna semua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan *Special Industrial Tariff* apabila MyPower ini diwujudkan. Ini kerana kita tahu bahawa pada tahun 2020, *Special Industrial Tariff* (SIT) ini akan ditamatkan skimnya.

Maka, persoalan saya kepada pihak kerajaan, apakah langkah-langkah ataupun cadangan kerajaan untuk memastikan apabila skim SIT ini dalam reformasi tenaga dan sebagainya ini, tamat pada tahun hadapan dan tidak memberikan *impact* ataupun kesan kepada pelaburan, pelabur-pelabur untuk datang ke negara dan untuk memastikan bahawa apabila tidak ada *Special Industrial Tariff* ini, tidak ada kesan peningkatan kos kepada pengguna? Ini bermakna, akhirnya nanti bila tidak ada SIT, kos itu kemungkinan akan ditransfer-kan kepada pengguna. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Terima kasih kepada soalan tambahan. Pihak kementerian akan sentiasa memastikan bahawa semua inisiatif tidak akan

memberikan kesan yang buruk kepada mana-mana pihak. Pada masa yang sama, kita pulangkan balik kelebihan itu semua kepada pengguna

■1050

Walau bagaimanapun, jawapan kepada soalan Yang Berhormat Senator saya akan beri dalam jawapan bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Yusmadi. Sudah jawab?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Belum, datuk belum lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Aamiin *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berkaitan dengan menamatkan monopoli pada bahagian terakhir soalan rakan saya. Yang Berhormat Menteri maklum dengan kewujudan Suruhanjaya Persaingan melalui akta yang kita sendiri sama-sama buat. Salah satu tujuannya adalah memang untuk memastikan bahawa tidak ada berlaku monopoli yang tidak sihat di dalam industri yang sebegini. Jadi sejauh mana Yang Berhormat Timbalan Menteri- soalan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri melibatkan Suruhanjaya Persaingan yang sama-sama kita wujudkan melalui akta tersebut terutama dalam memastikan industri tenaga ini tidak lagi wujud monopoli yang tidak sihat?

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Terima kasih kepada soalan tambahan dan saya kira ini adalah satu cadangan yang baik. Nanti saya kena *check* juga dengan pihak kementerian untuk mengambil cadangan yang saya kira baik daripada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Walau bagaimanapun, pihak kementerian juga sentiasa buat *engagement* termasuklah dengan TNB dalam apa-apa juga cadangan kita mengenai *retail*. Jadi orang pun tidak terkejut dengan perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Walaupun ada soalan dalam cadangan itu, Yang Berhormat Menteri anggap itu sebagai cadangan. Silakan Yang Berhormat Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh.

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanyakan soalan, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Pertubuhan Kebajikan Sosial Masyarakat India Kapar, Klang Selangor ke Dewan Negara ini. Diharapkan lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari yang mulia ini. Terima kasih... *[Tepuk]*

5. **Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah tindakan dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja (baharu dan gantian) khususnya pekerja asing dalam bidang restoran di mana ramai pemilik restoran terpaksa menutup perniagaannya disebabkan kekurangan tenaga pekerja.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Okey, terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panggilan Dewan lagi mustahak Yang Berhormat *[Ketawa]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak, ada panggilan rumah terbakar dalam kawasan *[Ketawa]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam dasar kerajaan mengenai penggajian pekerja ialah memberikan keutamaan pekerjaan kepada pencari kerja tempatan. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja tempatan tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja di dalam sektor-sektor yang dibenarkan untuk menggaji pekerja asing. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing khususnya pekerja asing yang kurang mahir.

Pada masa ini, kerajaan membenarkan pihak majikan untuk mengajikan pekerja asing dalam subsektor restoran bagi jawatan tukang masak. Kerajaan juga melalui jawatankuasa bersama antara Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia mengenai pengurusan pekerja asing pada 28 Februari 2019 telah bersetuju untuk mewujudkan tiga jawatan bagi subsektor restoran iaitu tukang masak, pembantu dapur dan pelayan restoran untuk penggajian pekerja asing bagi membantu perjalanan operasi industri ini.

Selain itu, kerajaan pada 29 Mei 2019 juga telah bersetuju dengan pembukaan semula dasar pengantian pekerja asing melalui *check out memo* (COM). Pembukaan semula dasar ini akan membolehkan majikan mendapat gantian pekerja asing yang telah pulang ke negara asal tanpa perlu melalui proses permohonan semula ataupun permohonan pekerja asing yang baharu. Pembukaan dasar ini mengambil kira faktor-faktor kepentingan dan daya saing industri dalam memastikan operasi perniagaan berjalan lancar dan pencapaian eksport negara tidak terjejas akibat kekurangan tenaga kerja.

Selain itu, dasar ini juga akan membantu mengurangkan beban pihak industri dari segi masa dalam membuat permohonan pekerja asing serta menjimatkan kos dalam membawa masuk pekerja asing baharu. Dasar ini telah dilaksanakan mulai 1 Julai 2019. Namun begitu, kerajaan menegaskan bahawa penggajian pekerja asing mestilah dilihat sebagai satu langkah jangka pendek di mana kebergantungan terhadap mereka mestilah dikurangkan secara progresif.

Setiap pengusaha restoran mestilah memiliki pelan penggantian ataupun *exit strategy* jangka masa pertengahan dan juga jangka masa panjang seperti mengajikan pekerja tempatan melalui penawaran pakej gaji, insentif kewangan dan faedah-faedah pekerjaan yang menarik atau melaksanakan kaedah perkhidmatan layan diri di restoran.

Saya mengharapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu kerajaan, khususnya membantu Kementerian Sumber Manusia untuk memberikan pendapat dan pandangan serta menasihati kepada majikan-majikan ini sama ada dalam sektor restoran atau majikan-majikan lain supaya berjiwa Malaysia untuk memberikan keutamaan kepada pekerja tempatan dan mencari jalan bagaimana pekerja tempatan boleh diambil bekerja di tempat mereka.

Oleh sebab memang ramai kalau kita jumpa Ahli Dewan Rakyat mahupun Ahli Dewan Negara, ialah semua hendak minta tolong untuk memudahkan kemasukan pekerja asing. Jadi kurang sangat yang datang kepada kita membawa pelan-pelan perencanaan, bagaimana untuk membolehkan pekerja tempatan diambil bekerja di sektor-sektor dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh:** Terima kasih. *Actually, masalah yang dihadapi sekarang ini bukan untuk yang sedia ada tetapi permohon-pemohon baharu. Adakah ini standard operating jangka masa yang tertentu untuk memberikan approval untuk kes-kes permohonan baharu ini?* Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan lagi sekali?

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh:** *Jangka masa for approval, for any application.* Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Permohonan baharu.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Kita bermula 1 Julai. Kita buka- sebelum ini ada sektor yang dibekukan dan kita buka hanya kepada sektor yang dibekukan sahaja. Akan tetapi sekarang ini kepada semua sektor. Apabila pekerja asing itu telah kembali kepada negara asal dan mereka tidak perlu lagi membuat permohonan baharu kepada pekerja asing.

Jadi mereka boleh membuat penggantian tetapi melalui apa yang saya sebutkan tadi melalui *check out memo* iaitu mereka harus mengemukakan makluman itu kepada Jabatan Imigresen dan juga kepada JTK dan ada ia punya prosedur-prosedur. Kemudian jika dapat kelulusan daripada Jabatan Imigresen dan perakuan daripada JTK iaitu pematuhan terhadap

dasar-dasar perburuhan dalam negara kita ini, maka mereka boleh membuat penggantian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat soalan itu berkenaan dengan permohonan baharu, bukan untuk *check out memo*. Ada atau tidak jangka masa yang akan dibuka? Permohonan baharu pekerja restoran.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Permohonan baharu mereka boleh buat bila-bila masa.

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh:** *[Bangun]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Bila-bila masa mereka boleh buat. Cuma untuk kelulusan itu sudah tentulah pihak kementerian kami akan membuat semakan, mesti berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah pun ditetapkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. *It means, it is not*, dengan izin, ia bukan ditutup.

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh:** Tidak. Masalah yang dihadapi sekarang, permohonan dibuat, hampir satu tahun pun tidak ada jawapan. So, dia hendak tahu *is there any time frame* yang dibuat *application*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap itu dibuka, belum cakap kelulusan boleh diberi. *[Ketawa]*

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh:** Itu yang kita hendak tahu. Adakah jangka masa yang tertentu untuk permohonan? *Apply* sekarang, dalam masa enam bulan kah atau setahun kah. Itu soalan dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat soalan sudah jawab.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Saya rasa *clear* dari sudut Kementerian Sumber Manusia atau JTK. Kita akan memproses permohonan itu berdasarkan syarat-syarat. Kemudian- yang pentingnya majikan harus mengiklankan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh soalan itu kita tidak perlulah. Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab. Soalan yang kena jawab, ada atau tidak permohonan baharu ataupun kelulusan baharu diberi oleh kementerian?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Eh, ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ada, ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ada yang dapat, ada yang tak dapat *[Ketawa]*

Kalau yang tidak dapat sebab ia tidak memenuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan oleh pihak kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi hendak tanya?

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dasar yang dibuat oleh kementerian, saya melihat dan membaca bahawa Datuk Redzuawan Ismail atau Chef Wan telah menyatakan bahawa ini satu dasar yang rasis. Membezakan di antara tukang masak dalam negeri dengan luar negeri. Juga daripada Presiden PRESMA, Ayoob Khan menyatakan, "Kami buat iklan, sanggup bayar gaji hingga RM2,500 pun tiada orang hendak datang bekerja. Bukan senang mahu cari orang tempatan bekerja di restoran".

Jadi ini dua komen yang berbeza Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setakat ini telah dinyatakan bahawa 500 restoran telah pun ditutup akibat daripada dasar ini. Adakah kerajaan akan mengkaji semula dasar yang dibuat dan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1100

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Jawapan saya tadi *clear* Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang tidak faham ini Dato' Haji Mohd Suhaimi yang tidak faham.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Mohd Suhaimi tidak faham [*Ketawa*]

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Sahaja dia nak tanyalah itu, dia manja. Orang tua-tua memang manja... [*Dewan Ketawa*] Dia ikut peringkat umur itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Yang tua itu saya minta tarik baliklah... [*Dewan Ketawa*]

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Orang lama, orang lama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri ini ada banyak cerita dekat luar ini yang berkenaan dengan restoran ini tiada kelulusan langsung. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri sudah beritahu kepada Dewan yang Mulia ini bahawa ada juga kelulusan yang keluar.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ada juga?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada juga kelulusan baru yang diberi.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Akan tetapi saya hendak kena jelas. Nanti dia merengek pula dekat luar, jadi saya tidak berapa nak seronok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, macam yang saya kata tadi bahawa kita pada 28 Februari telah bersetuju untuk mewujudkan tiga jawatan bagi subsektor restoran iaitu tukang masak, pembantu dapur dan pelayan restoran untuk pengajian pekerja asing bagi membantu perjalanan operasi. Jadi tidak timbul kalau kata macam *statement* daripada pihak majikan tadi itu mengatakan bahawa *depa* terpaksa tutup restoran kerana tidak dapat pekerja daripada luar dan sebagainya. Saya fikir tidak ada masalah kepada kerajaan. Akan tetapi harus mematuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan.

Jadi, adapun saya sangat menghargai dan menghormati pendapat dan pandangan Chef Wan kerana sudah tentulah bahawa beliau melihat kepada soal kepentingan-kepentingan kepada pekerja-pekerja tempatan.

Sememangnya saya percaya bahawa jika diberikan tawaran gaji yang lebih baik, selepas daripada mereka ini mendapat pendidikan dalam bidang kulinari ini, saya percaya bahawa kalau ini akan diletakkan sebagai satu syarat kemudian nanti selepas beberapa tahun iaitu setiap daripada pekerja-pekerja khususnya dalam tukang masak di restoran-restoran ini harus memiliki sijil-sijil kemahiran dalam bidang kulinari khususnya.

Saya percaya bahawa ini akan membuka ruang lebih banyak kepada pekerja-pekerja tempatan untuk mendapat peluang tempat kerja. Cuma, sudah tentulah kalau kita masuk restoran Pakistan, kalau kita ambil tukang masak daripada Negeri Sembilan, saya ingat masakan Pakistan itu sudah jadi masakan lemak cili apilah. Ia tidak jadi masakan Pakistan. Akan tetapi harus kalau mereka ini melalui kursus dalam bidang masakan dan bidang kulinari ini saya percaya bahawa mereka boleh membuat masakan-masakan apa sahaja jenis masakan yang ada dalam dunia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. tadi Yang Berhormat Menteri sebutkan tentang minta majikan kurangkan pekerja asing secara progresif. Jadi yang saya hendak tanya apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa *statement* tersebut dilaksanakan oleh majikan-majikan yang menggunakan pekerja asing. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, kita sentiasa meletakkan syarat-syarat macam saya katakan tadi bahawa apabila pengambilan, dia hendak mohon pekerja asing, bila ada kekosongan dalam mana-mana industri sekali pun, majikan kena terlebih dahulu mengiklankannya di dalam portal *JobsMalaysia* bahawa ada berlaku kekosongan untuk memberikan satu tempoh kepada permohonan yang perlu dibuat oleh pekerja-pekerja tempatan. Jadi bila dah habis tempoh tersebut, tidak ada juga permohonan yang dibuat oleh pekerja tempatan, barulah mereka boleh membuat permohonan pekerja asing.

Kalau dalam sektor restorannya kita letakkan syarat bahawa sekian jumlah kerusi *ratio*-nya pekerja asing sekian banyak, sekian banyak. Jadi pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan pergi membuat *checklist* sama ada jumlah kerusi yang diisyiharkan itu betul ataupun tidak dan sesuai dengan permohonan jumlah bilangan yang mereka mohon untuk mendapat kelulusan daripada pihak kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukuplah Yang Berhormat. Ini dah lebih daripada tiga orang. Silakan Yang Berhormat Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah.

**6. Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh manakah kejayaan pasar-pasar tani di bawah seliaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berupaya meringankan bebanan dan kos sara hidup rakyat di bandar dan luar bandar.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, program pasar tani di bawah seliaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah diperkenalkan pada tahun 1985 sebagai satu platform kepada petani untuk memasarkan hasil pertanian mereka secara terus kepada pengguna.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan ruang pasaran hasil pertanian. Kedua, meningkatkan pendapatan petani dan pengeluar. Ketiga, meningkatkan bilangan usahawan pemasar. Keempat, menyediakan akses langsung kepada pengguna untuk mendapatkan bekalan hasil pertanian dan produk asas tani dengan harga yang berpatutan.

Sehingga Mei 2019, pasar tani telah beroperasi sebanyak 757 kali di seluruh negara dengan penglibatan seramai 31,125 orang usahawan dan nilai jualan sebanyak RM363 juta. Kejayaan program ini dalam mencapai objektifnya dapat dilihat daripada Dapatan Kajian Impak Program Pasar Tani yang telah diadakan pada tahun 2011 dan tahun 2017. Berdasarkan kajian tersebut peningkatan purata nilai jualan per bulan per pasar tani bagi setiap peserta mengikut kategori komoditi adalah seperti berikut:

- (i) daging pada tahun 2011, purata nilai jualan adalah sebanyak RM4,000. Akan tetapi purata nilai jualan tahun 2017 adalah RM10,600. Kenaikan peningkatan sebanyak 159 peratus;

- (ii) sayur-sayuran nilai purata jualan tahun 2011 adalah RM2,490. Nilai purata jualan pada tahun 2017 adalah RM4,644. Kenaikan sebanyak 87peratus;
- (iii) buah-buahan pada tahun 2011 adalah RM2,712 dan pada purata nilai jualan pada tahun 2017 adalah RM4,774. Kenaikan sebanyak 76 peratus.

Berdasarkan kepada Dapatan Kajian Impak ke atas program pasar tani yang telah dijalankan pada tahun 2017, majoriti responden memilih faktor penjimatan yang ditawarkan sebagai sebab utama mereka gemar berkunjung ke pasar tani. Manakala 70 peratus responden pula menyatakan mereka dapat merasai penjimatan tersebut ketika berbelanja di pasar tani. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya faham apa yang Yang Berhormat Menteri katakan tadi, kita mempunyai lebih kurang 750 pasar tani di seluruh negara. Penekanan adalah untuk membantu rakyat kita sendiri.

Persoalan saya seperti juga soalan nombor lima tadi, masalah warga asing yang membanjiri pasar tani kita. Rata-rata kalau kita lihat 750 pasar tani yang kita ada ini, memang banyak dimonopoli oleh warga asing. Persoalan saya, apakah usaha yang telah dijalankan oleh pihak kementerian dalam proses pemutihan warga asing daripada bermiaga di lebih 750 pasar tani yang ada di Malaysia ini.

Keduanya, berapakah jumlah pemilik lesen pasar tani yang telah ditarik balik kerana yang telah menyewakan lesen ini kepada peniaga asing? Apakah mereka ini disenaraihitamkan terus menerus ataupun diberi peluang lagi untuk bermiaga di hari-hari muka.

Ketiga, apakah terdapat sebarang program bantuan atau skim khas yang disediakan oleh pihak kementerian untuk membantu peniaga pasar tani meluaskan pasaran mereka sehingga ke pasaran luar negara?

Keempat, apakah pihak kementerian ada menetapkan sebarang nisbah berkenaan kategori gerai di pasar tani bagi menyelesaikan masalah di setengah pasar tani yang lebih menjual barang-barangan seperti barang pasar hari raya berbanding barang-barang pertanian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Profesor atas soalan-soalan yang sangat banyak. Pertama sekali, saya nampak bahawa isu warga asing di dalam pasar tani adalah *limited*. Ini

kerana saya pun tahu bahawa walaupun ada sesetengah pasar tani mempunyai pekerja warga asing tetapi sebenarnya gerai-gerai tersebut adalah milik orang tempatan.

**■1110**

*That's clear.* Ini kerana kalau warga asing, mereka tidak boleh mendapat akses atau permit untuk bermula dalam pasar tani. Semua penjual di pasar tani adalah warga Malaysia. Tidak timbul penarikan lesen akibat daripada isu warga asing. Akan tetapi, kadangkala ada satu dua orang pekerja mereka adalah warga asing tetapi penjual mesti adalah warga rakyat Malaysia. Jadi, dari segi isu lesen yang telah ditarik balik, ini tidak timbul kerana memang tidak ada warga asing boleh mendapat lesen ya.

Okey, untuk dari segi bantuan atau skim khas untuk pengusaha ditingkatkan sehingga ke luar negara, memang ada usaha kerajaan untuk meningkatkan pengusaha atau petani kita sehingga menjadi *global player*. Kita memberi *market access*. Contohnya, sekarang *market access* mereka adalah melalui pasar tani. Selepas itu kalau mereka berjaya, kita akan membantu mereka menembusi pasaran-pasaran seperti *hypermarket*. Selepas mereka lebih berjaya, mereka akan diberi peluang- kita membimbang mereka melalui MATRADE dan sebagainya- untuk menembusi pasaran-pasaran di dunia. Ini cara kerajaan membantu petani-petani kita menembusi pasaran-pasaran *local* atau *regional* sehingga ke global.

Isu barang-barang pasar tani yang pelbagai seperti barang hari raya. Kita nampak bahawa trend pengguna adalah mereka memerlukan pelbagai barang. Mereka pergi ke satu pasar, dia ingin membeli pelbagai barang. Pasar tani *remains to be almost 100 percent* barang keperluan harian, makanan ya, barang pertanian. Mungkin ada satu dua yang jual baju rayakah, itu *limited. But*, pasar tani, objektif kita adalah memang untuk barang makanan sahaja tetapi tidak meluas, ada satu dua. Saya pun tahu bahawa ada kes satu dua dan kita buat laporan dan mereka perlu tukar kepada barang pertanian.

Akan tetapi, kadangkala kalau katakan kita ada 100 gerai, ada tinggal lima gerai yang *no takers* kerana sudah banyak kali kita mohon pengusaha ambil, dia *no takers* dan kadangkala kita bagi satu dua untuk jual barang bukan makanan, bukan pertanian kerana untuk *variety*. Itu FAMA kita ada perbincangan dan mereka pun *react* kepada market ya. Mereka yang apa *customer* mahu sesuatu dan mereka terpaksa *react to the market demand*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya soalan.

Awal tahun ini, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa kita akan mempelajari teknologi pertanian daripada negara Thailand kerana teknologi pertanian daripada negara tersebut bukan sahaja dapat meningkatkan produktiviti tetapi juga dia punya cara pemasaran dia adalah cara yang baik dan dikatakan cukup berjaya. Ada satu pasar dinamakan Pasar Or Tor Kor, minta maaf kalau saya silap sebut, dikatakan antara pasar yang berjaya kerana ia diiktiraf oleh pihak *CNN Travel* sebagai pasar basah yang keempat terbaik di dunia.

Soalan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah usaha-usaha ini pihak kementerian telah memulakan langkah-langkah tersebut? Kalau ada langkah-langkah tersebut, di manakah projek ini ataupun *pilot project* ini ditumpukan pada satu-satu pasar tani? Sekian, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Saya rasa Yang Berhormat Senator tanya tentang teknologi dalam *farming* dan ada soalan tentang *farming* dan juga ada satu teknologi dalam pemasaran.

Nombor satu, kita sentiasa meningkatkan untuk *farming technology* dalam bidang pertanian. Kita harap bahawa petani kita boleh berdaya maju dan mereka boleh meningkatkan hasil atau *yield* mereka melalui teknologi. Ini, kerajaan mempunyai banyak program-program untuk membantu petani kita meningkatkan hasil melalui pertanian yang moden, menggunakan teknologi yang maju sehingga ke *internet of things* (IoT) dan *eventually* kepada *artificial intelligent* dan sebagainya dan *big data*. Ini memang banyak program yang dijalankan.

Dari segi menjadikan pasar tani sebagai satu teknologi yang memasarkan barang melalui teknologi ya. Pasar tani, *although conventional* tetapi *in future* kita harap bahawa dia pun boleh berdaya maju. Mungkin salah satu cara ke masa depan ialah *payment* mungkin adalah melalui *cashless* ya. Contohnya, menggunakan *cashless payment* dekat pasar tani.

Akan tetapi kita kena tengok- ini adalah dalam perancangan juga, perbincangan sahaja, belum ada pelaksanaan, tetapi hala tuju mungkin melalui ke sana. Contohnya, penggunaan teknologi dalam pemasaran dalam pasar tani. Kita tahu bahawa pasar tani ini luas. Ada yang di kawasan bandar, ada kawasan desa. Bukan semuanya boleh terus kepada *cashless* ya. Ini adalah satu model yang mungkin kita akan meningkatkan dari segi teknologi *payment*.

Akan tetapi, saya lebih *concern* adalah bagaimana kita boleh memasarkan barang produk daripada ladang atau kawasan pertanian terus kepada *consumer* untuk mengurangkan perbezaan antara orang tengah, impak orang tengah. Itulah objektif FAMA dan objektif pasar tani. *Efficiency from the farm directly to the consumer.*

Jadi, ini adalah yang perlu kita perbaiki dan kita mungkin boleh melaksanakan *digital economy* di mana *farmers eventually* mereka akan memasarkan barang *directly online* dan

terus kepada pengguna. FAMA telah mengadakan satu platform dipanggil *Agrobazaar Online* di mana rakyat boleh membeli barang dari *farmers* melalui *online* terus kepada pengguna. Ini adalah cara-cara kita memasarkan barang, produk pertanian secara lebih efisien menggunakan teknologi yang baharu sesuai dengan perubahan masa. Ini adalah fokus kepada kementerian untuk membantu *farmers* dan juga rakyat Malaysia. Terima kasih.

**Puan Asmak binti Husin:** Sebenarnya pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini perbincangan jawapan ini banyak fokus kepada peranan pasar tani kepada petani. Akan tetapi, saya ingat soalan ini adalah berkisar tentang peranan pasar tani untuk meringankan beban kos rakyat.

Tadi mungkin ada sedikit jawapan iaitu ada kajian impak tentang responden bahwasanya responden itu lebih suka memilih untuk ke pasar tani. Namun begitu, pada pandangan saya sebagai seorang ibulah yang menyediakan masakan sendiri di rumah, saya dapati pada hari ini bahan tani seperti sayuran, contohnya, tidak lagi menjadi bahan keperluan tetapi barang kehendak kerana kosnya yang mahal. Kalau kita pergi ke universiti, bila kita tanya pelajar-pelajar, mereka lebih suka mengambil nasi dan lauk sahaja dan sayur ini maknanya adalah pilihan sekiranya bajet mereka lebih ataupun di awal bulan.

#### ■1120

Ini menunjukkan bahawa kita tidak rasa impak sayur itu menjadi barang harian yang diperlukan dalam gizi pemakanan rakyat harian. Oleh kerana itu, selain daripada pasar tani ini, apakah usaha di pihak kementerian untuk memastikan yang rakyat ini dapat menjadikan sayuran sebagai makanan keperluan asasi dan mungkin mengurangkan beban kos seperti mengembalikan Projek Buku Hijau pada suatu ketika dulu?

Kedua, apakah ada kajian impak yang menunjukkan pasar tani ini benar-benar menurunkan harga sehingga ia dapat dimiliki oleh semua tahap rakyat? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua soalan Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Asmak yang bertanya soalan FAMA tetapi ada isu yang sangat luas. Ia ada *structural problem* dan juga FAMA.

Pertama, saya akan jawab soalan tentang FAMA dulu. Memang dalam kajian kita, pasar tani FAMA, harga jualan semua barangannya, barang keperluan yang ditetapkan oleh KPDNHEP adalah di antara 5 peratus hingga 20 peratus lebih murah berbanding dengan pasar awam yang berdekatan. Ini adalah *the niche market*, kita punya *comparative advantage* di mana FAMA boleh berjaya selama 30 tahun sejak 1985 ini adalah disebabkan mereka memang lebih murah dan *consumer* tahu bahawa apabila mereka pergi beli barang di Pasar Tani FAMA, dia

akan mendapat penjimatan barang keperluan asas. Barang keperluan asas termasuk beras, sayur-sayuran, termasuk ikan juga.

Jadi bahawa ini adalah harga yang berpatutan dan lebih 5 peratus hingga 20 peratus. Jadi saya rasa bahawa sayur-sayuran ini menjadi bukan keperluan, menjadi kehendak pula, saya rasa ini perlu ada kajian dan fakta-fakta tertentu untuk membuktikan bahawa ia memang menjadi begitu. Akan tetapi kalau pelajar-pelajar universiti, mereka pergi memberi barang di pasar tani FAMA, saya rasa mereka boleh mendapat barang keperluan pada harga yang berpatutan.

Kedua, adalah isu *supply and demand*. Mungkin berdasarkan apa yang Yang Berhormat Senator katakan tadi, harga sayur-sayuran menjadi tinggi. Ini adalah *supply and demand* dan kita memang kekurangan tanah pertanian untuk sayur-sayuran. *This is a fact* dan perlu usaha dari segi kerajaan negeri untuk memberi lebih banyak tanah pertanian kepada pengusaha-pengusaha, petani-petani sayur-sayuran. Kalau kita hanya terus memberikan tanah kepada *palm oil*, kepada ladang-ladang besar, ia tidak akan menyelesaikan masalah keperluan harian iaitu *vegetables*. Ini kerana *tendency* kerajaan negeri memberi tanah *long-term list* kepada ladang-ladang besar. Akhirnya *agrofood* iaitu dari segi penternakan ayam, penanaman sayur-sayuran, penternakan ikan, lembu dan sebagainya, kurang diberi tanah dan menyebabkan *supply* tidak cukup. Terima kasih.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh sikit?

**Datuk Ng Chiang Chin:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Datuk Ng Chiang Chin pun minta.

**Datuk Ng Chiang Chin:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang berlainan?

**Datuk Ng Chiang Chin:** Ya lain sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaflah Yang Berhormat Senator Dr. Dia dari tadi hendak bangun-bangun.

**Datuk Ng Chiang Chin:** Kita dengar pagi ini *very positive towards farming*. Kata saya punya kawan dari Kelantan, dia kata, menu *on the table* kurang orang hendak makan. Saya punya soalan kepada FAMA. Ini semua *on average demand and supply*. Katalah satu hari *bumper crop*, sayur pun naik, cili banyak jadi, *papaya* pun sudah jadi, durian pun sudah jadi sebab semua turun padang hendak tanam. Katalah *bumper crop*. Adakah pihak FAMA akan tolong mengatasi *bumper crop*?

Kalau *bumper crop* boleh mengatasi, banyak masalah pertanian boleh diselesaikan. Sama juga pemuda-pemuda akan turun padang tanam sebab *there is almost market ready*, simpan. Untuk musim hujan, ikan tangkap tidak laku, musim hujan boleh keluar luar musim. Maka *there is a market guarantee*.

Kalau semua tidak cukup, *best in the worst*, semua turun padang. Saya rasa boleh turun padang tanam, boleh untung. Kalau banyak macam ini hari macam mana? Macam tomato di Cameron Highlands, *cabbage* dan lain-lain. Lebihan- macam mana hendak buat? Bolehkah pihak FAMA boleh mengatasi sekiranya *bumper crop*? Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator tentang soalan yang bagus. FAMA ditubuhkan untuk membantu petani memasarkan barang mereka. Jadi memang ada peruntukan dari segi kerajaan untuk membeli barang pada harga lantai.

Contohnya harumanis, apabila ada *bumper crop*, dia akan membeli pada harga yang minimum, *floor price* walaupun ia telah jatuh di bawah *floor price* itu tetapi FAMA membeli pada *floor price* tersebut supaya mereka masih boleh membuat sedikit keuntungan. Akan tetapi selalunya, *farmers* tidak *appreciate* FAMA kerana apabila mereka jual, mereka mempunyai *good selling price*, mereka akan jual kepada orang lain. Dia tidak akan memandang kepada FAMA. Akan tetapi apabila harga jatuh, maka mereka berpusu-pusu marah FAMA, kenapa tidak beli daripada kami, kenapa beli dengan harga yang begitu rendah. Ini adalah luahan daripada FAMA.

Walau bagaimanapun, saya rasa penting adalah kita memastikan harga yang stabil supaya *farmers*, petani kita boleh dapat sedikit keuntungan. Apabila petani dapat keuntungan, mereka akan melabur balik, mereka akan terus menanam. Kalau mereka rugi, maka tidak ada orang hendak menanam, petani akan terus cari pekerjaan yang lain.

Jadi kestabilan harga itu, untuk kerajaan, bagaimana kita membantu petani kita adalah *market access*. Kita membuka ruang, contohnya tomato kepada timur tengah, durian kepada pasaran China dan banyak lagi untuk pasaran supaya apabila pasaran tempatan *over bumper crop*, maka mereka ada akses kepada *market* yang lain supaya mendapat harga yang berpatutan di luar negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi buat masa sekarang ini FAMA memang ada rancanganlah bila ada *bumper crop*?

**Tuan Sim Tze Tzin:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh, sudah cukup. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat tidak sempat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sempat, sempat.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Soalan saya Nombor 7.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

7. **Dato' Zahari bin Sarip** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah kementerian mempunyai undang-undang yang menghalang penggunaan jenis-jenis lampu kenderaan tertentu kerana ada ketikanya mengganggu pemandu kenderaan lain.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Zahari di atas soalan berkaitan dengan penggunaan lampu-lampu kepada kenderaan-kenderaan.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian mempunyai undang-undang untuk mengawal selia pembinaan dan penggunaan lampu hadapan pada sesbuah kenderaan motor yang telah diperincikan melalui kaedah 9A, 96, 96A, 97, 98, 99 dan 100 di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 lagi. Berdasarkan kepada kaedah tersebut, pihak kementerian melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan mengawal selia pematuhan standard mandatori dan spesifikasi lampu kenderaan terhadap setiap model baru kenderaan melalui proses yang dinamakan kelulusan jenis kenderaan ataupun dalam bahasa Inggeris dengan izin, *Vehicle Type Approval (VTA)*.

Kriteria penilaian bagi spesifikasi lampu hadapan kenderaan model baru adalah berdasarkan pematuhan kepada peraturan *United Nations*, dengan izin, dan *Malaysian Standards (MS)* iaitu seperti berikut:

■1130

- (i) *MS ISO 303 - Road vehicles installation of lighting and light-signaling devices for motor vehicle and their trailers;*
- (ii) Peraturan UNR48 – *Installation of lightning and light-signaling devices;*
- (iii) Peraturan UNR98 – *Motor vehicles headlamps equipped with gas-discharge light sources* dengan izin;
- (iv) Peraturan UNR99 – *Gas-discharge light sources for use in approved gas-discharge lamp units of power-driven vehicles;*
- (v) Peraturan UNR112, R113 – *Headlamps emitting symmetrical and asymmetrical passing beam;* dan
- (vi) Peraturan UNR128 – *Light Emitting Diode (LED) light sources,* dengan izin.

Dalam isu pengubahsuaian lampu hadapan kenderaan pula, pihak kementerian telah menetapkan bahawa sebarang pemasangan lampu xenon atau HID atau LED secara aksesori atau yang dipanggil *etrofit*, dengan izin, adalah tidak dibenarkan kerana boleh mengganggu penglihatan dan memudarangkan pengguna jalan raya yang lain. Namun begitu, larangan tersebut tidak terpakai terhadap model-model kenderaan yang telah diluluskan di bawah proses kelulusan jenis kenderaan VTA tadi, bagi menggunakan lampu xenon, HID, LED tertakluk kepada pematuhan mandatori peraturan UN dan MS berkenaan yang kita sebutkan tadi.

Melalui operasi sekatan jalan raya, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) turut sentiasa menjalankan aktiviti pemeriksaan terhadap kenderaan yang mengubah suai atau memasang lampu xenon, HID, LED secara aksesori, *etrofit* dan akan mengeluarkan Notis Larangan Penggunaan Kenderaan (PG1) di bawah seksyen 59, Akta Pengangkutan Jalan 1987 kepada kenderaan yang berkenaan.

Seterusnya, tindakan undang-undang boleh dikenakan terhadap kenderaan motor tersebut melalui kaedah 94, Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 iaitu keadaan kenderaan atau mana-mana aksesori boleh mengakibatkan bahaya kepada orang di dalam kenderaan atau pengguna lain di atas jalan raya. Kesalahan ini boleh didenda sehingga RM2,000 atau penjara bagi tempoh tidak lebih enam bulan di bawah seksyen 119 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan Yang Berhormat Menteri sangat detil sehingga banyak soalan saya telah terjawab. Cuma satu saja saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat Menteri sebutkan jenis-jenis lampu yang dilarang penggunaan di hadapan kenderaan.

Cuma waktu ini kita melihat ada banyak kenderaan yang memasang lampu-lampu tambahan dan lampu yang telah ada sedia ada, kemudian tambah *spotlight*, tambah pula dengan signal yang pelbagai bentuk dan lampu-lampu tambahan. Adakah ini juga menyalahi peraturan dan undang-undang dari segi penguatkuasaan lalu lintas? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Mengikut dimaklumkan kepada saya, lampu-lampu yang tidak dibenarkan ialah lampu-lampu yang bercanggah dengan peraturan-peraturan yang kita sebutkan tadi ataupun lampu-lampu yang diubahsuai oleh *workshops* dalam negara kita. Oleh sebab itu, secara

dasar, secara undang-undang diubahsuai saja lampu, itu sudah menjadi kesalahan dari segi undang-undang jalan raya. Lampu-lampu tambahan yang biasa yang tidak melibatkan HID, xenon ataupun LED tadi, saya fikir selagi ia tidak melanggar pematuhan peraturan-peraturan tadi dan ia tidak mengakibatkan perubahan lampu yang sedia ada di dalam pasangan lampu tersebut, saya fikir itu terbuka kepada tafsiran kemudiannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 11.35 pagi. Soalan terakhir. Silakan Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin bin Abd Samad. Ini kerana Yang Berhormat Menteri sudah sampai sudah, saya hendak bagi peluang kepada Yang Berhormat Menteri bukan kepada Yang Berhormat [Ketawa]

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada masalah. Tidak keluar hari ini, keluar esok. Esok masih ada.

8. **Dato' Sri Khairudin Samad** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, usaha-usaha kementerian dalam menangani isu kanak-kanak dan warga emas yang dijadikan ejen meminta sedekah oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Sopiah binti Sharif pada 23 Julai kerana pertanyaan ini saling berkait.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Hannah Yeoh:** Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan isu pengemis kanak-kanak dan dewasa adalah yang pertama, kementerian bertindak sebagai urus setia kepada sekretariat menangani isu golongan gelandangan bagi membanteras pengemisan peringkat nasional. Jawatankuasa ini dianggotai juga oleh Kementerian Dalam Negeri; Kementerian Kesihatan Malaysia; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Wilayah Persekutuan; dan agensi yang berkaitan. Jawatankuasa ini berperanan menyelaras program serta merangka tindakan bersepada antara agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela yang berkaitan.

Kedua, menjalankan operasi bersepada, berjadual dan *ad hoc*. Antara agensi yang terlibat dalam operasi bersepada adalah PDRM, pihak berkuasa tempatan, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kesihatan. Dalam operasi bersepada ini, setiap agensi akan mengenal pasti mereka yang

diselamatkan. Setiap agensi akan mengambil tindakan terhadap kumpulan sasar masing-masing mengikut bidang kuasa agensi. Sehingga Disember tahun lepas, JKM telah menjalankan 2,584 operasi menyelamat pengemis iaitu 302 operasi bersepadu, 941 operasi berjadual dan 1,341 operasi *ad hoc* di seluruh negara. Melalui operasi tersebut, seramai 3,472 orang pengemis telah diselamatkan melibatkan 355 orang kanak-kanak dan 3,117 orang dewasa.

Ketiga, jika didapati pengemis yang diselamatkan adalah kanak-kanak, mereka akan terus dirujuk kepada pelindung untuk diambil tindakan mengikut Akta Kanak-kanak 2001. Manakala pengemis dewasa warganegara yang tidak mempunyai waris berumur di bawah 60 tahun akan ditempatkan di Desa Bina Diri dan pengemis yang berumur 60 tahun ke atas diberikan penjagaan dan perlindungan di Rumah Seri Kenangan di bawah jagaan JKM. Jika yang ditangkap merupakan bukan warganegara, mereka akan dirujuk ke bahagian imigresen. Jika mereka merupakan pelarian atau *refugee*, dengan izin, mereka akan dirujuk kepada UNHCR.

Keempat, jumlah kempen kesedaran yang telah dilakukan oleh kita sejak tahun 2015 adalah Program Bijak Membantu, Elak Tertipu dan sehingga Disember tahun lepas, sebanyak 150 kempen telah diadakan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan melalui operasi menyelamat pengemis kurang berkesan jika orang awam terus ingin memberi kepada mereka. Jadi kita sarankan kepada orang ramai yang hendak memberikan derma kepada golongan yang memerlukan, boleh hubungi Yayasan Kebajikan Negara supaya usaha untuk menderma ini kita boleh koordinasi dan kita boleh pantau. Yayasan Kebajikan Negara ada *website* dan bank akaun mereka. Semuanya boleh ikuti atas *Facebook* ataupun *Instagram* dan *website* mereka adalah [yknm.org](http://yknm.org). Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato Sri' Khairudin boleh derma pada tabung negara. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ini saya rasa dan berkeyakinan bukan masalah pengemis sangat. Ia masalah sindiket, ketua-ketua sindiket. Apakah tindakan kementerian untuk- sebab saya tidak pernah dengar sindiket-sindiket ini yang ditangkap, yang selalunya yang ditangkap pengemis kemudian berlindung, kemudian kita bagi tempat. Malaysia ini memang sedekah ini kerja kita fasal kita pemurah sangat. Oleh sebab itu, ramai sangat yang minta sedekah.

Pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua, pengalaman saya untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya tengah duduk makan di Bangsar, jadi saya menghadap arah pengemis

ini datang. Dia bawa tongkat, mata dia pejam seolah-olah dia buta. Lepas itu dia mengelak daripada meja-meja yang disusun di kaki lima itu.

■1140

Saya melihat dia ini mengelak, macam mana dia buta dia boleh mengelak. Jadi, bila dia datang ke meja saya, saya tak bagi satu sen pun tetapi kawan-kawasan saya bagi. Saya tegur kawan-kawan saya, dia kata eh orang buta. Saya kata mana buta *you* tengok, sebentar lagi *you* perhati dia macam mana. Rupanya betul Tuan Yang di-Pertua dia boleh mengelak, dia lalu di celah-celah kereta yang sedang di parkir di situ kemudian dia lintas jalan. Dia lintas jalan, dia boleh tunggu teksi kononnya dan bila kebanyakannya kereta datang dia diam sahaja. Akan tetapi, bila teksi datang dia tahan. Macam mana orang buta boleh tahu kata itu teksi?

Ini kadang-kadang yang kita- kalau kita hendak bertindak yang buta ini pun kadang mengganggu kita tengah makan di restoran-restoran dia datang. Bukan kita tidak mahu bagi tetapi mengganggu. Saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat soalan tambahan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** ...Cari sindiketnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan orang yang buta ya.

**Puan Hannah Yeoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya seperti yang saya telah jelaskan kita mempunyai operasi bersepada kerana langkah-langkah membantu ini terletak di bawah beberapa kementerian. Di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kita menguruskan penempatan dan perlindungan kepada kanak-kanak yang terlibat. Untuk sindiket-sindiket, mereka adalah di bawah perundangan yang berbeza di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Akan tetapi, izinkan saya boleh memberikan kebanyakannya daripada data ataupun penangkapan yang telah dilakukan untuk tahun lepas kebanyakannya mereka dibebaskan dengan amaran. Apabila kita buat siasatan bersama Ops Bersepada kita selalunya memberikan amaran supaya mereka tidak mengulangi perkara ini. Paling penting sindiket kah ataupun orang yang betul-betul miskin yang paling penting adalah rakyat Malaysia mesti sedar bahawa mereka tak boleh menderma dan memberi kepada pengemis. Ini kerana ini akan mendorong tabiat ini berterusan.

Jadi, kita minta kerjasama Senator semua boleh membantu kita boleh jalankan Ops Bersepada bersama di bawah negeri masing-masing untuk tingkatkan lagi kesedaran. Sekarang ini selalunya kalau hari Jumaat di depan masjid dan surau, Ahli Jawatankuasa sudah tahu mereka

akan menelefon talian kasih 15999 dan membantu JKM menjalankan operasi menyelamat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan selesai.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### **USUL**

#### **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 26(3)** **PENGISYTIHARAN HARTA AHLI DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**11.43 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

**“BAHAWASANYA** berdasarkan prinsip akauntabiliti dan ketelusan maka anggota-anggota pentadbiran dan Ahli Parlimen kerajaan telah mengisytiharkan harta mereka dalam akaun berkanun sebagaimana yang terkandung dalam kod etika bagi anggota-anggota Parlimen dan Ahli Parlimen yang telah dipaparkan dalam portal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

#### **MAKA DEWANINI BERSETUJU:**

**BAHAWA** sesuai dengan prinsip akauntabiliti dan ketelusan, semua Ahli Dewan Negara hendaklah mengisytiharkan harta mereka termasuk isteri atau suami, anak dan pemegang amanah dalam akaun berkanun sebagaimana yang ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara;

**BAHAWA** Akuan Berkanun tersebut hendaklah dikemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dalam tempoh tiga bulan dari usul ini di setuju dan disalinkan kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; dan

**BAHAWA** senarai nama Ahli Dewan Negara yang telah mengisyiharkan harta hendaklah dipaparkan dalam portal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan hanya butiran pengisyiharan harta Ahli Dewan Negara tersebut sahaja yang akan dipaparkan di portal tersebut selama tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaan Akuan Berkanun dan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia".

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan adalah sangat komited dalam melaksanakan pembaharuan kepada semua institusi utama di Malaysia. Antara perkara yang diberi perhatian oleh kerajaan adalah usaha untuk mewujudkan negara yang bebas rasuah. Walaupun kerajaan telah mengambil tindakan untuk mereformasikan perkhidmatan kerajaan berkaitan rasuah dan telah mengambil tindakan mahkamah kepada individu yang melakukan kesalahan rasuah.

Namun, kerajaan berpendapat bahawa tindakan tersebut masih boleh ditambah baik. Kerajaan juga berpendapat bahawa rasuah ini bukan sahaja berkaitan tindakan pencegahan dan punitif tetapi juga membabitkan isu perspektif rakyat iaitu ia bukan sahaja membabitkan tindakan yang dibuat namun mestilah di lihat atau disedari dibuat oleh rakyat, dengan izin, *it must not only been done, but it must be seen to be done*. Dalam hal ini, berdasarkan prinsip akauntabiliti dan ketelusan dan juga Janji 14 yang terkandung dalam Buku Harapan maka kerajaan telah mengarahkan supaya semua anggota-anggota pentadbiran dan Ahli Parlimen kerajaan untuk mengisyiharkan harta sebagaimana yang ditetapkan oleh dan dalam kod etika bagi anggota-anggota pentadbiran dan Ahli Parlimen.

Senarai nama serta butiran harta anggota pentadbiran dan Ahli Parlimen tersebut telah dipaparkan dalam portal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Bagi tujuan rekod Dewan yang mulia ini, saya ingin memaklumkan bahawa Dewan Rakyat telah meneruskan Usul Pengisyiharan Harta pada 1 Julai 2019.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Dewan ini, format dan prosedur yang dicadangkan untuk digunakan dalam pengisyiharan harta Ahli Dewan Negara adalah sama dengan format dan prosedur yang digunakan di Dewan Rakyat. Ini bagi memastikan satu standard yang sama digunakan oleh semua Ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa pengisyiharan harta ini telah pun dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan Ahli Dewan Rakyat maka sudah sampai masa untuk semua Ahli Dewan Negara untuk turut serta bersama-sama membuat pengisyiharan harta.

Tuan Yang di-Pertua, usul ini akan terpakai kepada semua Ahli Dewan Negara, suami dan isteri, anak yang berumur 21 tahun ke bawah dan semua pemegang amanah yang berkaitan.

Usul ini jika diluluskan akan membolehkan semua Ahli Dewan Negara mengisyiharkan harta mereka dalam tempoh tiga bulan iaitu sehingga 21 Oktober 2019 dengan mengisi borang akaun berkanun yang ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Akuan berkanun tersebut telah kelak akan mempunyai tiga borang masing-masing berkaitan pengisyiharan harta. Pengisyiharan harta tambahan dan pelupusan harta. Ke semua akuan berkanun ini, perlu diakui sumpah sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta Akuan Berkanun 1966 [Akta 783]. Dalam konteks ini harta yang dinyatakan dalam akuan berkanun adalah pendapatan bulanan dan semua harta ahli dan tak ahli dan di luar negara.

Akuan berkanun ini, kelak perlu dihantar kepada Tuan Yang di-Pertua dan disalin kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pihak SPM seterusnya akan memuat naik senarai nama dan butiran harta Ahli Dewan Negara itu sahaja untuk tempoh tiga bulan daripada tarikh SPM menerima akuan berkanun tersebut. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil maklum bahawa setakat ini tiada undang-undang yang mewajibkan Ahli Parlimen untuk mengisyiharkan harta masing-masing. Atas faktor ini, maka kerajaan berpendirian bahawa usul yang dikemukakan ini adalah satu cara yang paling baik dalam menguatkuaskan tindakan mewajibkan Ahli Parlimen untuk mengisyiharkan harta.

#### ■1150

Memandangkan bahawa usul merupakan suatu ketetapan Dewan yang merupakan suatu arahan yang akhirnya mengikut semua Ahli Dewan Negara, maka sekiranya terdapat ketidakpatuhan kepada arahan tersebut, maka Ahli Yang Berhormat berkenaan boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 72, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara kerana melanggar kuasa dan juga kebebasan Majlis. Seterusnya, jika terdapat Ahli Dewan ini yang membuat akuan yang tidak benar, maka Ahli tersebut adalah tertakluk kepada seksyen 3, Akta 783, dan seksyen 199, Kanun Keseksaan. Jika disabit kesalahan, Ahli tersebut boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 193, Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun dan denda.

Akhir sekali, kerajaan mengharapkan agar semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dapat memberi sokongan kepada usul yang dikemukakan bagi mencerminkan imej baharu Malaysia yang berakauntabiliti, telus dan bebas rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin**

**Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 26(3) terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun.

### 11.51 pg.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada rakyat negeri Sarawak di atas ulang tahun Hari Sarawak hari ini dan tahniah juga kepada Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi di atas pelantikan semula... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana memberi peluang sebagai pembahasan pertama. Akan tetapi saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang untuk membahaskan dan berhujah berkenaan dengan usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Pertamanya, saya hendak mengajak sahabat-sahabat Ahli-ahli Dewan Negara, setelah apa yang kita persetujui dan kita sama-sama muafakat sebelum ini di atas dasar kita membawa reformasi kepada Dewan yang mulia ini, yang diterajui oleh sahabat kita Yang Berhormat Senator Tuan Yusmadi, yang mana kita mengambil keputusan untuk menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai satu Dewan semak dan imbang, *check and balance* yang sangat *credible*, yang tidak berpusat kepada cita rasa kepartian ataupun *partisan*, dengan izin. Hari ini kita mengambil keputusan setengah-setengah daripada agenda kita iaitu bersifat *bipartisan*, bahkan ada juga sifat-sifat *non-partisan* yang kita bawa bersama.

Jadi untuk itu, saya hendak berhujah pada hari ini atas dasar kita melihat akan usul yang dibawa oleh kerajaan ini, bermakna Ahli-ahli Dewan Negara mesti mempunyai sifat seperti yang saya sebutkan tadi. Jangan ada sifat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *tour the lines*. Hari ini mesti ada sifat bahawa kita hendak menjadi individu-individu, pemimpin-pemimpin yang semak dan imbang segala macam perkara, pentadbiran, *governance*, perundangan yang dibawa oleh Dewan Rakyat kepada Dewan Negara. Oleh sebab itu kita terdiri daripada individu-individu yang mempunyai semangat dan iltizam untuk melihat sistem *bicameral* kita ini Tuan Yang di-Pertua, kita pertahankan bersama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Boleh saya sambung Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih. Jadi, atas semangat dan muafakat yang kita telah persetujui, saya hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Antaranya usul ini juga ingin menangani dan juga ingin, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *to address the perspective issue*, isu perspektif rakyat terhadap Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini. Ya, kita sedia maklum ia menjadi janji dalam manifesto mereka.

Akan tetapi persoalan pokok yang saya hendak tanya, kenapa ia tidak dijadikan satu polemik? Kononnya usul inilah yang akan mencerminkan keseriusan, komitmen Pakatan Harapan dalam memperkenalkan *standard of integrity*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang lebih tinggi dan diterima. Kalau lahir itu semangatnya, mengapa ia tidak dijadikan rang undang-undang ataupun *bill* yang mewajibkan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk mengisytiharkan harta?

Hari ini ia merupakan satu usul yang saya difahamkan, yang saya dimaklumkan, usul yang *loose* melainkan sekiranya Speaker Dewan Rakyat ataupun Speaker Dewan Negara mendapati inti pati pengisytiharan harta itu tidaklah *reflective* dan tidak betul, tidak benar, mempunyai saya fikir banyak kepincangan dalam pengisytiharan tersebut, maka Tuan Yang di-Pertua akan merujuk kepada perundangan-perundangan yang sedia ada, termasuk juga perundangan *statutory declaration*, dengan izin, iaitu akuan bersumpah. Jadi, persoalan itu perlu dijawab, kenapa ia tidak dijadikan rang undang-undang?

Kedua Tuan Yang di-Pertua, dalam Perlembagaan Persekutuan, Bahagian II, Perkara 5, 6 dan Perkara 13 - kebebasan asasi. Saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, mungkin saya bukan seorang yang fasih dalam isu perundangan, kita mempunyai ramai peguam *expert, constitutional experts* kita dalam Dewan ini.

Walaupun ia bukan rang undang-undang, ia merupakan usul yang dibawa dalam Dewan ini, apakah ia tiada bersifat *ultra vires* iaitu bertentangan dengan perundangan ataupun elemen Perlembagaan sedia ada, terutama Bahagian II, Kebebasan Asasi, Perkara 3, Perkara 5, Perkara 5 dan Perkara 13? Ini perlu kita lihat bersama. Apa salahnya kalau Dewan yang mulia ini kita berhujah, berbahas. Kita mendengar pandangan daripada sahabat-sahabat peguam yang sudah menjadi pakar dalam bidang perundangan dan juga Perlembagaan negara kita.

Oleh sebab itu, saya tekankan Tuan Yang di-Pertua, apakah ini merupakan satu polemik *to cover up*, untuk melindungi apa yang kita sebutkan pada hari ini iaitu *the lost promise of integrity*. Saya tekankan perkataan ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kerana saya hendak

melihat badan-badan kerajaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang diketuai oleh seorang yang bekas ahli politik. Di mana saya fikir *standard of integrity* yang menjadi jaminan kepada kita, terutama Ahli-ahli Dewan Negara, bahawa tidak akan wujud mana-mana penyalahgunaan kuasa ataupun *abuse of position* oleh mereka yang memegang jawatan *enforcement* yang penting ini. Apatah lagi hari ini kita sedia maklum, difahamkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa Ahli-ahli Dewan Negara dalam tempoh tiga bulan, selewat-lewatnya pada 21 Oktober perlu menghantar borang ini. Ia akan dipamerkan kepada umum, senarai sama ada harta pendapatan, termasuk juga tanggungan, hutang-hutang mereka, termasuk hutang-hutang kepada bank.

Tuan Yang di-Pertua, ramai di kalangan Ahli Dewan Negara ini merupakan ahli korporat yang sudah sekian lama menjadi usahawan dan peniaga sebelum mereka dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Ada yang merupakan profesional yang mempunyai firma guaman sendiri yang mempunyai pendapatan jutaan Ringgit, yang mempunyai harta yang banyak. Firma akauntan, arkiteknya, *engineer* nya, konsultan profesionalnya.

Sebelum ini mereka telah mempunyai banyak harta, hari ini kerana mereka dilantik sebagai Ahli Dewan Negara, terpaksa mereka mengisyiharkan dan mengumumkan pendapatan dan harta mereka. Ini saya fikir ada, dengan izin, mungkin saya silap Tuan Yang di-Pertua, tetapi mungkin mempunyai satu elemen *ultra vires* yang telah saya sebutkan tadi, terutama Bahagian II, Perkara 5 dan Perkara 13, Perlembagaan Persekutuan.

## ■1200

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat usul ini, apabila Ahli-ahli Dewan Negara kita berhujah dan berbahas atas semangat *bi-partisan* kita, atas semangat mengadakan semak dan imbang yang *credible* kita, saya benar-benar mengajak jangan kita semata-mata terpaksa *toe the line*, terpaksa mengikuti dan terpaksa tunduk kepada desakan daripada kepimpinan parti kita.

Mungkin, sebelum ini sewaktu Barisan Nasional dahulu menjadi kerajaan, mungkin perkara ini wujud. Akan tetapi, dalam Malaysia Baharu Pakatan Harapan ini, apakah Yang Berhormat hendak mengulangi sikap sebegini yang telah mungkin wujud sewaktu pentadbiran dan pemerintahan Barisan Nasional? Oleh sebab itu, keputusan yang kita buat pada hari ini, biarlah ia menjadi contoh teladan terbaik kepada rakyat-rakyat Malaysia yang berada di luar sana. Bukan kerana kita di Dewan Rakyat, sahabat-sahabat di Dewan Rakyat yang sangat-sangat bersifat kepartian yang hanya ingin melihat ego parti masing-masing itu ditegakkan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan di sini- difahamkan baru-baru ini ada juga Ahli Dewan Rakyat walaupun usul ini telah diluluskan di Dewan Rakyat, tidak berpuas hati. Ada seorang Ahli Parlimen terpaksa mengisytiharkan harta termasuk tunai dimiliki di banknya, nilainya jutaan Ringgit, ratusan jutaan Ringgit, akhirnya telah membuat keputusan untuk terpaksa memindahkan ahli keluarganya duduk di luar negara kerana takutkan keselamatan, *safety and security of his family members*. Sampai begitu sekali- tidak salahlah, kerana dia memang seorang ahli perniagaan dan dipilih oleh partinya untuk menjadi Wakil Rakyat.

Akan tetapi, hari ini kerana usul ini, terpaksa dia bawa pindah ahli keluarganya duduk di luar negara kerana takut nanti, dengan izinlah Tuan Yang di-Pertua, mana tahu, dunia kita ini banyak cabaran, banyak juga manusia yang punyai niat-niat yang tidak baik, menculik atau membuat sesuatu terhadap keluarga tersebut. Silakan Dato' Sri.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak ambil kesempatan ini kerana kita bersama-sama dalam Jawatankuasa Reformasi Senate, di mana kita mahu melihat Dewan Senate ini lebih berdikari, lebih bebas daripada sebarang tekanan dan sebagainya untuk memainkan peranan legislatif, menyuarakan kehendak dan matlamat serta *political will* rakyat dan sebagainya tanpa segan sila atau takut pada *Executive*.

Dengan mengadakan- kalau usul ini diluluskan nanti, mungkinkah *Executive* akan menjadi semakin kuat, di mana *Legislative* akan ditawan dan kita akan tunduk kepada *Executive* di mana inilah yang berlaku, trend zaman ini berlaku. Kalau kita tengok dari segi sejarah pentadbiran *the three branches Legislative, Executive dan Judiciary*, perbezaannya amat jelas. Cuma, dalam tahun 80-an, 90-an, ia semakin di-centralized. Adakah kita akan sama dengan negeri-negeri jiran Singapura di mana terlalu banyak undang-undang, bukanlah untuk membantu rakyat, ataupun memberi ruang ketelusan dan sebagainya, tetapi matlamatnya adalah untuk mengawal khususnya pemimpin-pemimpin negara dan sebagainya.

Tadi, Yang Berhormat ada mengatakan *ultra vires*. Sebenarnya saya mempertikaikan usul ini atas *mala fide*. Saya rasa apabila beberapa politikus, apabila suami memberi *declaration* yang berbeza dengan isteri, yang kedua-duanya adalah Ahli Parlimen, maka amatlah jelas tindakan perlu diambil, ada kesalahan.

Akan tetapi, kalau semata-mata Ahli-ahli Parlimen yang daripada barisan kerajaan dan pembangkang sampai tahap mendeklarasikan bahawa mereka mempunyai aset dilepaskan begitu sahaja, saya rasa usul ini akan mempunyai *pick and choose*, ataupun *selective*

*prosecution.* Ini amat merisaukan, lebih-lebih lagi kalau kita mahu *reform Senate*, kita mahu *independent*.

Saya cuma hendak masuk sebab saya tidak akan terlibat dalam perbahasan. Saya nampak ramai ada sebanyak 17 orang akan berbahas. Cuma, saya mengambil kesempatan meminta Yang Berhormat untuk memberi pandangan yang lebih lanjut dalam isu *ultra vires, mala fide* dan juga *independent of legislative instrument. Thank you.*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Baik, Terima kasih Dato' Sri Ti Lian Ker. Saya setuju dengan pelbagai sudut yang telah dibangkitkan oleh Dato' Sri Ti Lian Ker. Ya, benarlah bukan sahaja *ultra vires*, tetapi kita juga ingin lihat sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua di Dewan Rakyat, kalau hari ini Dewan Rakyat telah meluluskan usul, tidak apalah itu hak mereka di Dewan Rakyat. Kita punyai hak kita di Dewan Negara, ini satu cabang Parlimen.

Semua sedia maklum kita punyai tiga komponen, iaitu Yang di-Pertuan Agong, *Upper House*, *Senate House*- kita dan juga *Lower House*, Dewan Rakyat. Bermakna *we are independent of each other*. Kita tidak perlu apa yang diluluskan oleh Dewan Rakyat, maka datang ke sini jadi *rubber stamp*. Kalau kita tidak hendak jadikan Dewan Negara ini *rubber stamp* ataupun tidak mahu ulangi mungkin kelemahan dan kesilapan pentadbiran terdahulu, maka inilah Dato' Sri Ti Lian Ker, hari inilah akan menjadi satu titik permulaan untuk kita buktikan bahawa Dewan Negara merupakan Dewan yang benar-benar bebas daripada pengaruh dan juga kuku ataupun cengkaman pihak cabang *Executive* dan juga pihak berada di Dewan Rakyat... [*Dewan tepuk*]

Oleh sebab, saya setuju dan saya hendak tekankan hari ini, kalau kerajaan benar-benar serius, kenapa tidak beri notis yang secukupnya kepada Dewan Negara untuk menyatakan bahawa usul ini mempunyai kepentingan umum yang sangat besar? Saya hendak nyatakan, kenapa tidak diberi notis yang secukupnya untuk menunjukkan usul ini mempunyai kepentingan yang besar kepada negara?

Di Dewan Rakyat kita dapat lihat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada usul, *motion* yang digerakkan oleh pihak pembangkang *to impeach*, dengan izin, Yang Berhormat Menteri Kewangan, kerana telah mengisyiharkan di Dewan Rakyat satu rompakan dilakukan terhadap baki dana yang perlu dibayar daripada tabung GST tersebut. Apabila usaha ini di bawa oleh pihak pembangkang untuk *impeach* Yang Berhormat Menteri Kewangan, tetapi ia ditolak bulat-bulat oleh Tuan Yang di-Pertua di Dewan Rakyat. Kemudian didapati anak beliau merupakan setiausaha akhbar kepada Lim Guan Eng. Jadi, di mana soal integriti yang kita, *standard of integrity* yang kita hendak uar-uarkan pada hari ini.

Apabila berlaku sebagai contoh usul ini, pengisytiharan yang tidak tepat, kuasa diberi sepenuhnya kepada Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidak Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ini mereka yang terdiri daripada individu-individu yang sangat *credible*.

Hari ini kalau berlaku individu tersebut yang punya niat yang lain, yang ingin saya fikir, dengan izin, mengadakan *abuse of position* dan juga *power*, mungkin Ahli-ahli Dewan Negara ini terdedah kepada manipulasi-manipulasi yang saya fikir mungkin sebagai Ahli-ahli Dewan Negara, kita kena benar-benar lihat dan benar-benar memastikan aspek keadilan itu terhadap semua Ahli Dewan Negara itu dapat kita jaga dan sama-sama. Ini bukan soal saya takut hendak mengisytiharkan harta ataupun apa juga tanggungan.

Akan tetapi, saya lihat lebih kepada kenapa ia dijadikan polemik usul? Kenapa ia tidak dibawa sebagai satu rang undang-undang ataupun kita perkasakan rang undang-undang sedia ada yang lain di bawah SRPM-nya, di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri-nya.

Hari ini kalau kita balik ke kawasan-kawasan – Sekejap Yang Berhormat. Kalau kita balik ke kawasan-kawasan kita, sebagai contoh, kalau kita balik ke kawasan politik kita, macam saya di Pasir Salak Lah, Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat kalau balik ke Pasir Emas kah. Rakyat-rakyat di sana apabila dibuat pemilihan ataupun hendak mengundi kita nanti sebagai contoh Ahli-ahli Dewan Rakyat pada pilihan raya umum, bukanya mereka hendak- sebenarnya hendak lihat *details* pengisytiharan harta ini semata-mata. Banyak lagi isu-isu lain yang mereka akan berpertimbangan terutama terhadap isu-isu yang mereka sedang hadapi pada hari ini.

Jadi, pada masa itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa marilah kita pada hari ini, buktikan muafakat kita, kesepakatan kita untuk mendukung semangat *bi-partisan* kita dan juga untuk mengadakan semak dan imbang yang *credible* kita, saya mengajak Ahli-ahli Dewan Negara, masa kita berhujah dan berbahas ini, untuk mencari penyelesaian bahawa usul ini bukanlah satu usul yang sangat-sangat baik ataupun terbaik untuk kita sokong dan kita luluskan.

Banyak lagi cara lain, banyak lagi usaha lain yang boleh kalau benar kita hendak bawa soal ataupun hendak mendukung soal integriti di kalangan Ahli-ahli Dewan Negara. Jadi, sebelum saya tamatkan, mungkin Senator Puan Raj Munni ada persoalan, dipersilakan.

■1210

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. saya tertarik dengan hujah yang disebutkan oleh salah seorang anggota kita lah dalam Jawatankuasa Reformasi Dewan Negara. Saya juga adalah bersama-sama dengan rakan-

rakan dan teman-teman yang lain dalam Dewan Negara ini untuk memastikan bahawa Dewan Negara ini dihormati oleh semua peringkat termasuk oleh anggota-anggota pentadbiran.

Walau bagaimanapun, saya agak keliru dengan pendirian Yang Berhormat Senator kita, adakah ia isu teknikal atau isu apa sebenarnya? Kalau isu teknikal, mungkin kita boleh bagi pandangan-pandangan kita, cadangan-cadangan kita untuk ia ditambah baik tetapi bukan dengan cara menolaknya terus. Ini kerana bila kita menolaknya terus, ia satu gambaran bahawa seolah-olah Dewan Negara ini tidak berani untuk mengisyiharkan harta ataupun menolak untuk pengisyiharan harta. Kalau apa yang kita risau barangkali adalah di sudut mekanisme seperti mana yang dibincangkan semalam ialah ramai yang berpendapat bahawa *upload* itu menyebabkan timbulnya beberapa masalah lagi. Jadi, mungkin kalau itu kita boleh cadangkan kepada pihak kerajaan lah. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu. Saya setuju, ini bukan soal teknik, ini bukan soal teknik. Sekiranya berlaku soal teknikal pun, kita sesama kita boleh bermuafakat. Kalau perlu kita panjangkan tempoh perbahasan dan penghujahan kita, saya pasti Tuan Yang di-Pertua akan terima. Ini kerana kalau lebih ramai yang menyuarakan, lebih relevan cadangan-cadangan kita. Mungkin ini boleh dijadikan satu kata putus, mungkin kerajaan terpaksa pinda usul ini.

Akan tetapi, apa yang saya hendak nyatakan jangan wujud satu polemik daripada usul ini semata-mata *to display*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *to the masses that* kononnya PH hari ini telah berjaya mendukung satu *standard of integrity* yang tinggi dengan memaksa Ahli-ahli Dewan Negara mengisyiharkan harta-harta mereka, dengan memaksa Ahli-ahli Dewan Rakyat mengisyiharkan harta-harta mereka. Walhal banyak lagi soal isu integriti yang berlaku di kalangan ahli-ahli eksekutif kerajaan pada hari ini.

Kes-kes yang berlaku di mahkamah Ahli-ahli Yang Berhormat semua pun tahu, pelbagai persoalan yang ditimbulkan hari-hari. Tidak perlulah saya sebutkan kes mahkamah apa yang berlaku. Jadi, itu adalah jauh lebih besar isunya, rakyat sedang menilai di sana. Hari ini Ahli Dewan Negara kita, kita tidak berjaya hendak berdiskusi, hendak berhujah mengenai soal *governance* dan *integrity* akan isu-isu pokok yang lebih besar dari itu.

Hari ini kita semata-mata hendak meluluskan usul yang saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat-saya hendak tambah sikit Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu, sudah sebelum ini pada tahun 2004 pun Kerajaan Barisan Nasional sudah perkenalkan *code of ethics* di kalangan Ahli Parlimen, sudah buat pun. Ini kerana sebenarnya pengisyiharan harta ini sudah

dibuat sekian lamanya di kalangan Ahli Parlimen dan juga terutama Jemaah Menteri dan juga kakitangan-kakitangan kerajaan, sudah buat.

Cuma hari ini, ia saya lihat tidak lebih daripada *rebranding*, tidak lebih daripada satu – saya fikir skim *strategic communication* oleh pihak PH untuk melambangkan yang mereka itu sangat-sangat mendukung soal integriti yang ada pada hari ini. Walhal, boleh sebut sahaja. Dahulu sudah ada buat, hari ini kita hendak memperkasakan. Kita sambung sahajalah. Sebenarnya sudah ada pada tahun 2004, *Code of Ethics for Government Backbenchers*. Selepas itu, *Code of Ethics For Members of Administration* pada tahun 2009 di kalangan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri, bukan perkara yang baharu Yang Berhormat.

Jadi, hari ini adalah tidak lebih daripada hanya *exercise rebranding* yang dibuat oleh PH. Oleh sebab itu, saya hendak tekankan hari ini, dalam soal kita hendak kena *rebrand* sekali pun memanglah kepakaran PH ini dia pakar tukar nama. Akan tetapi saya hendak nyatakan juga, kalau terpaksa kita tolak sekali pun atas semangat *bipartisan* yang saya sebutkan tadi, PH pun sudah banyak kali buat *U-turn* Ahli-ahli Yang Berhormat. Pelbagai janji manifesto mereka telah dibuat *U-turn*.

Jadi, hari ini saya mintalah kalau sekali pun kita hendak tolak usul ini dan memang saya hendak mencadangkan kita tolak usul ini tetapi kita memperkasakan undang-undang lain yang sedia ada. Undang-undang di bawah SPR, undang-undang di bawah SPRM dan undang-undang di bawah LHDN yang lebih efektif, yang lebih relevan dan yang lebih mengehendaki komitmen dan integriti, *standard of integrity* yang tinggi di kalangan Ahli-ahli Dewan Negara. *In syaa Allah*, satu hari nanti kalau Reformasi Dewan Negara ini berjaya, di kalangan Ahli Dewan Negara ini juga dibuat pilihan raya bukan sahaja ditunjukkan, dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ataupun dinamakan oleh parti masing-masing.

Pada waktu itu kita sudah tahu, kita punyai satu standard yang tinggi. Rakyat menilai Ahli-ahli Dewan Negara ini di *Upper House of our bicameral system*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, malangnya di Malaysia ini kalau Yang di-Pertuan Agong merasmikan sidang Parlimen dibuatnya di Dewan Rakyat. Kalau di negara-negara Komanwel yang lain, di Australia, di UK dan di Kanada *governor* ataupun *the Majesty Queen* membaca titah pembukaan Dewan di Dewan Negara, di *Upper House*, kita di Dewan Rakyat. Tengok sahaja di Dewan Negara dan di Dewan Rakyat pun kerusi yang diduduki oleh Yang di-Pertuan Agong pun kongsi kerusi yang sama dengan *Speaker* Dewan Rakyat. Kalau di negara lain kerusi Yang di-Pertuan Agong itu ataupun *the Majesty Queen* itu lain daripada kerusinya, bukan kerusi daripada *Speaker*.

Jadi, ini contoh yang saya hendak setuju, reformasi itu perlu kita buat di Dewan Negara tetapi mesti bermula langkah kita, langkah yang betul. Langkah permulaan kita langkah yang bergaya. Bukan langkah permulaan kita langkah *shoot our own feet*, bukan tembak kaki sendiri. Ini banyak soal yang saya ada bangkitkan tadi, soal keselamatan, soal ahli-ahli perniagaan yang lama menjadi- ahli perniagaan sebelum menjadi ahli korporat ini saya kenal ini Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah, profesional-profesional Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind semua ini, ahli-ahli korporat, ahli profesional yang jauh dan membuat, membina dan mencipta kekayaan sebelum mereka dilantik sebagai Senator.

Hari ini apabila mereka terpaksa isytiharkan termasuk hendak isytiharkan hutang kepada bank- eh, kita hendak ceritakan kepada orang kah banyak mana hutang kita pada bank? *The more we expose to the public the amount of money debt that we owe to the bank, that is where our credit rating will drop.* Jadi, hari ini biar jadikan medan ataupun Dewan yang mulia ini sebagai Dewan untuk kita berhujah dan berbahas. Banyak pakar perundangan, Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh nya adalah pakar *constitutional*, mungkin boleh sebut, *correct me if I am wrong*- kejap Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker...

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Kita dengar Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh, mungkin soal *ultra vires*, *correct me if I am wrong*. Ya, saya lihat Bahagian II, Perkara 5, 6, dan 13 punya elemen *ultra vires* nya. Silakan Yang Berhormat Senator.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu dari Yang Berhormat Senator, bagaimana usul ini *ultra vires*? Dewan Negara ada kuasa meluluskan rang undang-undang, meluluskan usul-usul. Mana satu undang-undang di negara ini atau usul ini melanggar atau menjadi *ultra vires*?

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Saya bangkitkan perkara ini- terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh. Saya bangkitkan perkara ini bukan- saya sebutkan peringkat awal, saya bukan seorang pakar guaman ataupun pakar perundangan. Akan tetapi, saya juga bertemu dengan ramai sahabat dan rakyat di luar yang mengatakan usul ini mempunyai elemen *ultra vires*. *That is why* saya sebut peringkat awal, *correct me if I am wrong*.

Ini kerana saya melihat pada bacaan dan pemahaman saya Bahagian II, Perkara 5, 6, dan Perkara 13 itu ada dan mungkin boleh wujud elemen *ultra vires* apabila satu-satu pengisytiharan itu dibuat dan ia *might lead to abuse of*- saya tidak pasti apa perkataan yang saya perlu gunakan. Akan tetapi, ada elemen yang sekiranya mereka itu tidak mengisytiharkan harta, boleh diambil tindakan sama ada tindakan melalui Akta SPRM ataupun akta-akta ada termasuk

juga kalau dalam Dewan ini kita ada Jawatankuasa Hak- *privilege and- Jawatankuasa Hak ahli...*  
*[Disampuk]*

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Saya tolong. Boleh saya tolong Yang Berhormat?

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Sekejap, sekejap. Jadi, mungkin ini waktu dan masa untuk kita berbahas dan berhujah. Kalau argumen saya ini lemah, *you prove it is weak. But what I am saying here today that there is element of ultra vires against Federal Constitution. So, lets debate about this ya. I stand to be corrected.* Akan tetapi ini argumen saya, ya. Tadi Yang Berhormat Senator Raj Munni binti Sabu bangkitkan soal teknik sahaja, kita boleh fikir. Saya sebutkan tadi kalau usul ini ditolak bukan semestinya saya kata kita tidak perlu isytiharkan harta.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh saya ini tamat bulan 12 ini. Saya tidak lama sudah jadi Ahli Dewan Negara dan saya tidak minta disambungkan pun. Akan tetapi saya bercakap ini soal kerana kita hendak mempersiapkan masa hadapan, *a better precedent for the future.* Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh ada hendak tambah sikit kah apa? Kalau hendak bertanya soalan ini saya ingat...

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tadi Yang Berhormat Menteri sudah dalam ucapannya beritahu, kalau seorang Ahli Dewan Negara gagal mengisikan pengisyiharan, itu akan dirujuk kepada Speaker. Kalau buat akuan yang palsu, itu akan diambil tindakan di bawah *Penal Code.* So, *where is the basis of your argument about the Constitution being violated? Ultra vires is the inception when the law or the motion is introduced. You must show this honorable House which law is being violated as ultra vires?*

## ■1220

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Nga Hock Cheh, saya bangkitkan hal ini *to spark the discussion. I stand to be corrected. I don't mind* kalau *to be corrected by- a renown Constitutional lawyer like you. You are a distinguished lawyer.*

Akan tetapi hari ini, saya hendak tekankan jangan kita buat perkara yang boleh membawa kepada elemen-elemen yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker tadi dan apa yang saya *argue* hari ini.

Kalau soal- saya hendak ulang sekali lagi. Di Dewan Rakyat soal integriti, ramai yang mempertikaikan integriti, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, walaupun Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tidak ada di sini tapi ramai yang mempersoalkannya. Soal mudahnya adalah apabila *Motion* dari pihak pembangkang hendak *impeach* Yang Berhormat Lim Guan Eng, itu pun ditolak bulat-bulat dan apabila rakyat bangkitkan yang bahawa dia tidak *independent* dan sekarang ini anak dia bertugas sebagai Setiausaha Akhbar kepada Yang Berhormat Lim Guan

Eng- kenapa, pada peringkat awal Tuan Yang di-Pertua di Dewan Rakyat umum sahaja, sebelum saya buat keputusan saya hendak mengatakan pada Dewan yang mulia ini anak saya seorang Setausaha Akhbar kepada Menteri. Buatlah begitu. Bila tidak buat, timbulah soal integriti, bila rakyat *start to question*. Ah! you marah pula. Jadi di manakah profesionalisme di sini?

Sepatutnya waktu itu *Speaker* Dewan Rakyat pun tidak payahlah *precede over* ini- serah kepada *Deputy Speaker* sahaja. Tidak payah dia buat kerana anaknya memang *clear-cut* bekerja sebagai Setiausaha Akhbar kepada Yang Berhormat Lim Guan Eng. *The following day*, tiba-tiba nama dalam senarai direktori MOF telah dikeluarkan- nama anak tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah panjang lebar cakap ini, Dato' Sri Ti Lian Ker?

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Sekejap sahaja. Cuma tadi kita banyak menghabiskan masa pada *ultra vires*. Sebenarnya yang kita bimbang dan risau ialah *mala fide*. Inilah hendak *fight*...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Okey, *mala fide is your argument* Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Sebab saya tidak akan terlibat. Cuma saya hendak masukkan, membantu sebab kita hendak utarakan poin kita.

Sebenarnya, apa yang berlaku ialah kita akan semakin *centralized* dan kita tengok sekarang semangat *rule of law* bukan betul-betul di pakai oleh eksekutif sekarang. Kalau kita tengok dari segi *reform*- tadi saya hendak jawab. Matlamat kita mengadakan kekebalan kepada Ahli Parlimen, kepada Senator adalah untuk membolehkan kita meluahkan ataupun mengeluarkan pendapat dan sebagainya serta mengkritik kerajaan dan Menteri dan sebagainya.

Apabila kita mengadakan terlalu banyak peraturan dengan matlamat untuk menekan, melawan dan menjatuhkan ataupun sebagai satu *dagger*, satu *sword* kepada Ahli Parlimen dan Senator, saya rasa ini adalah matlamatnya *mala fide, bad faith*. Inilah yang- dan apabila lebih-lebih lagi, apabila kita deklarasi mungkin katakan, kalau isteri saya ada harta yang tidak bagi tahu saya dan saya buat deklarasi yang tidak sepenuhnya, saya akan disabit mengikut Akta Kanun Keseksaan.

Saya rasa ini semua tidak betul. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita terlalu gopoh dan nampak sangat niat nawaitu dan niat jahat, saya boleh katakan *bad faith* kerajaan mengadakan usul ini secara gopoh adalah salah dan tidak betul...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Boleh sikit.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Kejap, saya sudah panjang lebar- kejap. Saya tidak setuju dengan perkataan “*bad faith*”...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Itulah itu.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Itu saya tidak setuju.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tidak apa, *I read your mind very well* Yang Berhormat Senator.

**Datuk Razali bin Idris:** Saya sedikit, boleh?

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Yang Berhormat Datuk Razali sekejap. Saya kurang setuju dengan perkataan *bad faith* tapi tidak apa itu yang dipergunakan oleh Dato' Sri Ti Lian Ker. Mungkin maksudnya bukan *bad faith*, maksudnya mungkin ada niat hendak cuba manipulasi kah apa? Itu *very subjective*.

Akan tetapi, ya, kedudukan itu boleh menyebabkan seseorang itu menyalahgunakan posisinya kerana mempunyai saya fikir elemen-elemen kepartian, partisan yang ada di Dewan Rakyat. Akan tetapi hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat, kita dapat lihatlah Speaker kita, Timbalan Speaker kita orang-orang yang *credible* yang tidak mungkin. Tidak tahu lah, selepas ditukar kepada Speaker baharu, Timbalan Speaker baharu. Saya tidak tahu lah macam mana rupa pula. Akan tetapi setakat hari ini saya yakin.

Walau bagaimanapun, saya menyatakan di sini bahawa Dewan Negara, kita perlu melihat dan mengkaji perkara ini dengan betul terutama usul ini. Jangan kita tersilap langkah permulaan kita- kena betul dan kena bergaya. Jangan tembak kaki sendiri.

Jadi untuk itu saya hendak mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini Dewan Negara ini, Ahli-ahli Yang Berhormat semua kita boleh menolak usul ini dan kita boleh duduk dalam satu lagi jawatankuasa. Mungkin Yang Berhormat Yusmadi boleh merencanakan Jawatankuasa Reformasi Dewan Negara ini. Kita boleh bermesyuarat, libatkan semua. Kita fikir apa alternatif lain yang baik selain daripada usul ini...

**Datuk Razali bin Idris:** Saya hendak- sebelum habis ini saya nak betulkan sikit, boleh? Saya hendak minta Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker tarik balik perkataan jahat.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tidak, tidak. Datuk Razali *my floor*.

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tidak apa, Datuk Seri. Eh! Datuk Razali duduk sekejap.

**Datuk Razali bin Idris:** Belum Datuk Seri lagi [*Ketawa*]

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Datuk Razali duduk kejap.

**Datuk Razali bin Idris:** Oleh sebab jahat ini tidak boleh.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Okey, tidak apa. Yang Berhormat Razali duduk. Saya fikir saya boleh memperbetulkan bagi pihak Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker.

**Datuk Razali bin Idris:** Tidak, kita hendak tarik balik sebab...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tidak, saya sudah sebut pun. Bukan *bad faith- bad faith* itu pun saya rasa tidak betul. Jadi saya sendiri sudah *corrected* Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker. Cukuplah itu.

**Datuk Razali bin Idris:** Okey.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Kita ini bukan Dewan Rakyat. Maksud Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker lain.

**Tuan Nga Hock Cheh:** *[Bangun]*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Yang Berhormat Nga ini sudah empat kali bangun sudah ini.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua, siapa yang buang batu dia sendiri, itu orang muah tarik balik bukan orang lain.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tidak apalah itu Dewan Rakyat. Ini Dewan Negara. / *did correct what was Dato' Sri Ti Lian Ker said just now. So, I think* macam ini, mungkin hari ini kita bersetuju- permulaan kita yang baik, langkah kita bergaya, kita tolak usul ini tapi saya mencadangkan kita buat satu muafakat jemaah baru, mungkin boleh dipelopori oleh Yang Berhormat Tuan Yusmadi sendiri. Kita fikirkan apa cara lain sama ada hendak memperkasakan undang-undang sedia ada kah ataupun kita sendiri memperkenalkan *bill* baru.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jangan lupa, Dewan Negara pun boleh *introduce our own bill from this our own chamber...* *[Tepuk]* Jangan fikir semua perlu datang daripada Dewan Rakyat. Ini mana air muka kita?

Kalau hari ini Ahli-ahli Dewan Negara merasakan kita perlu ada *bill* baru untuk memperbetulkan apa juga yang kekangan yang ataupun permasalahan yang ada, kita memperkenalkan di sini. Ini hendak tunggu tadi- terima kasihlah Yang Berhormat Menteri jawab soalan pertama daripada Yang Berhormat Tuan Yusmadi tadi tapi hendak tunggu *sitting* bulan 10, bulan 11, nanti lama lagi...

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Ada lagi. Sikit sahaja. Okey.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Oleh sebab tadi, saya seronok tengok tapi dia punya motivasi itu, takut bukan sahaja menjatuhkan, nanti memecahkan. Cuma saya hendak tanya tadi

nampak berani sangat itu. Saya hendak tanya satu sahaja tadinya kata akan berakhir bila? Senator punya *term*, bulan Disember ini? Okey okey, saya fahamlah. *Assalamualaikum.*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Jadi, saya tidak tahu apa matlamat Yang Berhormat Puan Raj Munni binti Sabu tapi apa-apa pun saya ucapkan terima kasih *in advance* kepada Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu.

Cuma tadi balik kepada rang undang-undang, *bill*. *We can start from here.* Kenapa tidak langkah pertama kita, langkah bergaya, langkah pertama kita, langkah yang baik. Kalau kita tolak usul tidak bermakna kita tidak boleh perkenalkan rang undang-undang yang *to govern the intention, the spirit* yang hendak di bawa oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) yang bekerjasama dengan SPRM.

Ini Ketua Pengarah SPRM, Ketua Pengarah GIACC ini, dia ada *declare asset* kah? Sudah tayang aset ke publik kah? Kalau sudah tayang aset dia ke publik, tunjuk ke Ahli Dewan Negara ini dulu. *I want to see*, berapa banyak Ketua Pengarah SPRM punya harta dulu menjadi *partner* di sebuah firma guaman yang sangat tersohor di negara- ini *current* Ketua SPRM dan juga Ketua Pengarah Pusat Governans ini. Mungkin dia juga kena *declare asset* lah, tunjuk dekat kita dulu Ahli Dewan Negara.

Kalau tidak betul nanti, kita hendak bawa kepada undang-undang kepada yang ada *effect* kepada *statutory declaration*, boleh kan? Sama juga kalau ia boleh dilakukan kepada kita, tidak akan kita tidak boleh lakukan perkara ini kepada orang lain.

**Datuk Lim Pay Hen:** Mohon pencelahan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Okey.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Yang Berhormat. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik semula soalan Parlimen yang saya pernah kemukakan pada tahun lepas.

Saya mengemukakan soalan tersebut kepada Perdana Menteri iaitu, adakah kerajaan Pakatan Harapan akan menggubal satu akta pengisyiharan harta untuk mewajibkan individu mengisyiharkan harta pemilikan mereka termasuk semua Ahli Parlimen. Daripada soalan tersebut juga, saya juga telah mengorak inisiatif yang telah ke hadapan bahawa agar syarat pengisyiharan harta seharusnya juga menjadi syarat kelayakan ke atas individu yang akan memegang jawatan tinggi atau sensitif di syarikat milik serta agensi kerajaan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan Dewan ini, jawapan yang diberikan kepada saya ketika itu amat tidak memuaskan kerana Jabatan Perdana Menteri hanya menyatakan bahawa, pertama- kod etika bagi anggota pentadbiran Ahli Parlimen yang dikeluarkan pada Disember

2018 hanya mewajibkan ke atas anggota pentadbiran dan semua Ahli Parlimen kerajaan di peringkat Persekutuan.

Kedua, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bergantung kepada hasrat atau bidang kuasa peringkat kerajaan negeri masing-masing.

■1230

Manakala penjawat awam lain diwajibkan mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3, Tahun 2002. Terakhir, individu yang memegang jawatan tinggi atau sensitif tertakluk kepada tatacara tadbir urus dalaman sendiri.

Dengan itu, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pendapat dan soalan saya bahawa, pertama, kod yang dikeluarkan pada Disember 2018 hanyalah pandangan daripada wakil pihak kerajaan sahaja dilibatkan dalam rundingan Jawatankuasa Antirasuah? Bagaimana pula pandangan daripada wakil pihak pembangkang? Adakah ini dikatakan prinsip perjuangan Kerajaan Pakatan Harapan ketelusan, akauntabiliti, kedaulatan undang-undang, responsif, kesepakatan ekuiti dan kebersamaan, keberkesanan dan kecekapan serta penglibatan warga organisasi?

Last, apakah mekanisme yang diguna pakai atau *cross checking system* untuk memastikan pengisytiharan harta tersebut betul atau tepat? Ini amat jelas kelemahan Kerajaan Pakatan Harapan dalam membentangkan...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Okey.

**Datuk Lim Pay Hen:** ...Usul hari ini apabila ADUN di peringkat kerajaan negeri hanya digalakkan untuk melaksanakannya. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pusat Governans Integriti dan Antirasuah Nasional (GICC) dapat menjamin pengisytiharan harta.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** [Ketawa] Okey, Yang Berhormat Senator Datuk Lim.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih. Soalan itu sepatutnya diajukan kepada Yang Berhormat Menteri, bukan kepada saya. Sampai keluar Yang Berhormat Menteri itu Yang Berhormat Senator Datuk Lim tanya.

Akan tetapi, saya setuju dengan ini. Bermakna, kita ada dalam *Hansard*, Yang Berhormat pernah bertanyakan perkara ini dan jawapannya tidak memuaskan. Apabila usul ini dibawa pun, ia tidak menjawab pun apa persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lim.

Saya hendak sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, usul ini diakui sendiri oleh Speaker Dewan Rakyat di mana telah dilaporkan dalam surat khabar *The Star* pada 29 Jun 2019, usul yang telah diluluskan tempoh hari di Dewan Rakyat itu tidak ada keberkesanan pun sebenarnya. Ini kerana ia hanya akan dibuat dan dilaporkan pengisytiharan itu kepada Speaker Dewan Rakyat dan terserah kepada beliau. Kalau isunya hari ini timbul kalau tiba-tiba ada permasalahan atau kepincangan dalam pengisytiharan tersebut, jadi menjadi hak kepada Speaker tersebut hendak bawa hal itu kepada peringkat mana seterusnya. Sama ada hendak buat laporan SPRM kah, apa jua, itu terserah kepada Speaker.

Jadi, saya fikir marilah sahabat-sahabat, Ahli Yang Berhormat semua, kita sama-sama tolak usul ini. Kita mencadangkan supaya ada...

**Puan Asmak binti Husin:** Tumpang celahan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Yang Berhormat Senator Asmak, saya sudah hendak duduk ini. Tidak dapat duduk lagi.

**Puan Asmak binti Husin:** Bolehlah.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tidak, sekejap, saya sudah hendak habiskan. Tolak tetapi kita boleh fikirkan di bawah Jawatankuasa Reformasi Dewan Negara, kita duduk ramai-ramai bincang apa mekanisme lain, cara lain untuk kita capai hasrat yang teringin sangat dibawa oleh Kerajaan Pakatan Harapan ini. Jadi, cukup dahulu kot.

**Puan Asmak binti Husin:** Tambah kemudianlah.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon cadang menolak Usul ini, sama ada melalui suara ataupun undi belah bahagi. Terima kasih...  
[Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bijaksana, senarai nama pembahas hari ini ada 17 orang. Kalau hendak cakap, beri saya nama itu, saya akan tambah lagi.

Sekarang saya menjemput pula yang kedua, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair. Dipersilakan.

### 12.33 tgh.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk mewajibkan semua anggota Parlimen untuk mengisytiharkan aset-aset mereka adalah langkah bijak untuk membuka perspektif kepada politik

negara. Justeru, para Menteri, Wakil Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara perlu menjelaskan kekayaan mereka yang melebihi pendapatan mereka.

Langkah ini membolehkan pihak berkuasa mengesan apa-apa harta atau harta baharu yang dimiliki oleh anggota Parlimen terutamanya mereka yang memegang jawatan tinggi dalam parti politik. Ini adalah untuk membuktikan ketelusan urusan kewangan dan pemilikan aset mereka. Ini satu lagi cara ketelusan kerajaan baharu dalam membendung rasuah dan memastikan prinsip akauntabiliti dan ketelusan diamalkan dengan lebih meluas. Ini juga merupakan langkah besar ke hadapan usaha kerajaan untuk menegakkan prinsip integriti dalam kalangan anggota Parlimen dan juga penjawat awam.

Ketelusan berkaitan dengan kedudukan kewangan dan kekayaan anggota Parlimen akan membolehkan rakyat mengetahui sama ada wakil mereka dipilih atau dilantik bersih dan sebaliknya. Ini secara tidak langsung akan meletakkan Malaysia setaraf dengan negara-negara dunia pertama, di mana perkara sedemikian telah pun lama dilaksanakan dan dimaktubkan dalam undang-undang dan dasar pemerintahan mereka.

Menurut Bank Dunia, pengisytiharan aset ahli politik dan penjawat awam dianggap sebagai langkah terbaik untuk mencegah korupsi dan konflik kepentingan dalam sesebuah negara atau organisasi. Hampir 70 peratus daripada negara berpendapatan tinggi di Eropah dan Asia Tengah serta 97 peratus daripada negara anggota Organisasi Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi mewajibkan mereka yang ada pengaruh dan kepentingan dalam kerajaan dan mana-mana organisasi untuk mengumumkan secara terbuka aset mereka dengan mengadakan undang-undang khas. Di bawah undang-undang atau usul ini, mereka boleh dihukum jika mereka gagal mengisytiharkan atau telah memberikan maklumat yang salah dan tidak mencukupi tentang aset mereka.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah dalam politik bukan perkara baharu. Dalam sejarah dunia, terdapat ramai mereka yang terlibat dalam politik turut terlibat dengan rasuah. Kata pepatah, "Kuasa boleh menyebabkan korupsi dan kuasa mutlak boleh menyebabkan korupsi mutlak". Setelah Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan, banyak kes-kes rasuah telah dapat dibongkar dan ramai juga ahli politik yang terlibat diheret ke mahkamah.

Jadi, untuk membendung rasuah bukanlah satu perkara yang mudah. Meminta Ahli Parlimen mengisytiharkan harta mereka bukanlah satu langkah yang agresif. Ia sebenarnya dapat meningkatkan imej wakil rakyat. Rakyat pula akan tahu bagaimana dan bila mereka mempunyai aset- sebelum, sedang atau selepas berkhidmat.

Apabila wakil yang dipilih atau dilantik mengisyiharkan aset mereka, ia akan memudahkan pihak berkuasa untuk mengesan sebarang pergerakan atau aliran untuk mengesan dari punca mana wang atau kekayaan itu datang. Langkah ini boleh membendung elemen penggubahan wang haram. Kini kita boleh lihat sendiri pelbagai kes jijik berkait penggubahan wang haram yang dibawa ke mahkamah. Isu harta dari banyak sumber tidak timbul asalkan harta itu diperoleh dengan cara sah dan halal. Jangan risau, kalau kita tidak bersalah dan harta diperoleh itu dilakukan dengan jalan yang sah. Tentu sekali yang bersalah akan berasa gentar. "Siapa makan cili, dialah akan rasa pedas".

Jika anggota Parlimen didapati membuat pengisyiharan palsu, individu ini akan tertakluk kepada seksyen 3 Akta 783 dan seksyen 199 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut seksyen 193 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan maksimum tiga tahun penjara dan didenda.

#### ■1240

Tuan Yang di-Pertua, ada juga suara-suara bimbang dari Ahli-ahli Dewan bahawa mereka mendedahkan secara terbuka aset mereka. Keselamatan mereka boleh terugat atau mereka ketakutan kerana orang ramai mungkin mempunyai persepsi yang mereka memperoleh kekayaan melalui cara yang tidak sah atau dengan menggunakan pengaruh mereka. Memang betul kekayaan dan harta yang dimiliki oleh seseorang itu dianggap sebagai maklumat sulit dan bukan untuk pengetahuan orang awam seperti Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 atau *Personal Data Protection Act*. Dengan mengisyiharkan asetnya, keselamatan wakil rakyat dan keluarga mungkin berisiko.

Akan tetapi dalam konteks undang-undang Malaysia, mengenai perlindungan data peribadi yang dianggap peribadi dan sulit, bukanlah hak mutlak bagi seseorang itu mengisyiharkan semua asetnya kerana ada pengecualian berdasarkan kepentingan awam. Ada juga yang beranggapan mereka tidak perlu isytiharkan harta dengan memberi pelbagai alasan yang tidak munasabah.

Pada saya, tidak wajar kita menggunakan agama untuk membantah langkah murni kerajaan ini kerana alasan yang diberi mungkin tidak berasas. Semua agama mengajar kita berakhhlak baik. Rasuah tidak digalakkan oleh mana-mana agama pun. Maka, buatlah yang baik demi kebaikan rakyat. Amar makruf nahi mungkar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya menyokong penuh bagi usul ini diluluskan dalam Dewan yang mulia ini. Semoga langkah proaktif dapat ditingkatkan lagi kedudukan negara yang

kini di tangga ke-61 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) tahun 2018. Dengan ini, saya menyokong penuh usul ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

Sekarang saya jemput pula yang ketiga, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

#### **12.42 tgh.**

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul berkenaan pengisytiharan harta ini. Sebelum itu, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Hari Sarawak kepada teman-teman rakan seperjuangan saya dari Sarawak dan juga kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili kerana dipilih semula ke Dewan yang mulia ini. Tahniah...  
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, prinsip *accountability* dan ketulusan semua anggota pentadbiran dan Ahli Parlimen kerajaan hendaklah mengisytiharkan harta mereka termasuk isteri atau suami dan anak serta pemegang amanah dan dalam sebuah Akuan Berkanun. Saya menyambut baik usul ini kerana ia selaras dengan Janji 14 dalam Buku Harapan. Ini adalah sebahagian daripada prinsip integriti dan ketulusan yang ditekankan sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan Pakatan Harapan untuk memerangi rasuah di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah sebuah negara dari 166 buah negara yang telah meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan Memerangi Rasuah iaitu *United Nations Convention Against Corruption*. Malaysia, sudah tiba masanya untuk kita tunjukkan kepada dunia, keazaman kita dalam memerangi rasuah untuk menjadikan negara kita ini yang sebelum ini terkenal dengan kleptokrasi kepada negara yang dihormati oleh masyarakat global dari segi usaha memerangi rasuah.

Malaysia dianggap antara negara yang mempunyai kadar rasuah yang tinggi kerana tersenarai di kedudukan 50 daripada 182 buah negara pada Indeks Persepsi Rasuah ataupun CPI pada tahun 2014. Kemudian, kedudukan kita terus merosot daripada tangga 50 kepada 52 pada tahun 2015 dan menjadi lebih teruk lagi jatuh kepada tangga 62 pada tahun 2017. Ini merupakan satu kedudukan yang agak paling rendah yang kita pernah capai dalam sejarah negara. Rasuah merupakan satu penyakit yang serius, yang melanda masyarakat kita. Malah

bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM telah mengisyiharkan rasuah sebagai musuh awam nombor satu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa rasuah memberi impak yang besar kepada semua lapisan masyarakat. Rasuah juga menggugat pembangunan negara dan menjelaskan sentimen dan keyakinan para pelabur yang memberi kesan kepada aliran pelaburan asing terus ataupun *foreign direct investment*, dengan izin, ke negara ini dan kita secara langsung menjelaskan potensi pertumbuhan ekonomi kita.

Oleh itu, rasuah menjelaskan kehidupan setiap rakyat Malaysia. Sebagai contoh, projek Saluran Paip Gas Trans-Sabah iaitu 88 peratus daripada jumlah projek tersebut sudah dibayar tetapi hanya 11.4 peratus sahaja daripada kerja-kerja telah dilaksanakan. Hasilnya, Sabah terutamanya bandar-bandar di Pantai Timur, masih mengalami masalah bekalan elektrik yang tidak stabil walaupun kita telah berbelanja 3.5 bilion.

Ini telah menunjukkan bahawa kesan daripada gejala rasuah ini memberi impak yang besar. Ini juga termasuk di mana beratus-ratus juta wang ringgit, *cash* yang ditemui di dalam almari dan laci pejabat dan rumah pegawai Jabatan Air Negeri Sabah yang sampai sekarang, kes ini masih belum lagi diselesaikan.

Jadi, gejala rasuah ini telah merompak hak rakyat kepada pembangunan. Ketulusan serta pendedahan penuh aset Ahli Parlimen dan pegawai kerajaan akan terus berusaha meningkatkan keyakinan rakyat Malaysia dalam memberikan integriti, *accountability*, amanah dan tadbir urus yang baik dalam pentadbiran kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia harus bertindak sekarang agar tidak ketinggalan dengan negara lain dalam pamacuan anti rasuah. Australia contohnya, telah melakukan melalui undang-undang dan peraturan konflik kepentingan sejak tahun 1983 dan New Zealand melaksanakan deklarasi aset dengan *Standing Orders 2008* melalui Dewan Rakyat mereka. Di Jepun pula mengikut Undang-undang Etika Perkhidmatan Awam Negara 1999, pegawai awam perlu memfailkan laporan untuk hadiah yang diterima mana-mana yang melebihi USD45. Malahan, negara jiran kita, Thailand juga melakukan melalui Undang-undang Organik 1999 mengenai pencegahan rasuah apabila ia berkaitan dengan perisian aset dan pendedahan pemegang jawatan.

Kita mesti bertindak dengan cepat dan tegas untuk menunjukkan kepada dunia bahawa kita serius dalam memerangi rasuah. Bayangkan semua wang kerajaan dan rakyat disalurkan dan digunakan dengan waras tanpa salah guna. Saya percaya usul ini hanya sebagai satu langkah pertama sebelum kita dapat menggubal rang undang-undang yang mana pada satu hari

nanti, mungkin pada sesi Parlimen hujung tahun ini ataupun tahun hadapan, kita boleh jadikannya sebagai satu akta. Jadi, saya percaya usul ini sebenarnya cuma satu langkah pertama sebelum kita boleh menjadikan ia sebagai akta di masa yang akan datang.

Jadi, saya mohon supaya langkah ini dapat kita laksanakan supaya kita boleh membentuk satu sistem demokrasi yang sihat, yang akhirnya rakyat akan memantau setiap gerak-geri dan juga tindakan ahli-ahli politik. Bagi saya, pengisytiharan harta ini tidak menghalang sesiapa untuk menambah harta mereka, tidak menghalang sesiapa untuk bermula, tidak menghalang sesiapa untuk menjalankan perniagaan dan juga mendapat lebih banyak pendapatan. Jadi bagi saya, usul ini tidak menghalang sesiapa untuk terus menjalankan dan mengumpul harta.

Macam mana pula dengan Ahli Dewan Undangan Negeri? Adakah usul ini satu hari nanti juga akan kita berikan ke atas mereka? Mereka juga Wakil Rakyat. Tidak kira lah walaupun mereka ini *Backbenchers* ataupun pembangkang, saya berpendapat, mereka juga perlu isytihar harta. Saya harap akhirnya, Wakil Rakyat dan juga Ahli Parlimen, kalau boleh semua Ahli Dewan Undangan juga akan mengikuti jejak yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya hendak katakan adalah saya hendak tanya pihak kerajaan berkenaan dengan pengisytiharan harta ini. Kalau kita setakat buat sekali sahaja, saya rasa tidak membawa apa-apa maksud yang *significant*. Sebaliknya ia perlu dipantau, dilakukan secara berkala dan saya cadangkan kalau boleh diisyiharkan setiap tahun. Ini supaya rakyat sendiri dapat memantau status pemilikan harta oleh setiap wakil rakyat ataupun Ahli-ahli Parlimen. Jadi, pengisytiharan ini membolehkan Ahli-ahli Parlimen yang ada pada hari ini supaya sentiasa *answerable* ataupun menjawab kepada rakyat tentang bagaimanakah prestasi mereka.

#### ■1250

Saya berharap satu mekanisme yang lebih sistematik yang mana mewajibkan pengisytiharan harta ini secara berkala dapat dilakukan supaya akhirnya, sistem ini akan dianggap sebagai satu sistem undang-undang yang boleh terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, wakil-wakil yang dipilih dan pegawai-pegawai bukan sahaja harus bebas rasuah, tetapi harus juga dilihat sebagai bebas rasuah. Ini adalah satu-satunya cara untuk menggerakkan Malaysia Baharu ke hadapan. Saya ingin menyeru dan mendesak semua Ahli di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Usul ini. Jikalau Ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli di dalam Dewan yang mulia ini- kita akan menjadikan sebuah negara yang lebih makmur dan saya harap Usul ini dapat diterima. Dengan ini, saya menyokong penuh Usul ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang. Terima kasih.

Dan yang keempat, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

**12.52 tgh.**

**Dr. Yaakob bin Sapari:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua selalu baca pantun, minta izin baca puisi rasuah, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya mulakan dengan sebuah puisi. Puisi, 'Rasuah Nilai Suapan'. Boleh ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tengah-tengah hari ini, kita tenang-tenang sedikit.

"Apabila kekayaan, ketamakan dan kemewahan  
Menguasai diri insan  
Rasuah menjadi amalan  
Kaburnya mata di sebalik bayangan  
Permata, harta dan mutiara  
Bernilai berjuta-juta  
Diperoleh dengan serta merta  
Tanpa memikirkan kesan malapetaka

**RASUAH**  
Apabila nafsu serakah  
Mengawal diri yang rapuh dan lemah  
Amanah dimamah, diratah hingga hancur punah  
Sebuah harapan yang diserah  
Dek kerana si rasuah  
Diterimanya tanpa gundah tanpa bersalah  
Asalkan diri bertambah megah

Gah!!  
Menempat diri di puncak mewah  
Harta melimpah ruah pangkat tinggi menerjah  
Menggapai matlamat dalam satu arah  
Walaupun dengan cara yang salah

**RASUAH**  
Datangnya tanpa di undang  
Namun perginya tidak pula dihalang  
Desakan suapan demi suapan

*Menyentuh nilai kejujuran  
 Menggongcang tiang keimanan  
 Merobek pegangan amalan  
 Terus hanyut dalam pelukan  
 Sogokan bernilai jutawan  
 Lemas dalam gelombang lautan  
 Kemewahan duniawi yang diutamakan  
 Tuntutan abadi jauh ditinggalkan*

**RASUAH**

*Datangnya di sebalik bayangan  
 Menyelinap mencari sasaran  
 Bergerak seperti halimunan  
 Yang sukar untuk dikesan  
 Bak gunting dalam lipatan  
 Hempedu dalam marisan  
 Racun dalam makanan*

**RASUAH**

*Pengkhianatan terhadap kepercayaan  
 Penipuan bertopengkan ketelusan  
 Terpesong dari pegangan  
 Runtuhan tamadun keimanan  
 Memberi kemewahan, kesenangan  
 Yang mengundang kesengsaraan  
 Di penghujung kehidupan*

*Nukilan Muhamad Zainal bin Zakaria (UKM)"... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, itu satu sajak yang baik. Itu mengenai bahayanya rasuah dan rasuah ini boleh dielakkan pada pemimpin yang berilmu dan beriman. Sila.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, soal ketelusan menjadi teras dalam kerajaan baharu Pakatan Harapan. Setelah rakyat memberi amanah kepada kami untuk menguruskan negeri, langkah pertama yang kita akan buat, memastikan bahawa ketelusan dalam pentadbiran jadi asas kepada negara ini. Di hujung pentadbiran lalu, imej kerajaan sangat rendah sekali kerana rating rasuah kita terus menurun. Oleh sebab itulah langkah berani kerajaan untuk terus maju memerangi amalan rasuah ini hendaklah dipuji dan ketegasan ini kita mulakan dengan ahli-ahli penggubal undang-undang dahulu.

Di Dewan Rakyat, mereka telah bersetuju agar satu usul diluluskan memastikan bahawa Ahli Dewan Rakyat mengisytiharkan harta. Hari ini dibawa ke Dewan Negara, memastikan bahawa Ahli-ahli Dewan Negara bersedia untuk disaksikan oleh rakyat akan harta-harta yang kita

miliki dan ia disimpan di Pejabat SPRM. Cuma kali ini, ditayangkan dan publik untuk tempoh tiga bulan, dipaparkan agar rakyat menilai sejauh mana ketelusan amalan diamalkan oleh pembuat undang-undang di Dewan Negara ini.

Oleh sebab itu saya menyokong Usul ini agar kita Ahli-ahli Dewan Negara tidak rasa takut untuk isytiharkan apa yang kita ada. Memang ada kebimbangan soal keselamatan sebab harta-harta ini telah kita miliki sebelum kita menjadi Ahli Dewan Negara. Akan tetapi, kita kena jujur dengan rakyat sebab kita datang sini dihantar oleh parti masing-masing dan parti-parti ini terdedah dengan amalan rasuah.

Sebagai pembuat undang-undang yang hampir dengan kuasa, sangat hampir dengan amalan rasuah. Setelah usaha ini untuk kita secara berani mengisyiharkan harta-harta kita dan dipaparkan kepada rakyat untuk rakyat menilai sejauh mana kejujuran kita dalam membuat undang-undang. Jangan jadi kita bermuka-muka. Di hadapan rakyat kita kelihatan telus, tetapi di sebaliknya kita mengkhianati amanah ini.

Oleh sebab itulah usaha ini saya rasa usaha yang baik sebelum sebuah akta dipinda, memastikan bahawa pembuat undang-undang hendaklah mengisyiharkan hartanya. Ini bukan perkara baharu. Di negara-negara lain juga pembuat undang-undang hendaklah mengisyiharkan hartanya. Mereka akan diminta untuk memperbaiki seandainya ada peningkatan atau penurunan di dalam harta yang kita miliki. Kita khuatir ialah seandainya pembuat undang-undang ini mendapat tiba-tiba menjadi kaya raya. Sebelum menjadi anggota Dewan Negara biasa sahaja, tiba-tiba menjadi kaya raya dan hartanya melimpah-limpah. Jadi pihak SPRM atau kerajaan boleh bertanya, datang dari manakah harta-harta ini dan rakyat akan tahu. Jadi, ini suatu yang penting kepada kita untuk anggota Dewan Negara mengisyiharkan harta.

Anggota pihak undang-undang terdedah dengan kuasa. Kita rapat dengan Menteri-menteri, rapat dengan Perdana Menteri, rapat dengan pegawai-pegawai utama kerajaan. Oleh sebab itu kena ada kawalan kepada kita. Selama ini hanya anggota pentadbiran sahaja yang dikehendaki mengisyiharkan hartanya. Tadi tanyakan apakah suruhanjaya SPRM tidak isytiharkan. Saya pasti mereka adalah anggota awam yang telah isytiharkan harta terlebih awal. Kali ini kita melangkah kali kedua memastikan bahawa kita sama-sama untuk mengisyiharkan hartanya.

Kita tidak mahu seperti yang lepas, sudah terlajak baru hendak dibetulkan. Kita dengar umpamanya, salah laku dalam pengurusan 1MDB yang dibahaskan panjang di dalam Dewan Rakyat dan juga sebahagian besar di negara-negara lain. Mahkamah mereka telah mengheret mereka ke mahkamah dan sebahagian besar telah memulangkan hasil-hasil dakwaan di

mahkamah itu pulang balik ke Malaysia dan ini sudah terlanjur. Oleh sebab itu langkah ini untuk mengawal salah laku kepada anggota-anggota yang membuat undang-undang.

Saya menyokong penuh usaha ini dan memastikan bahawa ketelusan pegawai-pegawai kerajaan dan kerajaan telah berani untuk berusaha mencegah dan mengawal rasuah di semua peringkat dalam kerajaan ataupun kepada anggota pembuat undang-undang. Saya menyokong usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Terima kasih banyak. Seorang lagi saya bagi peluang. Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin... *[Disampuk]* Dia keluar ya? Kita jemput pula Yang Berhormat Senator Ir. Md Nasir bin Hashim, dipersilakan. Ada datang tidak? Sila.

**Ir. Md. Nasir bin Hashim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi Yang Berhormat, terima kasih banyak sudi berdiri. Jam tepat pukul 1 petang. Saya tangguhkan mesyuarat ini dan disambung pada pukul 2.30 petang. Sekian, terima kasih banyak.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

■1430

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, sambung perbahasan.

**2.33 ptg.**

**Ir. Md. Nasir bin Hashim:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung perbahasan. Tadi baru bagi salam sahaja *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pengisytiharan harta dianggap sebagai alat yang kuat dalam usaha mencegah pencegahan rasuah, mengenal pasti harta tidak sah dan konflik kepentingan dalam kalangan pegawai awam termasuk Ahli Parlimen. Melalui kaedah ini juga rakyat dapat mengenal pasti sama ada wakil rakyat yang dipilih bersih atau sebaliknya melalui peringkat proses tertentu. Ini termasuk konsep seperti adil, saksama, objektif, telus tiada konflik kepentingan peribadi serta akauntabiliti seseorang Ahli Parlimen terhadap rakyat.

Langkah Kerajaan Pakatan Harapan mewajibkan semua Ahli Parlimen mengisyiharkan harta masing-masing adalah satu langkah ke hadapan dalam usaha menegakkan prinsip integriti

dan ketelusan di negara ini. Secara tidak langsung meletakkan Malaysia setaraf dengan negara-negara dunia pertama yang telah lama melaksanakan syarat ini dalam undang-undang dan polisi negara mereka. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika menghadiri Mesyuarat Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) pada 9 Julai 2018 telah menyatakan bahawa Ahli Parlimen Pakatan Harapan dianggap sebagai penjawat awam.

Bagi memastikan kebertanggungjawaban untuk tindakan mereka ketika pegang jawatan sebagai ahli awam, Ahli Parlimen tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 tahun 2002 iaitu Pelan Pemilikan Harta dan Pengisytiharan Harta oleh pegawai awam. Saya melihat antara tujuan-tujuan pengisytiharan harta adalah bagi menghalang mereka daripada menggunakan pengaruh sebagai ahli politik dan pemimpin bagi mendapatkan komisen. Pengisytiharan harta ini merupakan amalan yang biasa bagi negara-negara yang maju dan mengamalkan pentadbiran mengikut undang-undang dan etika yang tinggi. Di negara-negara maju memang dilakukan selagi itulah kerajaan itu tidak boleh dianggap sebagai negara yang telus pentadbirannya dan tinggi etika kepimpinannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam taklimat malam tadi, kami dimaklumkan lebih daripada 175 buah negara melaksanakan pengisytiharan harta seperti yang dicadangkan ini. Ada negara yang melaksanakannya melalui peruntukan undang-undang dan ada juga yang secara sukarela. Negara yang mempunyai peruntukan undang-undang mengisyiharkan harta didedahkan kepada umum. Antaranya seperti *Belgium*, *Colombia*, *Itali*, *Korea Selatan*, *Hungary* dan *Sepanyol*. Sementara *Denmark*, *Finland*, *Norway* dan *Singapura* menjadikan pengisytiharan harta sebagai amalan. Di *Thailand*, pengisytiharan harta adalah sebahagian daripada undang-undang pencegahan rasuah dan salah guna kuasa. Hukuman penjara selama enam bulan dan juga denda boleh dikenakan kepada Ahli Parlimen yang ingkar.

Harta yang tidak dapat dibuktikan sumber pendapatan dengan jelas juga boleh dirampas dan dijadikan harta awam. Itu di *Thailand*. Oleh itu, pengisytiharan harta adalah amalan terpuji ke atas mereka yang mempunyai kuasa meluluskan dan mempengaruhi yang bertujuan untuk meningkatkan transparensi seterusnya mengelakkan pertembungan kepentingan ataupun *conflict of interest*, dengan izin, yang boleh menjaskan moral dan integriti.

Usul Mengisyiharkan Harta ini untuk kepentingan rakyat kerana kerajaan dipilih oleh rakyat dan bekerja untuk rakyat maka rakyatlah yang akan menjadi hakim bagi menilai serta memberi apa isu yang menyentuh kepentingan mereka. Oleh yang demikian, pengisytiharan aset oleh Ahli Parlimen adalah salah satu langkah pertama ke arah amalan demokrasi sebenar yang diperkasa dan diperkuasakan oleh rakyat adalah rakyat.

Mari kita imbau Kerajaan Barisan Nasional dahulu apabila terdapat cadangan supaya kabinetnya membuat pengisytiharan harta seorang Menteri secepat kilat membantah cadangan tersebut dengan memberi alasan bahawa kita lakukan pengisytiharan harta itu akan membahayakan keselamatan individu tersebut.

Ini juga disebut oleh Yang Berhormat Senator Lee kalau tidak silap saya tadi. Saya memang tidak faham langsung maksud bahaya itu kecuali harta yang diperolehnya adalah secara haram. Umum mengetahui ramai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional mempunyai harta dari sumber yang meragukan. Sebab itulah rakyat menolak Barisan Nasional dan memilih Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya dengan ini saya menyokong cadangan untuk mengisyiharkan harta Ahli Dewan Negara. Saya menyokong dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Puan Asmak tidak ada di dalam Dewan.

Sila Yang Berhormat Senator Datuk Razali, silakan.

## 2.28 ptg.

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatulallah wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan ‘Rang Undang-undang’ Pengisytiharan Harta pada hari ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Usul Yang Berhormat [Ketawa]

**Datuk Razali bin Idris:** Usul Pengisytiharan Harta.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak pelik kenapa perkara yang membabitkan integriti, akauntabiliti, dan ketelusan dalam diri sebagai Yang Berhormat dipertikaikan oleh kita sendiri. Bukankah salah satu sifat utama Nabi Muhammad SAW dan sahabat-sahabatnya adalah Al-Amin yang telus, yang ikhlas dan yang terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, di negara sahabat kita di Thailand dan di Filipina sudah memperlihatkan kesan positif daripada penguatkuasaan dengan tegas oleh kerajaan negara itu dalam membendung rasuah. Kedua-dua negara ini menetapkan syarat wajib pengisytiharan harta oleh Ahli Kongres dan Anggota Kabinet serta pasangan masing-masing termasuk secara talian. Sejak kebelakangan ini, banyak kes rasuah dan penyalahgunaan kuasa oleh kepimpinan

negara terdahulu dibawa ke mahkamah atau disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

■1440

Ini memperlihatkan betapa perlunya langkah membendung rasuah melalui usul ataupun akta yang kita minta disegerakan, *in syaa Allah*. Bagi kerajaan yang ditunjangi oleh Pakatan Harapan, inilah masanya yang terbaik bagi memperlihatkan iltizam yang tinggi dan membanteras rasuah dengan memastikan pelaksanaannya mengikut perancangan seperti yang digariskan dalam manifesto Pilihanraya Umum Ke-14 lalu.

Usul ini perlu dijadikan satu model dalam mendepani mana-mana perbuatan rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa oleh pemimpin-pemimpin politik pelbagai peringkat tanpa mengira parti, tanpa mengira negeri, sama ada penyokong kerajaan atau pembangkang dalam mengumpul harta kekayaan yang tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara melihat dan menganggap isu ini sebagai penting untuk meletakkan diri kerajaan dan negara kita dalam konteks yang bukan sahaja kita dihormati tetapi kita juga dihormati oleh pemimpin kerajaan dan negara asing.

Apa yang menghairankan saya juga, kenapa bantahan lebih banyak daripada mereka yang terdahulu dan mungkin mempunyai harta yang banyak? Sedangkan Ahli-ahli Yang Berhormat biasa-biasa macam saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak merasakan apa-apa perasaan ketakutan langsung apabila diusulkan supaya harta kita dipamerkan kepada rakyat jelata. Mereka boleh menggali hadis, memberikan pandangan atau apa-apa juar sumber agama untuk menentang pengisytiharan harta.

Namun, persoalan pokoknya ialah apakah mereka juga menolak sifat Al-Amin? Ini tertumpu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari kalangan orang Melayu dan beragama Islam. Dan... [Disampuk]

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon pencelahan. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Razali bin Idris:** Okey, sila.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih, atas-boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya cuma mahu minta *clarification* daripada pihak Yang Berhormat Senator Datuk Razali, siapa yang menentang? Dia menentang apa sebenarnya? Oleh sebab mahu tahu juga, siapa yang menentang pengisytiharan ini?

**Datuk Razali bin Idris:** Saya rasa Yang Berhormat Senator ada kah atau tiada dalam Dewan tadi?... Tidak ada? Baru masuk? Oh, baru masuk. Tidak payah jawablah, Tuan Yang di-

Pertua. Nanti tengok *Hansard* [Ketawa] Terima kasih, saya tidak perlu jawab sebab dia tidak ada di dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Januari yang lalu, bahawa usul untuk mewajibkan setiap wakil rakyat, termasuk pembangkang, perlu mengisyiharkan harta masing-masing sangat penting. Ini kerana setiap Wakil Rakyat, termasuk pembangkang, mempunyai pengaruh yang tersendiri. Sekali gus, perlu dihindari daripada menggunakan kedudukan untuk mendapatkan habuan.

Berikutan itu, dengan Dewan Rakyat pada 1 Julai yang lalu, secara sebulat suara meluluskan usul mewajibkan semua Ahli Parlimen, termasuk pembangkang, mengisyiharkan harta masing-masing selepas dibahaskan oleh 26 orang Ahli Parlimen, perlu dipatuhi dan disokong pula oleh Dewan Senat yang mulia pada hari ini.

Jika usul ini diluluskan sebulat suara tanpa sebarang bantahan, termasuk daripada Ahli Parlimen pembangkang, saya juga berharap dan berdoa agar perkara yang sama berlaku di Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat yakin semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negara akan mengisyiharkan harta mereka, termasuk isteri atau suami, anak serta pemegang amanah dalam akaun berkanun. Saya mengalu-alukan cadangan agar senarai nama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negara yang mengisyiharkan harta akan dipaparkan dalam portal SPRM selama tiga bulan, sebelum tiga bulan daripada tarikh penerimaan akaun berkanun oleh SPRM.

Selaku penjaga maklumat, SPRM perlu menjamin maklumat terharga dengan rapi dan tidak bocor. Dengan kedudukan di mana rakyat berhak mengetahui pendapatan dan harta Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negara kerana kedudukan mereka pada hari ini dipilih oleh rakyat. Sebarang kesilapan atau kebocoran maklumat akan mendatangkan persepsi kurang baik kepada individu tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat yakin langkah mewajibkan pengisyiharan harta ini akan meningkatkan kredibiliti wakil rakyat di mata rakyat. Hakikatnya, rakyat perlu mengetahui juga jumlah harta yang dimiliki oleh setiap pemimpin sama ada mewakili kerajaan atau pembangkang kerana tidak mahu lagi episod yang lalu berulang iaitu ada pemimpin memiliki jutaan ringgit di dalam rumah.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting, ketelusan dan *accountability* pemimpin politik diketahui rakyat. Ini termasuklah harta pasangan dan ahli keluarga terdekat. Malah, usul berlandaskan perjuangan, integriti dan ketelusan kerajaan ini dibuat melalui Kerajaan Pakatan Harapan yang memperjuangkan prinsip berkenaan sudah dapat dibuktikan. Bukankah ini satu

janji yang sudah ditepati? Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usul pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator Puan Asmak tadi tidak ada dalam Dewan, saya sudah potong nama. Macam mana?

**Puan Asmak binti Husin:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

## 2.46 ptg.

**Puan Asmak binti Husin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Pertamanya, saya ingin memulakan dengan sedikit firman dari Allah SWT, mengenai pengurusan harta. *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong Hadis]* Allah telah berfirman dan menyarankan kepada kita semua, *"Kalau kita hendak makan di antara satu sama lain tiada masalah tetapi hendaklah jangan dengan kaedah yang batil kecuali melalui kaedah perniagaan yang saling redha-meredhai"*.

Dari sini tegasnya, Islam ini sangat mementingkan kepada konsep pemerolehan harta. Harta itu mestilah diperoleh daripada sumber yang benar. Berkaitan dengan ini juga, Rasullullah SAW tidak suka kepada pemberi rasuah, penerima rasuah dan juga perantara kepada perasuah dan pemberi rasuah. Maknanya, bukan perasuah sahaja, siapa yang menjadi perantara pun kena juga. Jadi, saya rasa dua perkara ini sangat berkait rapat dengan apa yang kita bincangkan pada hari ini. Saya ingin menegaskan bahwasanya kami daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sememangnya bersetuju dengan pengisytiharan harta.

Namun begitu, apa yang ditimbulkan adalah konsep dan mekanismenya. Memandangkan pertama, apakah sebenarnya hasrat kepada usul yang ingin dibawa pada hari ini? Oleh sebab saya tengok kepada *Hansard* yang telah di- *Hansard* ini, iaitu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, telah memberikan penerangan berkaitan dengan usul ini. Saya lihat ada dua tempat di mana Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa selepas ini dan sekarang pun sudah digubal satu RUU berkaitan dengan perkara ini.

Jadi, kalau misalnya RUU itu sedang digubal- pagi tadi pun tidak silap saya memang ada disebutkan juga. Kalau misalnya RUU ini sedang digubal, jadi apakah hasrat usul pada hari ini? Lebih baik kita mungkin menunggu RUU yang benar-benar akan dibentangkan supaya *efficiency* itu, kecekapan ini benar-benar berlaku. Itu pertama.

Kedua, saya juga mungkin ingin bertanya, adakah hasrat ini dikaitkan dengan *legal movement* ataupun *democratic motion*?

Kalau berkaitan dengan *democratic* mungkin kita boleh terima. Namun begitu, walaupun ini adalah satu perlakuan demokrasi, hendak menunjukkan bahawasanya seorang Ahli Yang Berhormat ini harus *declare* harta supaya mendapat keyakinan daripada rakyat dan dalam masa yang sama, boleh mengurangkan rasuah dan sebagainya di kalangan penjawat. Oleh sebab itu, mungkin usul ini adalah sesuatu yang bagus. Akan tetapi namun begitu, tidak berapa lama selepas ini akan ada RUU yang baharu ataupun adakah hasrat ini sebenarnya berkait dengan KPI untuk melunaskan manifesto?

■1450

Kalau berkait dengan KPI untuk melunaskan manifesto sebab inikan disebut dalam *Hansard* di Dewan Rakyat. Jadi kami daripada ini tidak terlibat. Jadi macam mana ini? jadi mungkin Yang Berhormat Menteri bolehlah memberikan sedikit penjelasan. Apakah sebenar hasrat daripada usul ini?

Yang kedua, saya juga ada membacalah beberapa artikel berkaitan dengan perkara ini dan didapati bahawasanya dalam konsep sistem pengisytiharan harta di peringat dunia sekali pun dan memang telah dinyatakan yang paling penting adalah kecekapan dalam proses pelaksanaannya dan disebutkan bahawa mesti *back by legal framework*. Kena ada satu *legal framework* yang bagus. Lalu kalau kita tengok dalam *Hansard* ini dinyatakan kalaularah misalnya usul ini diterima di Dewan Rakyat usulnya diterima, SPRM boleh mengambil tindakan melalui penyiasatan. Itu satu.

Yang kedua, kebertanggungjawaban untuk kita isytihar itu adalah kepada pihak Speaker. Jadi saya ingin bertanya soalan lanjut berkaitan dengan perkara ini. Adakan ini bermakna *job scope* verifikasi dan juga *monitoring* itu jatuh di bahu Speaker atau pun bagaimana? Sebab kita bercakap ini dari sudut praktikal. Maknanya selepas kita isytihar harta dia kena ada proses *monitoring* dan verifikasi. Kalau kita isytihar kepada Tuan Yang di-Pertua, jadi maknanya adakah proses tersebut jatuh ke bahu Tuan Yang di-Pertua. Itu satu persoalan.

Yang kedua, kalau katalah kita tidak ikut usul ini. Tidak mahu isytihar harta contohnya. Maka akan di bawa ke Jawatankuasa Hak. Jadi Jawatankuasa Hak ini adakah fungsi dia ini untuk verifikasi perkara-perkara seperti ini. Sebab bagi sayalah untuk verifikasi berkaitan dengan harta ini, kita perlu ada kemahiran...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Asmak binti Husin:** Okey. Silakan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Satu soalan mudah kepada Yang Berhormat Senator Asmak. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator iaitu perlu ada proses verifikasi. Jadi sekarang ini verifikasi itu terletak kepada bahu Speaker.

**Puan Asmak binti Husin:** Itu. Jadi macam mana?

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Contoh kalau di Parlimen Dewan Rakyat bermakna Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

**Puan Asmak binti Husin:** Itu sefaham saya.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Jadi. Ya. Setuju ataupun tidak kalau Tuan Yang di-Pertua itu adalah terdiri daripada seorang yang bersifat partisan. Apakah konsep kebebasan dan juga kredibiliti itu...

**Puan Asmak binti Husin:** *Accountability.*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** *Accountability is at question. Thank you.*

**Puan Asmak binti Husin:** Okey. Saya rasa saya masukkan ucapan tersebut dan saya tidak pasti soalan berkaitan *job scope* ini perlu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri atau pun Tuan Yang di-Pertua. Macam mana? Sebab berkaitan dengan tanggungjawab.

Seterusnya pula ialah, apabila saya membaca tentang artikel berkaitan juga didapati ada juga perbincangan yang luas berkaitan dengan keselamatan apabila dipublikkan. Iaitu apabila kita publik ini saya tengok apabila di Dewan Rakyat saya buka siapa-siapa Yang Berhormat yang pernah mengisyiharkan. Jadi saya buka didapati di situ yang kita boleh tengok ialah, pertamanya adalah pendapatan dan yang kedua adalah dari sudut harta yang dia ada. Jadi saya kurang pasti adakah harta itu adalah harta bersih setelah ditolak liabiliti ataupun aset sahaja? Harta sahaja maksudnya.

Kalau hendak kirakan aset ini mungkin jadi isu besar juga bagi Yang Berhormat. Contohnya macam ini, macam saya. Saya ada harta di Selangor sebab sebelum ini saya kerja di Selangor. Walaupun tidak banyak adalah dua tiga keping maksudnya begitu. Walaupun sekeping di Selangor berbanding dengan sekeping di pedalaman Kelantan contohnya, harga tidak sama. Katalah rumah yang saya duduk sekarang mahu cecah sejuta. Jadi katalah dekat sejuta sebenarnya duit tidak ada *tok abah* tetapi harga rumah itu dekat sejuta.

Campur dua tiga keping ada mahu dua tiga juta. Bila rakyat di bawah tengok. Yang Berhormat Asmak banyaknya duit dia RM3 juta. Dengan pula kaedah politik yang kita ada di Malaysia sekarang di mana rakyat ini kadang-kadang dia bergantung kepada Yang Berhormat. Tidak percaya mungkin Yang Berhormat Datin Rahimah boleh jawab nanti dalam perbahasan beliau. Bagaimana beliau berada di Machang kawasan yang agak pedalamanlah dekat kawasan.

Selepas itu penoreh-penoreh getah bila sampai musim tertentu akan pergi ke rumah beliau untuk minta bantuan.

Jadi kalau lahir kita isytihar dengan keadaan suasana pada hari ini yang tidak bersedia dan kita paparkan pula contohnya aset sahaja tanpa memaparkan liabiliti, jadi rakyat ini boleh terima tidak? Jadi jenuh juga Yang Berhormat Dato' Dr. Ananthan ini hendak jawab dekat Kedah ini.

Seterusnya adalah, saya juga tertarik dengan satu artikel yang dinyatakan oleh Pakar Perlembagaan daripada UTM iaitu Dr. Fathi. Yang mana beliau mengatakan kalau untuk menunjukkan *accountability* bagi pentadbiran sebuah negeri lebih baik kita percepatkan usul dana politik berbanding dengan pengisytiharan harta. Ini kerana, dalam satu tesis yang saya baca, tesis itu tahun 2014, namun begitu berbanding ini saya nampak *valid* lagilah sebab tidak ada tesis lain daripada itu yang kita boleh akses yang terkini.

Jadi tesis tersebut mengatakan badan politik di Malaysia adalah merupakan badan tertinggi yang mengalami korapsi berbanding dengan polis dan lain-lain. Disebutkan macam itu. Menunjukkan bahawasanya isu integriti yang kita hadapi ialah berkaitan dengan parti politik. Oleh sebab itu, lebih baiklah usul dana politik ini diutamakan berbanding usul pengisytiharan harta.

Seterusnya saya juga ingin merujuk kepada *BH Online* pada hari Jumaat. Yang mana dalam *BH Online* ini Puan Latheefa Koya selaku pengurus SPRM yang baharu, mengatakan okey sekarang sudah lulus di Parlimen, maka SPRM akan pergi ke negeri-negeri untuk mencadangkan usul ini di peringkat negeri-negeri untuk melambangkan integriti pentadbiran sesebuah negeri.

Jadi saya bawa sedikit, kalau Kelantan contohnya untuk melambangkan integriti, kami baharu sahaja menerima pengiktirafan audit cemerlang mengenai pentadbiran kami. Jadi adakah audit cemerlang itu dia punya *urgency* itu, kewajipan itu tidak setara dengan isytihar harta ataupun kena isytihar harta juga menunjukkan bahawa integriti. Jadi macam mana?

Saya hendak fokuskan dekat sini adalah kaedah. Dalam Islam kita menganggap pengisytiharan harta ini adalah salah satu kaedah *masalah mursalah* apabila berlaku keperluan maka kena isytihar harta. Akan tetapi adakah ia peringkat wajib kah, peringkat harus kah, peringkat makruh kah? Jadi saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Kalau ia peringkat wajib, mohon bagi tahu wajib itu setakat mana. Sebab kalau wajib kita kena terima usul hari ini tetapi kalau dia sunat, kita tunggulah rang undang-undang mungkin dalam masa lima bulan sahaja lagi. Jadi *settle* lebih awal.

Cuma saya juga hendak bawa sedikitlah pemikiran kita mengenai artikel ini. Puan Latheefa Koya mengatakan bahawasanya, usul ini telah lulus di Parlimen dan hendak bawa ke

negeri-negeri. Masalahnya, usul ini di bawa ke Dewan Rakyat, tidak di bawa lagi ke Dewan Negara. Jadi kita ini bukan Parlimen kah macam mana? Ini hendak cerita *had marah* sedikit ini.

Kita ini bukan Parlimen kah Tuan Yang di-Pertua? Macam mana? Kan kita ini *Upper House*- tidak tercapai *dek akalmu* kah macam mana, Dato Razali? Jadi kadang-kadang kita mungkin kena buat *engagement* lagi untuk memastikan yang suara kita ini didengari dan saya pun kurang pasti sama ada usul hari ini buat *engagement* secara betul dengan pihak Dewan Negara atau pun tidak. Jadi akhirnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa itu? Apa itu?

**Puan Asmak binti Husin:** Saya tidak pasti sama ada kita buat *engagement* kah tidaklah berkaitan dengan usul ini. Maksudnya pihak Yang Berhormat Menteri ada tidak buat *engagement* dengan kita sebelum membentangkan usul ini. Sebab bagi saya kita sebagai ahli polisi, kita harus menerima polisi dengan kaedah *monitoring* yang jelas, *legal framework* yang jelas. Supaya akhirnya bila pengisytiharan harta dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat semalam Tan Sri Abu Kassim bagi taklimat ada...

**Puan Asmak binti Husin:** Itulah saya kurang sihat. Akan tetapi walaupun tidak datang saya mengikuti dan ikutlah. Tidak maksudnya sebelum ini adakah *engage* betul-betul. Sebab kalau kata berlaku, maknanya kena tambah ini kerja *Select Committee*, kerja Tuan Yang di-Pertua mungkin kena pergi kursus lain untuk verifikasi. Macam mana ini?

Sebab saya ini orang perempuan kita kena fikir praktikal hendak masak sambil basuh kain, sambil jemur kain, jadi dia kena sekali gus, praktikal. Kalau tiba-tiba hendak belajar, hendak *training* hendak apa. Tiba-tiba lima bulan masuk rang undang-undang baharu baik tidak payah buat. Tak *dan* nak *implement* lagi masuk rang undang-undang baharu. Betul kah tidak? Tepuk tangan.

Jadi saya rasa sampai di situ sahajalah untuk perbahasan ini tidak hendak mengambil masa yang panjang. Jadi akhirnya saya menolaklah usul hari ini kerana saya tidak pasti dengan hasrat dia. Akan tetapi kalau rang undang-undang pengisytiharan atau nama baharu *insya-Allah* kita akan terima sebab ia tidak bersalahan dengan Islam. *Wallahu alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat tadi ada beberapa kali Yang Berhormat mengatakan verifikasi. Dalam usul tidak ada verifikasi pun? Perkataan verifikasi. Tidak ada.

**Puan Asmak binti Husin:** Saya memohon maaf. Ia memang tidak ada dlm verifikasi sebab itu. Akan tetapi kalau kita tengok dari sudut perbincangan bila hendak laksanakan usul ini

dia memang kena ada verifikasi. Baru ada keberkesanan. Jadi itu saya hendak tanya...  
[Disampuk] Hendak verify atau tidak? Ataupun hendak isytihar sahaja? *Wallahu 'lam.*

■1500

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Ini kerja Yang Berhormat Menteri lah tetapi tadi saya pun ada jumpa dengan Tan Sri Abu Kassim, yang verifikasi ini tak ada verifikasi. Tidak ada verifikasi, fasal yang surat akuan, itu adalah pengakuan. So, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ini buat pengakuan salah itu, lain lah. Akan tetapi saya tidak mahu cakap banyak fasal ini terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan membuat keputusan kelak dan Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Akan tetapi oleh sebab Yang Berhormat telah membincangkan dan mengatakan beberapa kali tentang verifikasi, so, saya kena beritahu bahawa saya selaku Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, kerja saya ini untuk menerima sahaja jikalau di lulus. Jikalau tidak lulus, tidak perlulah. Akan tetapi yang buat masa sekarang ini, kerja saya adalah- dan sebuah *copy* itu dihantar kepada MACC.

Okey, sekarang silakan Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind.

**3.04 ptg.**

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam hormat dan salam Malaysia baharu. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong usul ini kerana ini adalah langkah yang baik dalam proses kita mereformasi Parlimen kita. Selain daripada itu, ini adalah dalam proses kita mewujudkan satu pentadbiran yang bertanggungjawab, satu pentadbiran yang beramanah dan juga kita akan mewujudkan atau melahirkan pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab dan jujur.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini kita juga akan cara- membangkitkan nilai-nilai yang baik dalam cara sistem politik kita iaitu sistem *parliamentary democracy*. Jadi, selain daripada ini jalan yang kita ambil daripada sekarang, jalan yang jauh untuk menghapuskan memang susah tetapi untuk mencegah rasuah, usul ini kalau kita meluluskannya akan juga memperbaiki imej pemimpin-pemimpin politik di Malaysia sekarang ini.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini pasti atau tahu pendapat rakyat di luar Dewan ini kebanyakan mereka ini menyangka pemimpin-pemimpin politik di Malaysia ini tujuan mereka ini hanya mencari harta dan bukan untuk mentadbir negara dengan baik.

Jadi ini mungkin akan memperbaiki imej pemimpin-pemimpin politik khususnya Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini. Jadi...

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Minta laluan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator, saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Senator menyebutkan bahawa usul ini adalah satu tujuan untuk membaik pulih semula kepercayaan dan keyakinan rakyat. Bukan sahaja rakyat di dalam, tetapi juga rakyat di luar yang disebutkan.

Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, dalam satu tinjauan tahunan *Edelman Trust Barometer Global* ke-19 menyebut bahawa kepercayaan terhadap Kerajaan Malaysia telah berubah daripada tidak percaya kepada percaya, daripada 49 mata kepada 60 mata. Mungkin kah bila usul dibuat- ada dua perkara saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Asmak binti Husin bahawa kalau setakat usul sahaja, *then* tidak perlulah dahulu kita sokong. Maka kita tunggulah dahulu rang undang-undang.

Jadi mungkin saya ingin nak bertanya dengan Yang Berhormat Senator, selaku pengamal undang-undang. Adakah dengan bersikap macam itu mungkin cukup? Ataupun apa salahnya kita menerima usul ini dahulu dan kemungkinan akan mengambil masa. Mungkin lima bulan, atau enam bulan untuk dirangka satu rang undang-undang yang lebih kemas. Tentunya kerajaan telah mengambil kira pandangan itu maka terlebih dahulu untuk meraih kepercayaan rakyat dan juga global di luar sana supaya menarik ekonomi yang lebih baik kepada negara. Maka dicadangkan dan diusulkan perkara ini, Yang Berhormat.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa persepsi ini memang penting, persepsi rakyat. Jadi, kalau dengan usul ini memang imej Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini memang naik-memang imej menunjukkan bahawa semua Yang Berhormat di Dewan ini bertanggungjawab dan bersedia untuk berkhidmat untuk rakyat dan bukan untuk diri sendiri. Jadi ini, saya ingat kita pun boleh dengan usul ini- kita sebagai langkah pertama. Jadi langkah kedua, apabila kita ada rang undang-undang. Jadi bagaimanapun ini ialah suatu langkah yang baik untuk masa hadapan kita semua.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Yang Berhormat, boleh minta laluan? Pagi ada seorang Yang Berhormat sentuh isu mala fide. Sebagai seorang peguam yang mempunyai lebih kurang 40 tahun amalan sebagai *senior council*, adakah Yang Berhormat mendapati apa-apa elemen mala fide di dalam usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini memang – elemen *bad faith* mesti ada, *mala fide*. Ini kerana kita melihat apabila membuat pengisytiharan harta ini bukan untuk orang daripada pihak parti pembangkang sahaja, tetapi daripada pemimpin-pemimpin kerajaan. Jadi ini bukan satu *bad faith*, tetapi satu tujuan yang ikhlas oleh kerajaan yang ada pada hari ini untuk mengubahsuai dengan cara politik kita, cara pentadbiran negara kita. Jadi ini bukanlah cara yang *bad faith* atau *mala fide*.

Dengan itu, hanya- Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua Ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan ini bersedia untuk pengisytiharan harta. Akan tetapi satu isu yang membimbangkan kepada kebanyakan Ahli Yang Berhormat ialah apa tujuan untuk mempamerkan pengisytiharan itu dalam portal SPRM.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan mudah sekali lagi. Boleh? Dengan izin. Cuma soalan saya kepada Datuk Douglas. Datuk Douglas setuju ataupun tidak dipamerkan? Terima kasih.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Saya Tuan Yang di-Pertua, memang saya tidak setuju kerana apa yang kita hendak buat mesti ada kesannya. Apa kesannya untuk mencegah rasuah kalau menunjukkan harta-harta kita di portal atau disebarluaskan kepada rakyat? Apa yang sebaliknya Tuan Yang di-Pertua, kita pun pasti ini akan disalahgunakan oleh pihak-pihak yang berlawan dengan kita untuk tujuan politik.

Tuan Yang di-Pertua, kita ini sebagai rakyat Malaysia biarpun kita ini Ahli Senator, tetapi kita berhak untuk *privacy*, berhak untuk mensulitkan harta-harta yang kita dapati dengan cara yang halal, bukan haram. Jadi itu yang satu yang saya tidak setuju Tuan Yang di-Pertua. Saya berharaplah kalau pihak kerajaan, mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh..

#### ■1510

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon mencelah. Yang Berhormat Senator, tadi Yang Berhormat Senator ada menyebut berkenaan tentang privasi. Sebagai seorang pengamal undang-undang yang sangat berpengalaman, saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat Senator, adakah negara kita Malaysia ini mempunyai satu undang-undang yang boleh mengawal ataupun undang-undang yang boleh melindungi privasi Ahli-ahli Parlimen sekiranya *declaration asset* ini dilaksanakan. Adakah apabila kita *declare* ini memang ada satu undang-undang yang boleh melindungi kita ini semua untuk supaya tidak boleh disalah gunakan dan sebagainya, undang-undang privasi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Yang Berhormat. Pada masa ini belum ada. Jadi ini kalau tidak silap, siapa pun boleh digunakan, boleh disalah gunakan. Jadi ini pun tidak adillah kepada kita orang semua hari ini. Jadi saya harap pihak kerajaan boleh fikirkan bagaimana kita boleh kaji semula struktur ini yang akan dipamerkan di portal SPRM.

Jadi yang dalam taklimat Tan Sri yang semalam, Tan Sri Abu Kasim berkata, data- hanya disimpan oleh SPRM tapi tidak digunakan. Jadi apa tujuan kalau dipamerkan? Ini soalan saya. Bagaimanapun saya haraplah Tuan Yang di-Pertua, mungkin pejabat Tuan Yang di-Pertua, kita boleh fikirkan cara bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usul ini untuk kebaikan negara, untuk kebaikan pentadbiran negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dr. Nuing Jeluing.

### 3.12 ptg.

**Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara dasarnya, saya setuju dengan usul ini sebab kita telah difahamkan inilah satu langkah diambil kerajaan untuk mencegah rasuah. Kita juga telah difahamkan Malaysia sebagai negara telah menandatangani *United Nation Convention For Declaration of Assets*. So kita sudah tandatangani konvensyen itu dan susulan dari konvensyen muncullah usul-usul ini.

Akan tetapi saya hanya ada dua perkara yang merisaukan saya sedikit dengan usul ini. Satu, mengapa ahli Senator perlu *declare asset* yang mereka peroleh sebelum menjadi Senator sebab saya difahamkan usul ini adalah satu langkah untuk mencegah rasuah di waktu seseorang itu menjadi ahli politik. So, mengapa perlunya Senator mengisyiharkan harta atau aset dia peroleh sebelum menjadi Senator? Oleh sebab itu tidak ada kaitan dengan jawatan yang dia yang pegang sekarang.

So satu saya cadangkan, jika kita mengisyiharkan aset, itu patut terhadkan kepada aset yang diperoleh sewaktu *you* memegang jawatan, sewaktu seseorang itu memegang jawatan sebagai Senator atau ahli politik. Kedua yang telah di perkatakan rakan saya tadi iaitu *upload* kan maklumat ini di tempat portal SPRM. Apa tujuan sebenar cadangan ini. Adakah cadangan ini untuk orang awam. Orang awam boleh melihat harta dan aset orang-orang politik. Adakah tujuan begitu sebab dia cakap tiga bulan saja dan dalam tiga bulan itu untuk orang awam memberi pandangan kah kepada SPRM? Saya sangat setuju dengan rakan-rakan yang telah bercakap awal tadi. Kalau kita *publish* ini dalam portal untuk orang awam, dia akan menimbul banyak masalah yang memberi kesan kepada ahli Senator.

Dengan itu saya tidak setuju pengisytiharan ini dipaparkan di portal SPRM. Oleh sebab saya rasa tiada faedah untuk berbuat begitu. Hanya dia menjadi masalah untuk Senator-senator. Selain daripada itu sebagai dasar, saya sudah cakap yang saya setuju dengan usul ini dengan pindaan satu, aset yang diperoleh sewaktu memegang jawatan Senator sahaja dan dua, jangan dipaparkan di portal SPRM. Sekian, terima kasih.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan sebelum Dr. Nuing, bila Dr. Nuing sebut dengan pindaan, bermaksud usul ini tidak boleh diterima. Setuju ataupun tidak?

**Dr. Nuing Jeluing:** Cadangan saya, kalau boleh isytihar itu terhad kepada harta atau aset yang diperoleh sebagai Senator, dan kedua jangan dipaparkan di Portal SPRM. Itulah cadangan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih.

Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

### 3.17 ptg.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih. Selamat petang kepada semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut menyertai dalam perbahasan ke atas usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Saya ingin menyatakan sokongan yang sepenuh-penuhnya ke atas usul tersebut dan saya rasa ini mencetuskan budaya yang baru ataupun satu sejarah di mana kerajaan menetapkan secara wajib melalui usul ini untuk semua ahli Parlimen yang terdiri daripada Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat untuk mengisyiharkan harta masing-masing ini kepada seluruh negara kalau kita pamerkan di laman web dan khususnya ini untuk penggunaan rakyat Malaysia yang memilih kita sebagai Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, langkah tersebut menunjukkan kerajaan telah menepati janji yang dibuat dalam...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua mencelah. Saya tidak faham, tadi dia sebut yang memilih kita? Akan tetapi Dewan Negara tidak dipilih oleh rakyat, berbeza kita di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Itu yang- kita pun dipilih tapi kita pun membuat keputusan untuk dipilih, untuk menjawat jawatan tersebut. Ini satu amanah yang kita bertanggungjawab dan tunaikan. Itulah satu pendekatan.

Oleh itu, satu lagi sikap adalah *uncompromising* ataupun dikatakan sikap tanpa kompromi dan komitmen untuk melaksanakan pentadbiran secara telus, bersih dan keinginan kerajaan untuk mendirikan politik yang betul dan baru di negara kita. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua sebelum ini memang nilai berpolitik di negara kita sering kali disifatkan macam sudah tercemar ataupun ada satu persepsi yang negatif di Malaysia di mana ada golongan atau orang-orang yang berkata kalau hendak mencari kekayaan, maka salah satu cara yang paling senang adalah menjadi calon ataupun menjadi Menteri.

■1520

Itu tanggapan negatif yang perlu kita betulkan. Saya harap dengan adanya pengisytiharan harta ini, maka kita dapat menuju ke landasan yang betul sebegini. Meskipun bukan semua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegaskan di sini ahli politik ataupun pemimpin negara kita mempunyai kekayaan dengan cara yang tidak betul ataupun menyalahgunakan posisi mereka untuk mengaut kekayaan tetapi yang dicerminkan itu, yang buruk itu, yang negatif itu harus kita betulkan supaya Ahli-ahli Parlimen dianggap sebagai berwibawa dan dihormati oleh rakyat dan masyarakat antarabangsa juga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal itu, langkah yang diambil oleh kerajaan harus diberi sokongan yang sepenuhnya dan diberi kerjasama padu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita sama-sama mewujudkan satu persekitaran politik baharu yang menitikberatkan prinsip ketelusan dan kejujuran dalam menjaga amanah bagi negara dan rakyat. Langkah ini yang diusulkan hari ini dapat mencetuskan, seperti yang dikatakan tadi, budaya yang baharu kerana pada masa depan, sesiapapun yang ingin menceburi diri dalam politik ataupun mencuba bakat menjadi pemimpin negara kita haruslah berhadapan dengan terus-terang dan mengamalkan nilai kejujuran yang menjadi nilai yang paling asas yang harus kita...

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat, mencelah boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Datuk.

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak masuk satu pantun dua kerat...

*Kalau takut dilambung ombak;  
Jangan cuba-cuba mandi di pantai.*

Terima kasih. Bolehkah?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** [Membaca pantun]

*Kalau hendak menjadi Ahli Parlimen Gombak;  
Jangan suka-suka gatai-gatai... [Dewan ketawa]*

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih. Sangat baik. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Saya akan teruskanlah. Saya tidak ada pantun untuk balaslah... *[Dewan ketawa]*

Kita ini semua boleh mencari kekayaan tetapi...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak minta Yang Berhormat balas. Yang Berhormat tidak faham dengan pantun, saya hendak jelaskan.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Boleh jelaskan pada semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah, Yang Berhormat. Dia faham, dia faham.

**Datuk Razali bin Idris:** Tidak payah? Yang Berhormat Megat jawab itu dia lari sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak jawab betul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak, dia ingat itu Gombak. Sebenarnya ombak *[Ketawa]*

**Datuk Razali bin Idris:** Okey, okey, terima kasih *[Ketawa]*

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita boleh mencari kekayaan tetapi dengan usaha kita sendiri, kepandaian kita sendiri, kerajinan kita sendiri dan kita lakukan secara jujur dan patuh kepada sisi undang-undang dan bukan menyalahgunakan kuasa dan memecah amanah. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dunia sekarang ini sudah berubah. Dengan kepenggunaan berleluasa *internet* ataupun *cashless* tanpa tunai, canggih dan menggertakkan pelbagai undang-undang untuk mencegah rasuah dan wang haram. Maka, tidak bermakna ataupun tidak selamat sekiranya kita hendak menyalahgunakan posisi dalam sesuatu jawatan itu untuk mengaut kekayaan tetapi selepas itu kita susah untuk membelanjakan wang yang rasuah secara *peace of mind*, dengan izin.

Biarlah kita, Tuan Yang di-Pertua, mengamalkan kehidupan jujur dan melakukan yang terbaik untuk negara yang kita sayangi ini apabila kita diberi kuasa oleh rakyat. Ini kerana apa pun, kita diberi gaji yang mencukupi dan kebajikan yang agak baik dan seperti yang dikatakan oleh Menteri Pertahanan, ‘Mat Sabu’, “Kalau rasanya tidak mencukupi gajinya, maka mintalah tambah gaji secara rasional dan jangan kita mengaut atau ambil kekayaan daripada dana negara”.

Pemimpin negara harus dijadikan contoh, tokoh yang rajin...

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Yang Berhormat, mohon mencelah.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Boleh, boleh.

**Tuan Manolan Ling Sie Kiong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya hendak tanya, kita tahu sebelum ini tidak ada pengisytiharan harta oleh kerajaan terdahulu oleh Wakil Rakyat ataupun Ahli Parlimen mereka. Adakah disebabkan itu kita tengok pemimpin-pemimpin besar dan kecil di peringkat kampung sekalipun...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan. Tadi Yang Berhormat kata tiada? Kita ada *Code of Ethics* tahun 2004 untuk Ahli-ahli Parlimen dan juga tahun 2009 untuk Jemaah Menteri dan pentadbiran. Sudah ada *Code of Ethics*. Bermakna kena buat isytihar.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Akan tetapi saya tidak perlu jawab, saya rasa.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tidak perlu jawab tetapi saya hendak nyatakan di situlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar, Yang Berhormat.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tidak ada usul pengisytiharan harta seperti sekarang. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dahulu pemimpin besar hingga kecil peringkat kampung, mereka menggunakan kedudukan mereka mengaut keuntungan dengan projek-projek kecil sekalipun dan ini mereka berani? Apabila Usul ini dibawa ke Parlimen dan diluluskan, adakah ini akan mengurangkan unsur-unsur rasuah ini? Terima kasih.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Manolan. Saya memang bersetuju dengan adanya pengisytiharan harta secara terbuka ini dan dengan adanya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah yang berdikari sekarang ini dan semakin ketatnya undang-undang, maka insiden rasuah ini akan berkurangan dan kita haruslah mengamalkan satu sistem ketelusan dalam pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, marilah kita sokong dan- ada satu kerisauan di kalangan Ahli Dewan Negara atas masalah keselamatan sekiranya kita mempamerkan harta di laman web. Saya rasa itu tidak menjadi masalah yang besar kerana yang lebih penting adalah kita ini menerima hakikat dan risiko yang perlu kita hadapi sebagai seorang Ahli Parlimen. Seperti juga anggota polis, anggota tentera, mereka memilih kerjaya itu, maka mereka lah menghadapi risiko dan hakikat sebagai seorang anggota. Kita ini hendak menjadi seorang pemimpin. Kita hendaklah menerima hakikat tersebut di mana kita kena terus-terang, kita kena pamerkan harta kita.

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon pencelahan, Yang Berhormat Tuan Alan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Banyaknya ini hari saya...

**Puan Asmak binti Husin:** Oh, tidak jadi. Okey, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih. Mungkin satu langkah ataupun *compromise proposal* dicadangkan untuk mempamerkan selama tiga bulan itu di laman web SPRM, satu langkah *precaution* yang boleh diambil adalah sesiapa yang hendak memuat turun harta kita ini, isikan pasport ataupun kewarganegaraan, nombor telefon dan maklumat. Selepas itu barulah dia boleh terima. Sekurang-kurangnya kita ada maklumat sesiapa yang ambil maklumat-maklumat kita. *That is one of the suggestion* daripada saya.

So, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri saya bersedia untuk mengisytiharkan harta pada masa terdekat yang ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]* Marilah kita sama-sama sokong Usul ini. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya setelah mendengar perbahasan ini, memang tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat pun yang takut untuk mengisytiharkan harta. Hanya dari segi keselamatan dan sebagainya.

So, dalam perbahasan yang akan berlangsung, saya berharap ini hendak celah-celah ini tidak payah sahajalah fasal pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat ini- yang saya tadi tertarik dengan apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni. Salah satu yang beliau katakan bahawa ini menunjukkan kepada negara di luar negara ini bahawa kita ini sebuah Parlimen yang berintegriti.

Akan tetapi yang dari segi ada masalah berkenaan dengan keselamatan, yang itu siapa yang hendak berbahas itu, biar dia orang bahas. Kalau hendak celah-celah ini, perkara yang sama sahaja. So, yang sokong itu akan sokong, yang tidak hendak sokong itu tidak payah sokonglah *[Ketawa]* So, kita- fasal suasana di Dewan Negara ini lain. Kita ini *very matured*.

So, kalau sesiapa yang hendak bagi pendapat mereka, biarlah. Tidak payah kita bawa ombak dan Gombak di sini... *[Ketawa]* *[Dewan ketawa]* Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Razali bin Idris:** Hendak hilangkan mengantuk sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Bagilah peluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

### 3.29 ptg.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas petang ini. Kita ada dengar ramai kawan-kawan kita bercakap tentang Usul ini. Saya juga ingin menyatakan pandangan saya bahawa untuk menunjukkan integriti kita, menunjukkan kesahihan apa yang kita dapat ini, marilah kita sama-

sama isytihar harta kita. Ini kerana kita tahu bahawa rakan-rakan kita di Dewan ini semuanya mendapat harta dengan cara yang halal. Tidak ada yang tidak betul. Semuanya betul... [Tepuk] Jadi, tidak perlu khuatir untuk kita memberitahu kepada orang ramai bahawa inilah harta yang aku dapat secara halal tanpa menipu sesiapa.

#### ■1530

Saya yakin semua rakan di sini adalah kalau bahasa Inggerisnya, *noble gentleman* dan juga *lady*. Jadi inilah peluang kita untuk menyanggah sebarang tohmahan bahawa sebagai ahli politik, sebagai ahli Dewan Negara, kita menggunakan peluang ini untuk mengaut keuntungan kepentingan diri dan keluarga.

Jadi dengan cara ini, cara kita memberitahu orang ramai bahawa inilah harta kita. Banyak ini sahaja, bukannya kita kaut. Kita dapat sekadar gaji dan lain-lain daripada itu ialah usaha kita sendiri. Ini kerana saya yakin ramai yang ada *business* sendiri, ada firma-firma masing-masing yang ada pendapatan yang cukup untuk membuktikan bahawa kekayaan yang diterima itulah atas usaha masing-masing, bukan secara yang tidak betul.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Yang Berhormat, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, sebab Yang Berhormat Menteri pun ada di sini, kita ambil kesempatanlah. Antara yang ditolak ataupun yang menjadi keraguan ataupun ketidaksenangan hati beberapa Ahli Yang Berhormat Dewan Negara untuk mengisyiharkan harta ialah bila kita isytiharkan harta dan di-upload ke portal SPRM, semua orang boleh tengok termasuk orang-orang kampung kita yang susah. Lalu mereka menganggap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat Senator ini ada banyak duit.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, hakikatnya, ia adalah hasil daripada *business* kita yang sebelum itu dan bukannya hanya berperanan sebagai Ahli Dewan Negara. Lalu pada pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah tidak adil berdasarkan sumber itu yang diusahakan daripada bukan hanya menjadi Ahli Dewan Negara tetapi rakyat mula memberi satu justifikasi bahawa kita ini banyak duit dan rakyat boleh minta. Sedangkan pada masa yang sama, Ahli Dewan Negara tidak ada peruntukan apa-apa pun. Mungkin Yang Berhormat Menteri kita boleh pakat dengar jugalah.

Adakah mungkin disebabkan kita tidak ada peruntukan itu, maka kalau rakyat datang ramai, akhirnya kita terpaksa keluar duit kita. Bukan keluar duit peruntukan yang daripada *government*. Jadi mungkin juga Yang Berhormat Menteri ada di sini, boleh *take note* sama dan mungkin apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sedikit? Oleh sebab tadi Yang Berhormat ada sebut mengatakan bahawa salah satu sebab mungkin

kenapa kita tidak hendak terima usul ini kerana takut orang kampung tahu berapa banyak harta kita.

Akan tetapi saya kira, bukan itu sebenarnya yang kalau katalah saya secara peribadi tidak berapa menyokong, bukan kerana itu. Ini disebabkan kalau hendak *declare* aset pun, saya rasa aset saya semua hutang sebab bank punya, bukan saya punya. Masih berhutang. Akan tetapi sebenarnya apa yang kita bahaskan sekarang ini adalah apabila kerajaan mengadakan usul, membuat usul ini tanpa sebarang cadangan penambahbaikan seperti contohnya, akta privasi negara tadi tidak ada. Setuju, disokong oleh Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind. Tidak ada.

Keduanya, dari segi keselamatan, bagaimana keselamatan. Mungkin ada di kalangan Yang Berhormat Ahli Parlimen yang mungkin kita tahu dia bermiaga daripada awal terutamanya di Dewan Negara ini. Oleh sebab Dewan Negara bukan seperti Dewan Rakyat. Dewan Negara adalah daripada kumpulan yang mewakili golongan-golongan tertentu. Contohnya mungkin usahawan, korporat, *I mean* ramai, pendidikan dan sebagainya.

Ketiganya, kita tidak hendak nanti, apabila berlakunya deklarasi ini, ada masalah-masalah lain apabila tidak ada satu kerangka yang merangkumi keseluruhannya. Contohnya, apabila kita bermiaga, ada pula tengok kita punya hutang berapa banyak. Sudah tidak dapat *loan* dan sebagainya ataupun mungkin kalau di kalangan Ahli Senator ini mungkin tidak adalah. Mungkin selepas daripada *Senatorialship*, tengok hutang dia ini banyak, macam mana hendak bagi *loan*, hendak *approval*, *credit rating* tidak ada.

So, banyak implikasi lain yang saya rasa perlu diambil kira apabila kita hendak mengisyiharkan. Tadi Tuan Yang di-Pertua pun ada mengatakan, tidak ada *verification*. *Verification* maknanya, kalau katalah mungkin saya senator pembangkang, saya *declare* lah beria-ia ini sebab takut hendak diletakkan ini tetapi kalau mungkin Ahli Parlimen kerajaan ataupun yang mungkin *declare* yang tidak benar, contohnya- saya cakap contoh. Mungkin siapa yang hendak *verify*?

So, saya kira bukan isu masalah orang kampung tahu berapa banyak harta kita dan sebagainya tetapi saya kira kita perlu melihat kepada kerangka keseluruhan sama ada apabila dibuat usul ini, adakah ia betul-betul dibuat? Maknanya bukan kerana manifesto hanya politik sebab kita di Dewan Negara. *We are the check and balances*. Kita bukannya di Dewan Rakyat. Dewan Negara ini wujudnya adalah *check and balances*.

So, kita hendak kalau boleh, bukan tujuan untuk kerajaan ataupun pembangkang, bukan. Akan tetapi kita hendak kalau boleh, apabila usul ini diterima ataupun kalau sungguhpun ditolak,

bukan kerana *political issue*, bukan kerana dipolitikkan di Dewan Negara ini, tidak. Akan tetapi ia adalah untuk kebaikan semua, untuk kebaikan Parlimen, kerajaan dan juga kebaikan negara. Itu sahaja.

Maknanya tidak ada timbul saya rasa isu mengatakan kita takut hendak *declare* dan sebagainya tetapi lebih kepada peranan Dewan Negara untuk melihat *check and balance* bagaimanakah apabila usul ini dikemukakan, impak-impaknya terhadap akta keseluruhan negara dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, mohon izin sebab ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh, tidak boleh Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator ini ambil masa daripada Yang Berhormat Senator itulah.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Ya, sebab yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua kalau kata bukan isunya tetapi sebenarnya adalah isu sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Itulah hakikatnya. Mungkin pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah itu adalah isu yang dia fikir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa. Saya sokong Yang Berhormat Senator.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih. Saya ada sedikit lagi hendak habiskan. Jadi, saya hendak sarankan kepada Yang Berhormat Menteri, kita tengok bahawa ini adalah cuma satu usul. Jadi untuk mengkonkritkan lagi apa yang kita hendak buat demi ketelusan wakil rakyat dan juga ahli politik semua, saya sarankan supaya akta yang cadang diadakan nanti, dipercepatkan. Kalau tidak nanti benda ini akan berlanjutan. Nanti sampai satu tahap, apabila semua sudah lengkap, nanti lupa.

Satu perkara lagi yang saya hendak minta pihak Yang Berhormat Menteri ambil perhatian ialah tentang ramai kawan kita menganggap pemaparan di laman web SPRM itu macam satu duri yang mencucuk-cucuk mereka. Jadi tolong cari ikhtiar cara yang terbaik untuk memastikan bahawa kerisauan rakan-rakan dalam Dewan Negara ini, diambil kira supaya sebarang benda-benda negatif hasil daripada pemaparan di laman web SPRM tersebut dapat ditangani tanpa memberi kesan kepada kami semua. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop. Tidak ada.

Silakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

**3.37 ptg.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan Usul Yang Berhormat Menteri bahawa butiran pengisytiharan harta Ahli Dewan Negara akan dipaparkan di portal SPRM, saya ingin mendapat jaminan dan prinsip *accountability* yang akan dimainkan oleh kerajaan berhubung dengan beberapa perkara di bawah.

Pertama, sejauh manakah Kerajaan Pakatan Harapan dapat memberi jaminan bahawa butiran-butiran pengisytiharan harta individu Ahli Dewan Negara yang dibuat, tidak akan di manipulasi dan disalah guna oleh pihak ketiga dan menjelaskan keselamatan peribadi serta ahli keluarga mereka?

Penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, setelah kita isytihar, selama tiga bulan akan dipaparkan di portal SPRM. Jadi saya ingin bertanya, bagaimana SPRM menangani isu-isu salah guna data peribadi Ahli-ahli Senator bagi menepis kacau ganggu pihak ketiga terutamanya *telemarketer* yang semestinya mengganggu kehidupan peribadi dan privasi Ahli Dewan Negara apabila dipaparkan di portal SPRM?

Saya memang bersetuju, pengisytiharan harta ini dibuat. Semasa saya menjadi guru dulu pun, setiap tahun, pengisytiharan harta ini dibuat. Akan tetapi yang pentingnya ialah penguatkuasaan dan saya tidak setuju dipaparkan di portal SPRM seperti Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing sebut tadi. Jadi, saya pun tidak takut untuk mengisytiharkan harta. Saya memang tidak ada harta pun.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjunjung prinsip *accountability* dan integriti kaedah pengisytiharan harta, kerajaan perlu memberi pengelasan yang lebih jelas dan adil kepada jenis pemerolehan harta dan keterlibatan pemilikan perkongsian ke atas harta-harta yang dinyatakan dalam pengisytiharan.

**■1540**

Justeru bagi memberi keadilan kepada semua Ahli Dewan, kerajaan perlu membuat satu ketetapan terma rujukan dan standard pelaporan perisyiharan harta yang memberi layanan sama rata dan adil kepada Ahli Dewan Negara. Justeru, tindakan di bawah SPRM tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya jika berlaku pertikaian yang mungkin timbul apabila perisyiharan ini dibuat. Kerajaan perlu memperincikan kelas harta, pendapatan dan pemilikan harta agar perkara-perkara ini tidak mengundang isu pelanggaran di bawah Akta SPRM 2009.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perisyiharan ini ada baik dan buruknya, kita perlu cermat dan berhati-hati agar risiko keselamatan diri Ahli Dewan Negara tidak tergugat. Justeru,

saya tidak menyokong usul ini kerana masih banyak kelompongan dan ruang dalam kerangka kerja perisytiharan harta Ahli Parlimen diperincikan dan dibentangkan sebelum satu ketetapan pelaksanaan diputuskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop.

### 3.41 ptg

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama terlibat. Sebenarnya sebahagian besar perkara-perkara yang hendak dibangkitkan telah dibangkitkan. Kalau saya jawab sama seperti di atas, tak adil pula. [Ketawa]

Jadi, cuma saya hendak memberi penekanan baliklah tentang bila mengikuti perbahasan teman-teman tadi dan juga melihat perbahasan di Dewan Rakyat, saya lihat ada isu yang berkait dengan masalah teknikal yang perlu dipertimbangkan- oh, Yang Berhormat Menteri tak ada di sini. Ini khususnya perkara yang berkait tentang keimbangan sebahagian besar daripada kita di sini dan juga waktu dibahaskan di Dewan Rakyat ialah kerana semalam, Tan Sri Abu Kassim juga menyebut perkara yang sama iaitu maklumat ini akan dinaikkan dekat portal SPRM selama tiga bulan. Dalam tempoh itu, macam-macam boleh berlaku. Butiran harta ini akan menjadi tatapan umum dan ini sebenarnya yang saya kira menjadi keimbangan sebahagian besar daripada teman-teman dalam membincangkan perkara ini.

Kita perlu akui usaha baik ataupun niat Kerajaan Pakatan Harapan untuk menunjukkan prinsip keterbukaan dan kebebasan dalam menyuarakan pendapat. Akan tetapi, kalau kita ambil contohnya kebebasan media sosial yang ada sekarang ini, kita lihat banyak kesan negatif daripada positif. Ada pihak yang tidak bertanggungjawab, umpamanya menyalahgunakan platform ini untuk memanipulasikan fakta. Kita lihat ini suatu yang dilihat seolah-olah berleluasa dan sukar untuk dikawal. Justeru itu, saya cuma hendak menekankan di sini, dalam menjayakan matlamat ini, usul ini, saya harap nanti dalam penggulungan, Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan apakah jaminan kerajaan untuk memastikan butiran yang diberikan ini tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Secara peribadi, saya menyambut baik usaha kerajaan yang berprinsipkan akauntabiliti dan ketelusan dalam mempertingkatkan transparensi pentadbiran khususnya untuk menangani gejala rasuah. Oleh itu, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri. Cuma, saya harap tadi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh teman-teman tadi harap dapat diberikan

penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri agar kebimbangan yang dizahirkan itu dapat diatasi. Saya kira *wisdom* rakyat iaitu menuntut supaya kerajaan yang sedia ada ini lebih telus dalam menjalankan urus tadbir dan tata kelola dan perisyiharan harta ini, saya yakin boleh mengurangkan persepsi negatif masyarakat terhadap Ahli-ahli Parlimen atau pemimpin politik apabila mendapat kuasa di mana kebarangkalian menggunakan kuasa untuk kepentingan diri itu ada.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menegaskan saya menyokong usul perisyiharan harta ini dengan asas agar kemudahan politik serta demokrasi dapat disuburkan semula untuk setiap lapisan masyarakat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

### 3.45 ptg.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang membentangkan usul perisyiharan harta pagi tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak takut deklarasi harta... [Tepuk] Ini kerana saya tak ada masalah-masalah dalam harta. Akan tetapi, saya bimbanglah seperti mana rakan-rakan Senator yang berucap tadi. Saya memang orang *low profile* selama-lama sudah, tak mahu mempamerkan kekayaan, sedikit pun tak mahu. Kereta saya pun tak mahu saya beli besar-besaran dulu, tetapi sekarang saya ada sedikit besar [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya takut dalam pameran di portal tadi kerana makin banyak cerita Ahli-ahli Senator sini juga, memang saya tengok *low profile*, pandangan dia *low profile*. Sudah dipamerkan nanti, disimpan di sini, dibukukan dan tiga bulan dipamerkan di portal, orang tengok, “Wah, Paul Igai ada RM500,000. Ada rumah tiga tetapi rumah kecil duduk di pedalaman”...

**Seorang Ahli:** Bini satu... [Dewan ketawa]

**Datuk Paul Igai:** Memang satulah. Then kita takutlah, orang tengok ada satu juta, “Wah, dia baru satu tahun jadi Senator sudah ada satu juta, dia millionaire sekarang”. Orang kampung pun tak tahu, satu *million* dia fikir ada 10 *million* nanti. Panjang cerita. Itulah yang saya takutkan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan sayalah, deklarasi memang kita akan buat tetapi kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada MACC. Kedua, tidak dipamerkan di portal. Tuan Yang di-Pertua, pendeklah, sudah takut dan tak takut. Saya harap pada masa akan datang, rang undang-

undang baharu yang tepat untuk tujuan yang menjadi undang-undang dan dikemaskinikan lagi, dimaktubkan di dalam Perlembagaan negara kita ini, dibentangkan di Parlimen tak lama lagi. Dengan itu, saya...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Boleh tanya soalan sikit Tuan Yang di-Pertua? Kali pertama nak tanya, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Datuk Paul Igai:** Boleh, boleh.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Pasal takut. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perkara yang hendak dibuat ini mesti berdiri di atas satu falsafah yang jelas. Apa falsafah deklarasi aset ini? Dulu kita takut kalau kita rasa, dengan izin, *we feel more secured* kalau kita *be more secret*. Kita akan lebih rasa selamat kalau kita jangan dedahkan. Itu paradigma dulu, sebab itu kerajaan banyak undang-undang OSA dan sebagainya.

Satu lagi pendekatan ialah kita mahu wujudkan, dengan izin, dipanggil, *transparency is security*. Kita akan rasa lebih *secured* kalau kita akan *transparent*. Dulu ada yang mengatakan jangan pergi ke situ, ada hantu. Kita tak tanya pun hantu apa, kita takut. Akan tetapi hari ini, generasi hari ini kata nak tahu hantu itu hantu apa ini, sebenarnya tak adapun.

#### ■1550

Apa kaitannya dalam konteks *asset declaration*? Kalau kita mahu membina sebuah masyarakat yang lebih selamat, adakah pendekatan *secrecy* itu jalan keluarnya? Adakah kalau kita hendak membina masyarakat yang lebih dihormati dan berwibawa, adakah jalan kerahsiaan-*secrecy*- jalannya?

Saya berhujah dalam dunia yang sekarang, dalam konteks alaf 21, dengan digital media dan sebagainya, kadang-kadang *transparent* itu berlaku bukan secara perundangan. Ia berlaku secara *illegal*, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kita tidak mahupun tetapi ia keluar. Akan tetapi hari ini, kita hendak berbincang di dalam Dewan yang mulia ini, apa pilihan *governance*, urus tadbir tatacara yang kita hendak. Melalui undang-undang *kah* atau melalui etika, *kah*?

Kalau tanya saya secara jujur, saya lebih suka secara etika- *ethic*. Ia bermaksud wujud secara akhlak dan secara moral. Undang-undang walaupun saya pengamal undang-undang, Yang Berhormat Datuk Paul Igai, undang-undang ini peranannya kadang-kadang sikit saja Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kita pinda undang-undang bermacam-macam-macam tetapi tidak berkesan. Yang berkesan ialah didikan, akhlak, moral dan sebagainya.

Walaupun begitu, tatkala kita hendak membina sebuah negara, kadang-kandang kita memerlukan satu pilihan, *force of floor*, undang-undang. Jadi, saya melihat di peringkat ini ialah

satu percubaan oleh kerajaan baharu Pakatan Harapan untuk mewujudkan satu suasana kebebasan maklumat yang mana *insya-Allah* akan mungkin mewujudkan keyakinan rakyat terhadap kita, ke institusi.

Jadi, kita ini bukan berdiri sebagai individu. Kita ini berbincang, pada pandangan saya Yang Berhormat Datuk Paul Igai, ialah bagaimana untuk mewujudkan satu institusi yang dihormati. Bukannya menghormati Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi atau menghormati Yang Berhormat Datuk Paul Igai, tetapi bagaimana memastikan bahawa institusi yang dipegang oleh kita di sini dihormati.

Salah satu petunjuk yang mungkin boleh dirujuk oleh rakyat ialah apabila institusi itu mampu memberikan keyakinan kepadanya. Dia hanya akan yakin apabila dia tahu institusi itu apa isi kandungannya? *Transparent*. Kalau di sini, saya katakan salah satunya institusinya ialah sisi aset tadi. Jadi, saya rasa itu yang sebenarnya perlu kita bincangkan.

Aspek kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang saya rasa ialah kalau negara mahu ada *Official Secrets Act*, isunya ialah negara diiktiraf perlu ada privasinya. Akan tetapi, isunya kita individu. Dengan izin, *to what extend is our privacy* yang kita layak ada? Terutamanya kita yang menjawat jawatan awam- *public service*.

Jadi, di sini saya rasa isu yang agak wajar kita bincangkan. Kita tidak boleh membincangkan bahawa privasi itu tidak ada langsung. Ada. Bahawa *transparency* itu *zero sum*. Tidak. Jadi, di manakah yang akan lebih menyumbang kepada mewujudkan keyakinan rakyat terhadap kita yang di sini bernama Yang Berhormat Senator atau Dewan Negara? Itu pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua yang perlu kita bahaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya ingat Yang Berhormat Datuk Paul Igai sudah habis?

**Datuk Paul Igai:** Saya setujulah. Saya juga saya fikir deklarasi aset yang kita dan saya fikir perlu *declare* iaitu aset kita memiliki setelah hari kedua kita mengangkat sumpah. *Declare* dan dapat dipamerkan. Akan tetapi yang sudah kita miliki sebelum kita menjadi Ahli Senator boleh juga diberikan kepada MACC dan Tuan Yang di-Pertua. Itu saja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Sambanthan a/l Manickam.

**3.53 ptg.**

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan ‘Rang Undang-undang’ Mengisyiharkan Harta pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Usul, Usul.

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Pada 1 Julai 2019 yang lalu, Dewan Rakyat telah meluluskan Usul mewajibkan semua Ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli Pembangkang untuk mengisyiharkan harta masing-masing.

So, mengenai isu ini, telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan disokong oleh Yang Berhormat Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, diluluskan selepas perbahasan 26 hari Parlimen. Selepas Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong telah menggulung usul berkenaan, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof memaklumkan Dewan bahawa usul ini sudah diluluskan sebulat suara tanpa sebarang bantahan termasuk Ahli Parlimen Pembangkang.

Akan tetapi, kita nampak, pemimpin-pemimpin ataupun Ahli-ahli Parlimen dan juga Yang Berhormat Senator bukan takut mengisyiharkan harta masing-masing kerana sebelum kita semua menjadi Yang Berhormat Senator, kita semua adalah kakitangan kerajaan. Kita pun tahu undang-undang dan juga kita telah pun mengisyiharkan harta kita kepada *income tax* dan kita bayar apabila kita mendapat *income* lebih, kita bayar *income tax*.

Akan tetapi, kita risau bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah berkata apabila kita mengisyiharkan harta kita kepada SPRM, SPRM bolehkah memberikan jaminan kepada kita supaya jangan dipaparkan di dalam SPRM kerana ini adalah perkara-perkara yang penting telah berlaku di negara ini, apabila bapa kaya, kadang-kadang anak pun tidak tahu, isteri pun tidak tahu suaminya kaya [Ketawa] Kalau suami, anaknya tahu bapanya kaya, ini yang berlaku.

Kita di negara ini tidak ada keselamatan kepada bapa boleh membunuh anak, isteri boleh membunuh suami... [Dewan riuh] Menantu boleh membunuh mak mentua. Ini semua yang berlaku disebabkan fasal harta dan kewangan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Kalau kerajaan boleh memberikan satu jaminan kepada semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negara, kita tidak ada masalah. Kita boleh mengisyiharkan harta kita kepada SPRM pada bila-bila masa...

**Seorang Ahli:** Setuju!

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Tidak payah kita tunggu- ya, Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Boleh?

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Boleh... [Dewan riuh] Kalau abang minta, adik mesti bagi.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta izin. Saya hendak tambah sedikit apa Yang Berhormat Datuk Sambanthan sebutkan. Saya setuju. Kita saya fikir rata-rata daripada kita semua setuju di pengakhir ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masalah untuk kita takut ataupun risau untuk kita mengisyiharkan harta.

Saya pun setuju apa Yang Berhormat sebutkan. Isteri ada yang tidak tahu suaminya ada harta. Akan tetapi, yang lebih takut kalau isteri pun lagi tidak tahu ada isteri-isteri yang lain. Ini pun kita ada masalah juga macam Yang Berhormat Datuk Paul Igai sebut. Cuma, saya hendak tengok adakah Yang Berhormat setuju- saya tengok, Tuan Yang di-Pertua. Apabila di Dewan Rakyat, saya tengok usul ini macam satu usul yang tidak lengkap. Usul yang dibuat hanya kerana, *just for the sake* untuk *comply* dengan manifesto. Sedangkan kita ada rang undang-undang seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri yang dalam persediaan untuk dibentangkan. *Why must be in hurry?* Satu.

Kedua, adakah Yang Berhormat juga bersetuju di Dewan Rakyat, tadi bila saya dengar Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad sebut, Yang Berhormat tidak banyak harta kita gelak. *To some people*, gelakkan. Macam rasa Yang Berhormat Datin Rahimah menipu. Minta maaf ya.

Akan tetapi, ada ahli di Dewan Rakyat jadi peguam bertahun-tahun, ada firma guaman-di Dewan Rakyat. Nanti saya sebut namanya. Ada firma bertahun-tahun, bila membuat deklarasi aset, kosong. Yang Berhormat Jelutong, kosong! Apa maksudnya ini? Adakah dia *take* usul ini satu yang tidak penting kerana dia di pihak kerajaan hari ini? Yang kita bersungguh-sungguh kita buat. Takkallah Yang Berhormat Jelutong ini basikal pun tidak ada?

**Seorang Ahli:** Etika, etika.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Etika! Ini soal *ethic*.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Tidak akan... Nanti! Saya belum habis lagi. Nanti saya- ini bukan *floor* saya. Saya sudah dapat laluan tadi. Saya dapat laluan daripada Yang Berhormat Datuk Sambanthan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Anyway, tidak apa...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** No, no, no...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey. Ini *point of order*.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Yes. *Mentioned the name of wakil di Dewan Rakyat...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, *point of order*, peraturan maka...

**Tuan Nga Hock Cheh:** *Who is not present here and it's not proper for us to make such accusation.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila duduk.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Ya. Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila mengatakan peraturan mesyuarat kenalah rujuk kepada peraturan mesyuarat. Nombor satu.

Kedua, Yang Berhormat memberikan apa yang telah dipaparkan...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** ...Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Oleh di bawah MACC. So, bukan Yang Berhormat ini ada niat jahat. Itu bukan fasal Yang Berhormat tidak ada di sini. Ini dipaparkan. Esok, ada juga yang boleh mengatakan apa yang dipaparkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat. Ini tidak ada masalah. Ini bukan memperkecilkan Yang Berhormat Jelutong.

Silakan Yang Berhormat.

■1600

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Boleh saya sambung, sikit sahaja lagi?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sudah habis dah.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Belum- satu lagi. Dua minit, Tuan Yang di-Pertua yang kacak.

**Datuk Razali bin Idris:** Tak, saya hendak mengesahkan satu...

**Tuan Pengerusi:** Datuk Razali, saya akan beri. Sila duduk sekarang. Lepas itu you bagi Datuk Sambanthan satu pantun... *[Ketawa]*

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Yang Berhormat setuju ke Datuk Sambanthan kan? Ini bukan soal takut, bukan soal- itu saya faham. Ada juga seorang Ahli Parlimen yang kita tahu ada harta yang banyak. Oleh sebab dia memang seorang ahli perniagaan. Dia pun sudah isytihar, Tuan Yang di-Pertua. Lebih RM130 juta, wang tunai yang dia ada. Ekoran daripada pengisytiharan itu, telah berlaku satu ketakutan kepada keluarga dia.

Saya dimaklumkan hari ini seluruh ahli keluarga dia telah dibawa pindah ke Australia. Tuan Yang di-Pertua pun tahu. Saya- macam mana dikatakan oleh Yang Berhormat Nga sebentar tadi, ini bukan saya tuduh. Ini sudah dipapar, di bahas. Semua orang tengok. Akan tetapi kerana perasaan takut, dia pindah, semua ahli keluarga dia sudah dipindahkan ke Australia. Ahli Parlimen ini daripada parti kerajaan.

Jadi, saya fikir adakah Yang Berhormat setuju akhirnya nanti usul ini, satu usul yang melepaskan batuk di tangga sahaja. *Just for the sake of doing it.* Akan tetapi kalau Ahli-ahli Parlimen daripada kerajaan, Ahli-ahli Dewan Negara daripada kerajaan, isytihar kosong pun semua percaya. Akan tetapi kalau kita isytihar, kita mungkin ada RM100 ribu sahaja harta, dia korek kita sampai ke akar umbi. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Razali bin Idris:** Saya hendak mencelah sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Boleh ya?

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Razali bin Idris:** Oleh sebab saya tengok Yang Berhormat sahabat saya itu dia menakut-nakutkan kita. Jadi, saya hendak betulkan balik. Oleh sebab dia tak ada- semalam kita ada taklimat dengan pengerusi jawatankuasa yang mengesyorkan ini. Dia kata, kalau kita tidak puas hati dengan pembentangan ataupun pengisytiharan Yang Berhormat, sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, kita boleh buat laporan kepada SPRM. Apa yang kita hendak takut? Apa yang kita hendak sebut orang ini tak letak- mungkin dia betul, dia tak ada harta. Kalau Yang Berhormat sahabat saya rasa tak puas hati, sila laporkan pada SPRM. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya risau dia menakut-nakutkan...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Tuan Yang di-Pertua, saya- sikit. Tolong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat...

**Datuk Razali bin Idris:** Tak boleh *[Ketawa]*

**Datuk Razali bin Idris:** Dia menakut-nakutkan. Tak boleh. Bahaya.

**Tuan Pengerusi:** Duduk Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat. Datuk Razali pun duduk. Yang Berhormat Datuk Sambanthan habis sudah?

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Belum [Ketawa] Saya sokong Yang Berhormat tadi Datuk Megat dalam bawah itu. Memang saya sokong.

**Tuan Pengerusi:** Okey kalau sokong, boleh duduk Yang Berhormat [Ketawa]

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Kita- bermakna Yang Berhormat kata apa-apa hal kita boleh sampaikan ke SPRM. Itu kita minta SPRM jangan paparkan harta-harta yang kita masing-masing boleh mengisyiharkan harta kita. Tolong jangan dipaparkan. Kalau paparkan harta ini, memang macam-macam isu akan berlaku dalam keluarga ataupun kadang-kadang dia culik isteri kita. Kita seorang pemimpin kita pergi satu Malaysia, kita pusing. Dia culik isteri kita, dia culik anak kita. Dia minta duit. Lepas kita semua tidak baru kita- saya memang tahu dalam pengalaman kita, kita banyak perkara-perkara yang kita gagal fasal isu-isu seperti ini.

Oleh itu, saya minta kepada kerajaan dan juga Kementerian Dalam Negeri bagi satu jaminan kepada pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Parlimen selepas mengisyiharkan harta, tidak akan berlaku perkara-perkara yang buruk. Akhir sekali, saya tidak akan menyokong mengisyiharkan harta ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

#### **4.04 ptg.**

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran tetamu daripada Angkatan Muda Keadilan (AMK) Pulau Pinang... [Tepuk] Semua very active ya. Tak ada orang mengantuk.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapan atas peluang untuk menyertai perbahasan Usul Pengisyiharan Harta ‘Ahli Dewan Negara’ di bawah Peraturan Mesyuarat 26(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara. Terlebih dahulu ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Kerajaan Persekutuan yang mempunyai keazaman politik, dengan izin, *political will* untuk melaksanakan reformasi institusi dengan memperkenalkan pengisyiharan harta untuk Ahli-ahli Parlimen.

Di dalam konteks negara kita, perundangan yang sedia ada tidak mewajibkan seseorang wakil rakyat untuk mengisyiharkan harta mereka. Ini adalah berbeza dengan penjawat awam yang wajib mengisyiharkan harta di bawah Peraturan 10, Peraturan-peraturan Pegawai Awam, Kelakuan dan Tatatertib 1993.

Untuk Pakatan Harapan, pengisytiharan harta bukanlah merupakan sesuatu yang baharu, di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan dasar tersebut. Dasar pengisytiharan harta yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang merujuk kepada format pengisytiharan harta penjawat awam seperti mana yang disebutkan tadi dan dikendalikan juruaudit KPMG.

Dasar pengisytiharan harta dimulakan di Pulau Pinang oleh jawatan utama kerajaan iaitu Ketua Menteri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan dasar ini selanjutnya diperluaskan kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri- kerajaan. Untuk pelaksanaan dasar pengisytiharan harta bagi Ahli-ahli Parlimen, selain daripada format yang digunakan oleh Ahli Parlimen iaitu pengisytiharan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), ingin saya mencadangkan supaya format yang digunakan boleh merujuk kepada cara yang sama seperti mana yang digunakan oleh penjawat awam dan juga dilaksanakan audit untuk memastikan pengisytiharan tersebut dilakukan secara telus.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan konsep pengisytiharan harta adalah untuk memastikan bahawa pentadbir kerajaan dapat dikendalikan dengan telus dan untuk kita mengelakkan negara kita dilabelkan sebagai kerajaan kleptokrasi lagi. Dengan perbandingan deklarasi harta pada permulaan dan akhir penggal, kita boleh mengesan meningkatnya harta yang tidak boleh dijustifikasi dengan izin, *exposure of unjust enrichment*.

Namun demikian, apakah definisi untuk kita mengenal pasti sesuatu tambahan harta tersebut adalah tidak boleh dijustifikasi? Apakah kadar untuk menentukan tambahan harta tersebut yang boleh disifatkan sebagai peningkatan harta yang tidak dapat dijustifikasi?

Sebagai contoh, bagaimakah kita dapat menentukan seseorang Wakil Rakyat tersebut telah mengalami peningkatan harta melalui cara yang tidak patut? Adakah daripada tambahan bilangan kenderaan yang dimiliki atau hak tanah yang dimiliki? Apakah kriteria yang patut kita pertimbangkan di dalam mengenal pastikan sekiranya peningkatan harta seseorang Wakil Rakyat tersebut tidak dapat dijustifikasi?

Sehubungan dengan ini, saya mencadangkan supaya kita dapat melibatkan Ketua Audit Negara untuk mengenal pasti kadar atau formula yang berkenaan untuk menjadikan keseluruhan dasar pengisytiharan harta ini lebih telus dan *accountable*. Susulan daripada itu, tindakan perundangan yang perlu diambil ke atas mereka yang tidak dapat menjelaskan peningkatankekayaan mereka selain daripada gaji atau pendapatan yang sepatutnya diterima oleh seseorang wakil rakyat tersebut agar kita dapat memastikan dasar pengisytiharan harta ini dapat mencapai tujuan utamanya.

Saya yakin dengan tambahan kriteria ini, ia dapat meyakinkan rakyat bahawa pengisytiharan ini adalah telus dan bukan pertunjukan politik semata-mata. Ini selanjutnya akan mengembalikan keyakinan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan dan memastikan negara kita dapat dibebaskan daripada cengkaman rasuah. Dengan kata-kata ini, saya menyokong sepenuhnya Usul Pengisytiharan Harta ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

#### **4.09 ptg.**

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi ruang kepada saya untuk terlibat sama dalam Usul Pengisytiharan Harta Ahli-ahli Parlimen Dewan Negara.

#### **■1610**

Saya memang bersetuju dan menyokong 100 peratus sebenarnya usul yang dikemukakan di Dewan Rakyat oleh Yang Berhormat Menteri pada 1 Julai baru-baru ini. Pengisytiharan harta ini bagi saya sudah lama sepatutnya perlu dibuat terutamanya oleh Menteri dan juga Ahli-ahli Parlimen kerajaan pada masa itu. Akan tetapi pada masa dulu tidak dilaksanakan dan ini bagi saya adalah satu sejarah Malaysia kerana banyak negara lain yang telah mengisytiharkan harta mereka untuk diketahui umum oleh rakyat Malaysia.

Pengisytiharan ini sangat penting sebenarnya di mana rakyat boleh memilih wakil rakyat dan juga Menteri tersebut apabila mereka memegang tumpuk pemerintahan. Ini kerana sebelum ini kita tengok ramai di kalangan Menteri dan juga Ahli-ahli Parlimen yang hidup mewah dan mempunyai aset melebihi pendapatan mereka. Pada masa sekarang juga tersebut tidak ada agensi seperti SPRM yang berani menyentuh Menteri dan juga wakil rakyat ini.

Akan tetapi dalam kerajaan yang baru ini saya yakin imej SPRM akan lebih baik. Kalau kita tengok rating Malaysia pun semakin meningkat daripada segi persepsi rasuah negara. Ini kerana saya tengok sekarang ini kalau kita tengok tinjauan tahunan yang dibuat oleh Edelman Trust Barometer Global Ke-19 iaitu dulu indeks satu hingga 49 diklasifikasikan sebagai kurang percaya. Nombor 50 hingga nombor 59 adalah neutral. Manakala 60 hingga 100 adalah mempercayai. Maka, Malaysia terletak dalam indeks 60.

Jadi, maka itu saya rasa kita sebagai Ahli Dewan Negara juga harus menyokong saranan yang baik ini sebab kita tidak perlu bimbang ataupun gusar walaupun dimasukkan di dalam portal SPRM ini selama tiga bulan kerana saya yakin aset-aset yang kita ada adalah daripada sumber

yang sah dan halal. Jadi, maka itu kita perlu mengisytiharkan harta kita untuk kita membuat perbandingan harta kita sebelum kita menjadi wakil rakyat ataupun sebelum kita memegang jawatan Senator dan juga selepas kita memegang jawatan Senator ini. Jadi kalau asset itu kita dapat ataupun peroleh dengan cara yang sah, saya rasa kita tidak perlu gusar. Lagipun bukan lama Tuan Yang di-Pertua, hanya tiga minggu sahaja. Cuma...

**Seorang Ahli:** Tiga bulan.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tiga bulan sahaja. Cuma ada yang bagi saya apabila pengisytiharan ini dilakukan oleh Menteri-menteri, sekurang-kurangnya kita dapat juga membasmi rasuah-rasuah di peringkat-peringkat kecil ini. Apabila perubahan itu kita mahu lakukan di peringkat atasan dan juga bawah, di peringkat atasan ini mesti kita lakukan terlebih dahulu sebelum kita membasmi rasuah yang berleluasa di peringkat bawahan ini.

Kalau Tuan Yang di-Pertua tengok sebelum ini, rasuah ini sangat berleluasa dan kadang-kadang di luar kawalan rakyat sendiri. Kita tengok di luar bandar sebagai contohnya, walaupun pimpinan kecil tidak diwajibkan untuk *declare* dia punya asset tetapi apabila *declaration* itu dilakukan di peringkat atasan, saya yakin terutamanya pimpinan parti-parti politik dan pimpinan politik di peringkat bawahan ini mereka akan merasa takut ataupun mereka gusar untuk melakukan rasuah kecil-kecilan ini sebab ini boleh membantu.

Apabila rasuah ini kita kurangkan, saya yakin dana kerajaan juga dapat diselamatkan kerana banyak peruntukan ataupun bajet yang diberikan oleh kerajaan khususnya untuk pembangunan luar bandar. Akan tetapi apabila sampai ke luar bandar, projek-projek tersebut banyak sangkut ataupun bajet tersebut bukan 100 peratus ataupun 80 peratus untuk melaksanakan projek tersebut. Akan tetapi sebelum projek tersebut dilakukan, dana-dana ini telah bocor ataupun tiris di beberapa peringkat.

Jadi apabila pengisytiharan asset ini dilakukan oleh Menteri dan juga Ahli-ahli Parlimen ini, saya yakin di peringkat bawahan juga kita dapat kurangkan. Ahli-ahli Parlimen ini adalah dipilih oleh rakyat bagi saya Tuan Yang di-Pertua. Maka itu, ini adalah tanggungjawab kita yang diamanahkan dan dipilih oleh rakyat walaupun Dewan Negara ini bukan secara langsung dipilih oleh pengundi dan rakyat tetapi kita adalah *law maker*. Peranan kita adalah membantu kerajaan di Dewan Rakyat juga.

Saya kalau setakat Dewan Negara mungkin saya tidak bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya terpaksa menyokong usul pengisytiharan harta ini disebabkan oleh kita mahu Menteri-menteri kita dan juga Ahli-ahli Parlimen kita baik kerajaan ataupun pembangkang untuk

memberitahu bahawa kita adalah satu kerajaan yang telus dan bertanggungjawab dan kita kena ada akauntabiliti terhadap jawatan yang kita pegang.

Jadi saya rasa setakat itu sahaja daripada saya Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong 100 peratus usul pengisytiharan harta Ahli Parlimen. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain. Yang Berhormat Gombak... *[Dewan ketawa]* Ini bukan Dewan Rakyat.

#### 4.17 ptg.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya untuk turut sama berbahas dalam usul pengisytiharan harta Ahli-ahli Parlimen dan penjawat awam semuanya.

Saya pertamanya Tuan Yang di-Pertua saya mengambil masa yang tidak panjang. Saya hendak merujuk kepada beberapa perkara yang kita bincang dan kita utarakan di Dewan ini, satunya soal kenapa perlu ada *urgency* ini. Kenapa dibuat satu usul tidak dalam bentuk rang undang-undang? Kita faham rang undang-undang sedang dalam kajian, saya difahamkan begitu. Kenapa tiba-tiba perkara ini menjadi satu perkara yang kita buat dalam keadaan yang tergesa-gesa?

Bukan saya secara peribadi tidak menyokong. Ini satu perkara yang baik. Perkara yang baik kita mesti sokong sebab ianya adalah perkara yang supaya rakyat tahu segala harta yang kita ada ini berdasarkan daripada sumber-sumber yang memangnya halal. Saya pun percaya dalam Dewan yang mulia ini kita mesti bersangka baik. Semuanya mempunyai harta yang kita kata bukan daripada sumber-sumber yang tidak baik.

Akan tetapi cara pelaksanaan ini yang kita ragu Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab seperti yang saya katakan tadi dalam celahan saya, kita tengok ada orang yang kerana dia berada di satu pihak kerajaan, jadi dia boleh membuat pengisytiharan yang saya rasa tidak boleh kita terima *dek akal*. Betul kata sahabat saya kita boleh lapor kepada SPRM, kita boleh membuat satu laporan meragui pengisytiharan yang dibuat. Akan tetapi saya *back again* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, sejauh mana hari ini kita boleh yakin kepada *rule of law* dalam negara ini.

#### ■1620

Sejauh mana kita boleh yakin kepada cara undang-undang dilaksanakan? Ada orang yang dituduh- dilaporkan merogol boleh lepas dengan jaminan. Ada orang yang mencabul di Melaka dua hari yang sudah di reman empat hari. Jadi dia semacam ada benda yang tidak betul, hanya kerana lepas dan mendapat jaminan sebab membawa saksi. Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Bukan Tuan Yang di-Pertua, ini contoh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tidak ada kena mengena dengan...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Saya hendak bagi contoh sebab walaupun dikata boleh tetapi sejauh mana kita boleh yakin semua ini boleh dibuat dengan keadaan yang betul-betul mengikut berdasarkan *rule of law* yang sebenarnya ataupun akan ada yang pilih kasih. Ada yang terpilih, ada yang boleh diambil berat, ada yang terkasih. Jadi ini yang saya fikir Tuan Yang di-Pertua benda-benda seperti ini kita mestilah berpijak di bumi yang nyata.

Keduanya, saya dengar banyak orang cakap sebab, "Oh, 170 lebih negara sudah buat.". *It's about time* Malaysia pun mesti ikut. Inilah juga dahulu apabila kita cakap fasal GST, 160 negara buat tetapi ditentang. Jadi, saya fikir hanya kalau kerana 170 buah negara buat kita pun kena buat dan *is questionable*, dengan izin. Benda ini boleh kita ragui.

Perkara ketiga yang saya hendak utarakan di sini kepada Yang Berhormat Menteri, walaupun dipaparkan secara dalam bentuk tiga bulan seperti kawan-kawan, Ahli-ahli Yang Berhormat sudah sebut. Katalah memang di kalangan kita meragui pengisytiharan yang dibuat oleh mana-mana pihak sama ada ia daripada kerajaan ataupun daripada pihak pembangkang. Sejauh mana kalau kita boleh membuktikan pengisytiharan itu benar-benar ada unsur-unsur penipuan? Sejauh mana tindakan yang sebenarnya walaupun kita ada hak untuk melaporkan kepada SPRM? Sejauh mana tindakan yang jujur, yang ikhlas, yang penuh berintegriti boleh dibuat?

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya fikir benda ini kita kena bincang, kita kena tengok sejauh mana keikhlasannya dahulu untuk usul ini diluluskan ataupun kita tunggu sehingga rang undang-undang siap barulah kita bahaskan semula. Jadi inilah perkara yang saya hendak...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon hendak bertanya satu soalan. Terima kasih.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat, saya ingin mendapatkan pandangan. Apakah Yang Berhormat setuju kalau usul ini kita tolak pada hari ini, itu tidak bermakna kita tolak ia sampai bila-bila. Maka, ini peluang ataupun *there is a window* untuk kita sama-sama duduk kembali bersama dengan pihak kerajaan termasuk juga jawatankuasa ataupun GIACC itu. Ini kerana sebelum ini memang tiada *engagement* dibuat secara khusus dengan Ahli-ahli Dewan Negara melainkan semalam, taklimat *one way* sebab itu saya tidak hadir pun Tuan Yang di-

Pertua. Akan tetapi saya dapat juga tengok dia punya- saya akui saya tidak pergi tetapi saya baca dia punya slaid.

Jadi mungkin ini ruang dan peluang untuk kita *insya-Allah*, selepas kita tolak ini untuk kita lakukan *engagement* semula. Setuju ataupun tidak Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat? Terima kasih.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Khairul Azwan. Kalau lihat daripada awal perbahasan saya, penghujungnya saya ke situlah. Jadi memang saya setuju. Kita jangan kata ditolak. Saya minta, dengan izin Tuan Yang di-Pertua supaya orang yang luar daripada Dewan, rakyat kena faham. Kita menolak bukan sebab kita takut, tidak ada, langsung tidak timbul soal ini. Jangan nanti ada orang *spin*, ada pihak-pihak yang tertentu *spin* pembangkang takut untuk isytihar, tidak. *We will be very happy* untuk *declare* tetapi dengan syarat mesti ada ketelusan dalam perkara-perkara ini, jangan ada *one sided*. Jangan ada perkara yang tersirat sebalik daripada usul ini dibuat dengan keadaan yang begitu mendesak.

So, bukan saya tidak fikir, tidak ada. Kita bertanya dengan kawan-kawan kita di Dewan Rakyat, mereka tidak takut, mereka kata *fine*. Jangan hari ini kita rasa kita hendak *champion* isu ini. Kita hendak kata, "Wah, kita berani, kita tidak takut untuk buat...". Akan tetapi kita kena ingat dahulu kita pernah bawa juga satu cadangan bahawa semua parti politik dalam negara ini mesti membuat deklarasi daripada mana mereka sumber dana politik mereka, yang tolak sebelah sana. Daripada dulu kita sudah bawa.

Kita pun ada *ethics* yang telah kita praktiskan sekian lama walaupun tadi ada yang kata baru kali, baru kali ini, tahniahlah pada kerajaan. Kita sudah buat lama sudah. Akan tetapi dulu kita sudah buat, yang menentang bersungguh-sungguh kononnya tidak perlu dana politik dilaporkan supaya tidak perlu tahu.

Jadi saya fikir ini bukan soal kita takut, tidak timbul langsung Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi dan dihormati sekalian, tidak timbul soal itu.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Senator boleh minta penjelasan sikit?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Sila.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua mohon kebenaran. Saya rasa isu takut itu satu aspek tetapi setuju atau tidak Yang Berhormat Senator kalau saya katakan yang isu patut kita timbulkan ialah bagaimana kita hendak membangunkan keyakinan rakyat terhadap kita orang politik. Kita bernasib baik. Ada negara-negara tertentu dia buat *survey*. Antara

orang yang paling tidak dipercayai oleh masyarakat yang paling tinggi antaranya ialah orang politik di banyak negara.

So, di sini kita kebetulan tidak ada *survey* itu lagi. Akan tetapi kita cuba cari jalan bagaimana kita hendak membangkitkan keyakinan dalam sistem demokrasi kita ini supaya rakyat yang memilih kita ini dia lebih yakin dengan wakil-wakil yang dia pilih. *Of course*, dalam keadaan tertentu dia tengok akhlak dia, integriti dan sebagainya.

Akan tetapi perkara-perkara tersebut Yang Berhormat Senator kita- apakah cadangan Yang Berhormat Senator, kalau kata tidak setuju dengan *asset declaration* inikan, adakah cara-cara yang lain? Oleh sebab saya melihat *asset declaration* inilah salah satu cara yang boleh membangkitkan keyakinan pengundi-pengundi kah, rakyat kampung kita atau setempat kah bahawa *politicians* terutama di sini, ahli politik yang dipilih ini adalah satu hal politik yang mereka tahu kedudukan integriti tersebut. Jadi saya rasa bukan isu takut sebenarnya, macam mana kita hendak bangkitkan keyakinan mereka?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Ini saya kata awal tadi, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, rumuskan sahajalah.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Ya, *landing* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tadi saya sudah beritahu Yang Berhormat Menteri hendak jawab pukul lima pun saya cakap tolong jangan keluar, fasal masa hendak habis. Sekarang *you* orang buat setengah jam sudah.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Oleh sebab isu ini penting Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya setuju, memang kita tidak boleh rasa langsung sebab- takut ini sebab kita tidak hendak orang tahu. Saya setuju apa Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi sebut, *to gain the people's confidence*, dengan izin, saya setuju yang itu. Cuma saya katakan awal tadi, bagaimana *mechanism* yang paling baik? Kita kalau sudah ada satu perancangan, sudah ada satu kajian dibuat untuk diadakan dalam bentuk yang lebih konkret lagi. Daripada usul ini lebih baik jadi satu rang undang-undang. Satu- *why it is so difficult to have* satu rang undang-undang yang mengikat semua, lebih baik begitu daripada satu usul.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua di penghujungnya, saya melihat seperti ada yang tidak kena dengan usul ini. Bukan tidak timbul soal kita tidak mahu mengisyiharkan harta, *we will be very happy to do so*, dengan izin, tetapi mestilah tidak berpaksikan kepada tujuan dan niat-niat yang ada, yang tersirat. Akan tetapi pada saya lebih baik biarlah kita sudah siap dengan satu

rang undang-undang maka rang undang-undang itu boleh lebih meyakinkan rakyat seperti Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi sebut, apabila ada satu rang undang-undang yang ini tidak ada sesiapa pun boleh mempertikaikan.

Jangan hanya kita duduk, berselindung di sebalik usul dengan niat hendak menunjukkan kononnya kitalah satu kerajaan yang benar-benar terbuka apabila melibatkan soal-soal harta dan sebagainya. Jadi saya secara peribadi menolak usul yang dibentangkan pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Okey, silakan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

#### **4.28 ptg.**

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang saya ucapkan. Tuan Yang di-Pertua terima kasih banyak kerana memberi peluang kepada saya dan minta tegur dan *stop* saya kalau terlebih sebab masa agak cemburu.

Tuan Yang di-Pertua, saya yang sebenarnya mengikuti perbahasan dengan begitu teliti. Bahkan saya hendak pergi bilik air pun saya tahan, saya hendak dengar *word-by-word*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak tukar giliran pun tidak boleh Yang Berhormat [Ketawa]

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Oleh sebab saya rasa perbincangan yang berlaku di Dewan pada hari ini cukup-cukup baik. Masing-masing menyampaikan pandangan yang begitu profesional dan begitu beradab dan saya cukup menyanjung dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Masalah pada hari ini, saya rasa apabila saya memerhatikan segala *argument* yang telah dibentangkan oleh semua sahabat, masalah yang pertama sebenarnya semangat usul ini memang bagus. Saya rasa rata-rata sokong, semangat. Akan tetapi dari segi kaedah, caranya saya rasa akan menimbulkan banyak perkara yang kurang jelas dan kurang baik dari segi implikasinya.

■1630

Bahkan saya perhatikan di kalangan sahabat-sahabat kita daripada parti pemerintah, walaupun mereka mengatakan mereka menyokong tetapi dalam hati mereka, mereka tidak sokong. Saya rasa ada elemen macam itu tapi kalau tidak sokong nanti mereka kena. Jadi mereka kata mereka sokong [Ketawa] Minta maaf kalau saya buat tuduhan. Saya hendak

beritahu apabila saya hendak membuat *conclusion* apa yang berlaku yang sebenarnya. Kita rata-rata tidak takut dan saya sebagai seorang pegawai kerajaan berpuluhan tahun, saya tidak bimbang, saya biasa perkara ini. Akan tetapi tadi disoal oleh siapa tadi, apa nak takut, Yang Berhormat Yusmadi ya, hendak takut apa? Saya hendak jawab, hendak takut apa?

Pertama, apa yang saya takut negara ini yang kita tahu apabila kita berbincang dari segi *separation of powers*, kita ada *executive*, *judiciary* dan *legislative*. Yang paling kita takut suasana akan timbul di mana *executive* akan *dictate the judiciary* dan *legislative*. *This is a process* yang saya nampak.

Saya bercakap ini juga berdasarkan kepada saya baca dalam *WhatsApp* dan *Facebook*, keluhan daripada rakyat. Saya berkata demikian, kita takut kalau berlakunya keadaan tidak adil, keadaan pilih bulu, tidak ada *rule of law* tetapi adanya *rule of jungle*. Kalau mereka parti pemerintah okey lepas, kalau parti pembangkang kita korek-korek cari-ini *I have to be very open* kerana saya bukan orang politik. Saya *stressed it again and again, I'm not a politician, I'm an academician*. Ini yang saya takut...

**Datuk Razali bin Idris:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Razali hendak mencelah.

**Datuk Razali bin Idris:** Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sedikit pengesahan apa yang Yang Berhormat Tan Sri Senator cakap tadi berkenaan dengan kerisauan dan ketidakpercayaan kerajaan sekarang. Apakah ini melambangkan kerajaan terdahulu bersifat demikian? Terima kasih.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Kerisauan ini kalau kita baca-rata-ratalah semenjak Kerajaan Harapan memerintah setahun lebih, kita bacalah. Kalau dulu anak-anak muda pada zaman kerajaan dahulu yang menghentam Barisan Nasional, anak muda yang sama pada hari ini menghentam Pakatan Harapan. Ini fakta, kita bukalah dalam *Facebook*. Ini telah pun saya bagi amaran di dalam ucapan saya terdahulu, saya mengingatkan kerajaan. Saya nak kerajaan ini berlaku adil supaya ia dihormati. Bahkan saya mendoakan kerajaan pada hari ini terus memerintah selagi ianya menguntungkan rakyat, jangan membuat susah, memporak-perandakan negara, *in syaa Allah*, kita akan sokong.

Yang saya hendak katakan tadi kerisauan ini apabila kita lihat cukup banyak contoh. Tadi telah pun diperkatakan oleh sahabat-sahabat saya. Bagaimana mungkin seorang Ahli Parlimen yang telah bekerja begitu lama, *declare dia punya asset zero, but yet no action is taken against him*. Kita tahu dia tipu. *Why?* Oleh sebab dia parti pemerintah.

Bagaimana mungkin seorang yang kita tahu mempunyai lebih daripada RM1 juta, dia *declare* dia hanya mempunyai RM1 juta *something*. Kita tahu, *it's talk of the town but yet no action is taken*. Bagaimana mungkin kita percaya kerajaan pada hari ini banyak kes yang berkaitan dengan integriti, transparensi yang kita agung-agungkan selama ini tidak diambil kisah. Setiausaha politik yang terlibat dengan rasuah, saya tidak mahu sebut satu-persatu, senyap sunyi.

Orang-orang politik yang terlibat dengan bukti yang nyata dalam banyak kes, saya tidak mahu sebut apa kes, banyak kes senyap sunyi. Apa tak risaunya? Bagi saya sebagai seorang akademik, saya risau. Maksudnya Tuan Yang di-Pertua, saya setuju idea ini bagus tetapi bolehkah saya mencadangkan dan saya mencadangkan dan menyokong kalau boleh kita, "man-man" lah, *slow-slow* sikit, pastikan kita buat *preparation* terlebih dahulu. Kita tidak mahu apabila kita luluskan usul pada petang ini, esok akan timbul banyak masalah, perbalahan, pergaduhan antara kita. Kita tidak hendak.

Apatah lagi dalam Dewan Negara ini memang kita telah berjanji kepada Tuan Yang di-Pertua kita akan beradab, kita akan bersopan-santun, kita tidak mahu bergaduh, *we are profesional*. Kita di sini, saya mengharapkan kita membuat satu keputusan bipartisan kerana *we are profesional*. Maksudnya bukan kita menolak. Kita telah meneliti segala rintihan-rintihan tadi, bolehkah kita duduk balik, bahkan saya mencadangkan kita melihat kepada rang undang-undang, bukan usul. Maka itu baru bermakna dan kita pasti ianya akan menjadi satu rang undang-undang yang efektif dan berguna kepada rakyat.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu yang saya hendak sampaikan dan saya merasakan, saya hendak kaitkan perkara ini akan menjadi satu perkara yang kita anggap sebagai satu *bona mala fide*.

Saya minta maaf ya- memang dalam bahasa Inggerisnya, *mala fide* ini bersifat jahat, memang itu dalam Bahasa Melayunya. Saya hendak ia merupakan satu proses *bona fide* yang bertujuan baik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

#### **4.36 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan

terima kasih kepada setiap Ahli Dewan Negara ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya telah pun mendengar dan juga mengambil maklum semua cadangan dan juga isu-isu yang telah diutarakan dalam sesi perbahasan ini dan juga semasa sesi taklimat yang diadakan oleh GIACC dan juga SPRM kepada semua Ahli Senator sekalian.

Justeru Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab beberapa isu dan juga persoalan yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator agar usul ini dapat dilihat sebagai satu usul di mana Kerajaan Pusat dianggap mempunyai satu *political will* untuk terus mereformasikan Dewan Negara yang mulia ini ke satu arah tanpa rasuah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sebentar Yang Berhormat.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, teruskan.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun bersama-sama dengan ramai Ahli Dewan Negara telah pun mempersoalkan kenapakah usul isytihar harta tidak dijadikan rang undang-undang terdahulu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berkenaan dengan pengisytiharan harta oleh Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya dalam proses untuk menggubal peruntukan berkaitan pengisytiharan harta Ahli Parlimen untuk dimasukkan ke dalam akta yang berkenaan. Pada masa ini, tindakan terhadap perkara tersebut sedang dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ada perbezaan undang-undang dengan usul yang telah pun dikemukakan di Dewan yang mulia ini pada hari ini. Perbezaannya yang paling ketara sekali ialah mengenai hukuman. Sekiranya dalam usul ini terdapat seseorang Ahli Dewan Negara yang tidak mengisyiharkan harta mereka seperti yang telah pun diperuntukkan, maka tindakan akan diambil di mana mereka boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak ataupun *Privilege and Rights Committee*.

#### ■1640

Manakala sekiranya kita wujudkan satu akta dan sekiranya mereka tidak mengisyiharkan harta mereka, mereka akan boleh dipenjarakan ataupun didenda kerana itu adalah undang-undang. Akan tetapi bezanya lagi usul ini ialah di mana sekiranya mereka telah pun membuat pengakuan yang tidak betul dalam Akta Akuan Bersumpah 1960, maka tindakan boleh diambil

terhadap mereka hanya terhadap akuan itu sahaja. Jadi, itulah perbezaannya di antara usul yang diadakan dengan akta sekiranya diadakan rang undang-undang kelak.

Yang Berhormat Senator Tuan Khairul juga mempersoalkan usul pengisytiharan harta ini berunsurkan ultra vires mengikut Bahagian II, Perkara 5, dan 6; dan juga Bahagian XIII, Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, usul ini adalah bersifat *procedural* di dalam Parlimen sahaja. Oleh yang demikian, ia tidak bercanggah ataupun ultra vires ataupun mala fide seperti yang dikatakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini. Ia tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan ataupun mana-mana peruntukan undang-undang yang lain.

Untuk persoalan yang telah pun ditanya oleh Yang Berhormat Khairul juga tentang kenapa notis tidak diberikan secukupnya, untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi perkara berkaitan dengan Notis pula, Peraturan 26(3) telah pun dipatuhi memandangkan Notis Usul ini telah pun dihantar tujuh hari sebelum Mesyuarat Dewan Negara ini telah pun bermula iaitu telah pun diberikan pada 15 Julai, hari Isnin yang lalu.

Soalan juga telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Khairul mengenai, apakah kepentingan Usul ini berbanding dengan manifesto kerajaan lain yang lebih patut diberikan keutamaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usul ini dibawa kepada Parlimen setelah setahun pertukaran kerajaan. Usul ini dibawa untuk dilaksanakan oleh semua Ahli Parlimen setelah semua anggota pentadbiran telah membuat pengisytiharan harta dalam Akuan Berkanun sebagaimana yang terkandung dalam kod etika bagi anggota-anggota pentadbiran dan juga Ahli Parlimen yang telah dipaparkan dalam portal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Menteri di Persekutuan juga telah pun mengisytiharkan harta saya dan sesiapa sahaja yang ingin melihat berapa banyak kah harta saya miliki bolehlah masuk ke portal SPRM dan akan dapat melihatnya. Ini telah pun dibuat pada bulan Oktober tahun lalu lagi. Jadi, isu-isu yang mengenai keselamatan saya, keselamatan *family* saya, anak-anak itu, buat setakat ini tidak wujud sama sekali kerana tidak ada menjelaskan apa-apa keselamatan melainkan di mana kita telah pun memberikan maklumat yang telus, yang *transparent* kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk mengetahui berapa banyak harta yang saya miliki dan juga pendapatan saya seterusnya.

Jadi, kepada semua, janganlah khuatir kerana ini adalah satu reformasi yang kita adakan untuk memastikan bahawa kerajaan yang kita ada di negara ini adalah kerajaan yang bersih, yang telus dan yang akan bebas daripada rasuah.

Yang Berhormat Senator juga bertanya adakah Ketua Pengarah GIACC dan juga Ketua Pengarah SPRM mengisyiharkan harta mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, Ketua Pengarah GIACC adalah seorang penjawat awam yang tertakluk kepada arahan pengisytiharan harta oleh pegawai awam di bawah Peraturan 10 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3, Tahun 2002. Ketua Pengarah GIACC hanya mengisyiharkan harta melalui sistem HRMIS kepada ketua jabatan iaitu kepada Ketua Setiausaha Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Ketua Pesuruhjaya SPRM bukan Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang tertakluk mengikut usul yang telah dibuat di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Selaras dengan peruntukan subseksyen 5(4), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, mana-mana orang yang memegang jawatan sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM selama tempoh pemegang jawatannya disifatkan sebagai Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi maksud tatatertib.

Memandangkan beliau adalah disifatkan sebagai anggota perkhidmatan awam Persekutuan dan sebagaimana pegawai-pegawai perkhidmatan awam Persekutuan yang lain, beliau perlu mengisyiharkan harta kepada ketua jabatannya. Dalam hal ini, ketua jabatan beliau adalah Ketua Setiausaha Negara dan bukannya Perdana Menteri...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Liew Vui Keong:** Proses pengisytiharan harta dalam perkhidmatan awam hendaklah...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, sikit.

**Datuk Liew Vui Keong:** Saya habiskan ya. Proses pengisytiharan harta dalam perkhidmatan awam hendaklah dibuat melalui sistem HRMIS. Silakan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma, saya hendak tanya, apabila dimaksudkan pengisytiharan harta oleh penjawat awam itu, apakah ia juga dibuat dipamerkan di portal untuk akses oleh publik seperti Ahli Parlimen ataupun ia sekadar untuk tatapan Ketua Setiausaha Negara sahaja? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Ya, buat setakat ini, belum ada peruntukan yang perlukan harta mereka dipaparkan ke portal untuk...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Jadi bezanya, mereka tidak perlu dipaparkan kepada portal *public access* tetapi Ahli Parlimen perlu?

**Datuk Liew Vui Keong:** Buat setakat ini, itulah proses.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih. Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin telah pun menyoal bersama-sama dengan Ahli-ahli Dewan Negara yang lain mengenai hasrat usul pengisyiharan harta sama ada ia hanya untuk memenuhi janji manifesto Pakatan Harapan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengisyiharan harta ini bukan sahaja berkaitan dengan janji kerajaan di dalam Buku Harapan tetapi merupakan salah satu daripada *tools*, dengan izin, bagi mencapai konsep ketelusan dan akauntabiliti yang mampu menaikkan imej pentadbiran Malaysia khususnya Parlimen di mata rakyat serata dan juga dunia.

Juga ditanya oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, adakah *job scope* verifikasi atau *monitoring* di bawah kuasa Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga akauntabilitinya boleh dipersoalkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan usul ini, Tuan Yang di-Pertua hanya akan menerima pengisyiharan harta tersebut, manakala pihak SPRM akan memuat naik data yang dinyatakan dalam pengisyiharan harta tersebut dalam portal SPRM.

Juga ditanya mengenai fungsi jawatankuasa hak...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon penjelasan, Yang Berhormat Menteri. Minta maaf.

**Datuk Liew Vui Keong:** Dipersilakan Yang Berhormat Senator.

**Puan Asmak binti Husin:** Sedikit sahaja. Saya ingin mohon penjelasan, maknanya bahawasanya dalam sistem yang akan dijalankan ini tidak ada proses *monitoring* dengan verifikasi? Maknanya ia hanya adalah satu *motion* tanpa *back up legal framework* lah maknanya begitu? Adakah begitu maksud Usul hari ini?

**Datuk Liew Vui Keong:** Usul hari ini, seperti Yang Berhormat sedia maklum, adalah usul yang memberikan punca kuasa untuk kita mengisyiharkan harta. Sebelum ini kita tidak ada undang-undang, hanya ada kod etika. Masa saya di kerajaan terdahulu, saya pernah menjadi Timbalan Menteri yang menjaga portfolio yang sama juga pada tahun 2008 sehingga 2013. Pada masa itu, saya juga telah pun mengisyiharkan harta saya tetapi masa itu hanya kepada Perdana Menteri sahaja. Jadi, dia tidak ada kuasa yang punca dia untuk mengisyiharkan kepada pihak SPRM.

**■1650**

Jadi sekarang ini kita membuat usul ini dulu dan selepas itu kita akan menyusul dengan rang undang-undang yang seperti diminta oleh ramai Ahli Dewan Negara dan juga daripada Ahli Dewan Rakyat. Akan tetapi kita kena lihat pada keseluruhannya kerana dia akan terlibat dengan sedikit sebanyak mengenai *sentencing* iaitu hukuman. Ini kerana sekiranya seperti yang saya katakan tadi, dalam rang undang-undang itu sekiranya wujudnya seseorang Wakil Rakyat tidak mengisyiharkan hartanya, mungkin dia boleh dipenjarakan ataupun didenda ataupun kedua-duanya sekali. Jadi itu lebih berat daripada usul. Jadi kerajaan ini dalam proses untuk mendapatkan semua pandangan terutamanya mengenai *sentencing policy* ini.

Jadi berikan kita sedikit sebanyak masa. Akan tetapi buat sementara itu, kita teruskan dengan usul ini untuk memastikan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara dapat mengisyiharkan harta mereka kerana ini akan mengambil kira apabila seseorang itu menjadi Ahli Dewan sahaja, bukan sebelumnya. Sebelumnya, tidak dapatlah. Ramai yang berada di sini menjadi peguam yang terkenal berpuluh-puluh tahun, yang menjadi ahli-ahli *businessmen*. Semua itu mereka telah pun ada kekayaan walaupun sampailah berjuta-juta. Itu jangan takut. Isytiharkan sahaja. Pihak SPRM tidak akan mengambil tindakan terhadap yang telah pun ada kekayaan sebelum jadi ahli.

Akan tetapi apabila telah pun menjadi Ahli Dewan dan pada masa menjadi ahli itu, misalnya dalam tempoh lima tahun dan sekiranya terdapat kemasukan wang dan sekiranya dapat menjelaskan kemasukan wang itu, jadi tidak ada masalahlah. Kadangkala mungkin kita akan dapat wang lebih daripada mungkin daripada pusaka kita ataupun daripada jualan harta-harta kita pada masa kita jadi Ahli Dewan. Jadi itu hanya kita kena menjelaskan kepada pihak SPRM ataupun kepada pihak Speaker Dewan dan akta ini boleh diterima. Akan tetapi sekiranya tidak dapat menjelaskan, itulah yang akan menjadi masalah.

Hanya terpulang kepada tempoh macam saya, tempoh saya menjadi Menteri. Jadi sekiranya saya memiliki harta-harta yang tidak dapat dijelaskan, itu akan menjadi isu. Akan tetapi sekiranya saya memiliki misalnya daripada pusaka kah ataupun daripada jualan tanah ataupun selepas itu kita boleh juga terus memberikan maklumat tambahan kepada pihak berkenaan mengenai apa, kenapa kita punya status ataupun kewangan kita telah pun bertambah. Itu hanya kena maklumkan sahaja. Jadi, tidak ada isu-isu yang akan mengatakan pihak SPRM akan mengambil tindakan oleh sebab ada wang begitu banyak dalam akuan seseorang ahli sebelum dia dijadikan Ahli Dewan yang mulia ini.

Jadi dengan itu, saya juga menjawab soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind yang telah pun menyoal kajian semula apakah maklumat yang perlu dipaparkan dan apakah tujuan paparan pengisytiharan harta tersebut. Seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, kerajaan berpendapat bahawa memandangkan Usul yang sama telah pun diluluskan di Dewan Rakyat, maka terdapat keperluan untuk mengadakan satu sistem dan juga format yang standard, yang terpakai kepada semua Ahli Parlimen. Bagi tujuan ini, paparan yang akan dibuat di portal SPRM bagi Dewan Negara akan sama seperti bagi Ahli Dewan Rakyat.

Seperti yang saya katakan tadi, saya telah pun memaparkan, memberikan maklumat kepada pihak SPRM dan semua harta benda saya telah pun dipaparkan dan tidaklah menjadi isu. Dalam kes saya, saya juga telah pun diwariskan dengan beberapa harta daripada mendiang ibu saya dan juga ayah saya dan harta itu telah pun meningkat, melambung nilainya selepas beberapa tahun. Jadi sekiranya dinilai pada hari ini, ia akan meningkat kepada berjuta-juta tetapi itu hanya daripada nilai tanah itu sahaja.

Akan tetapi daripada segi wang, kes itu saya tidak ada. Ia hanya nilai tanah itu sahaja. Jadi itu hanya menunjukkan nilai tanah tersebut yang dimiliki oleh seseorang wakil rakyat. Ia tidak menunjukkan itulah kedudukan kewangan seseorang wakil pada masa itu. Jadi tidaklah menjadi satu isu yang besar di mana akan menjelaskan keselamatan dan juga kepada Ahli Parlimen dan juga kepada semua yang terlibat dengan Ahli Parlimen tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen telah pun menyoal, apakah *cross check system* yang ada dalam usul pengisytiharan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, SPRM hanyalah *custodian*, dengan izin, untuk menyimpan borang-borang pengisytiharan harta yang disalin kepada mereka, memandangkan SPRM mempunyai kemampuan prasarana yang mencukupi untuk menyimpan dokumen-dokumen berkenaan termasuklah dokumen-dokumen berperingkat.

Berdasarkan dengan seksyen 31(1) Akta SPRM, untuk makluman Dewan yang mulia ini, apabila SPRM mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai berdasarkan penyiasatan yang dijalankan bahawa apa-apa harta yang diperoleh hasil daripada satu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, barulah SPRM boleh mengehendaki orang itu membuat pernyataan bertulis dengan bersumpah dan berikrar berhubung dengan harta berkenaan. Jadi perkataan yang penting di sini ialah “... berdasarkan penyiasatan yang dijalankan”. Ini bermakna, mesti mahu ada sesuatu penyiasatan yang telah pun dijalankan. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat di sini

kena faham bahawa penyiasatan hanya boleh dijalankan apabila ada satu aduan telah pun dilaporkan kepada pihak berkenaan.

Ini seperti yang saya katakan tadi, pihak SPRM tidak akan melakukan apa-apa, *alright*. Sekiranya ada aduan dan juga penyiasatan telah pun dijalankan, barulah tindakan kena diambil terhadap mereka. Akan tetapi tidak semestinya akan ada kesalahan seperti yang saya katakan tadi. Asalkan dapat menjelaskan *the source of the income* dalam akuan Yang Berhormat, itu tidak akan menjadi apa-apa masalah.

Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang juga telah pun mencadangkan untuk mewujudkan satu mekanisme untuk mengisyiharkan harta secara berkala setiap tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, berkaitan cadangan mengisyiharkan harta secara berkala ini, satu *consultancy* bersama Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat akan diadakan bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan prosedur pengisyiharan harta termasuk isu berkaitan pengisyiharan harta secara berkala. Pada masa yang sama, perkara tersebut akan dipertimbangkan untuk diperuntukkan dalam akta yang akan dibentangkan oleh pihak kerajaan kelak.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin juga menyoal sama ada terdapat sebarang akta atau undang-undang berkaitan maklumat pengisyiharan harta tersebut yang mengawal secara keseluruhan usul tersebut dan bukannya demi kepentingan politik mana-mana pihak. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini, tidak ada undang-undang berkaitan dan tiada kes manipulasi maklumat berlaku sejak maklumat pengisyiharan harta mula dipaparkan pada bulan Oktober yang lalu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop yang telah pun menyoal sama ada kerajaan boleh memberi jaminan bahawa maklumat pengisyiharan harta tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini, setakat kita telah pun bermula pada bulan Oktober yang hanya melibatkan Ahli-ahli Parlimen kerajaan dan juga Menteri-menteri dan Timbalan Menteri, tiada pembocoran maklumat pengisyiharan harta yang telah pun diterima oleh pihak kerajaan. Jadi oleh yang demikian, maklumat yang disimpan oleh pihak kerajaan adalah terjamin dengan kerahsiaannya.

#### ■1700

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad yang telah pun menyoal sama ada kerajaan boleh memberi jaminan bahawa maklumat pengisyiharan harta tidak disalahgunakan dan bagaimana SPRM menangani isu salah guna dan kacau ganggu pihak ketiga seperti *telemarketing*, seperti yang saya katakan tadi, tiada laporan yang telah pun diterima

oleh pihak kerajaan terhadap pembocoran maklumat pengisytiharan harta setakat hari ini sejak bermula pada bulan Oktober yang lalu. Oleh yang demikian, tiada isu salah guna maklumat ataupun kacau ganggu wujud setakat hari ini.

Yang Berhormat Senator juga mencadangkan kerajaan menyediakan pengelasan yang jelas mengenai harta, pendapatan dalam pengisytiharan harta dan satu terma rujukan standard laporan untuk mengisyiharkan harta. Perkara ini akan dinyatakan di dalam borang akuan berkanun iaitu dalam DN1, DN2 dan juga DN3.

Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying juga telah pun mencadangkan audit turut dibuat terhadap pengisytiharan harta serta melibatkan Ketua Audit Negara untuk mengkaji dasar pengisytiharan harta agar lebih telus. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, perkara ini melibatkan dasar dan juga perlu diperhalusi. Jadi, kerajaan akan menimbangkan perkara ini untuk dimasukkan dalam akta berkaitan kelak.

Terakhir sekali ialah Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin telah pun bertanya apakah tindakan boleh dibuat terhadap pengisytiharan harta yang palsu. Seperti yang saya katakan tadi iaitu tindakan boleh diambil di bawah Akta Akuan Berkanun sahaja. Sekiranya ada apa-apa maklumat palsu yang telah pun diberikan, maka akta itu akan boleh digunakan terhadap mereka yang memberi akuan yang palsu. Akan tetapi, tindakan hanya boleh diambil sekiranya ada aduan yang telah pun dibuat dan penyiasatan telah pun dilakukan oleh pihak yang berkenaan.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negara yang mulia ini yang telah pun mengambil peranan dalam perdebatan usul pengisytiharan harta ini dan sememangnya dalam proses untuk mengadakan satu pembaharuan kerajaan ini, inilah langkah yang pertama. Jadi dengan itu, saya akhiri dengan sebuah pantun kepada semua Ahli Dewan yang mulia ini, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Datuk Liew Vui Keong:** Jadi...

*Senator segak dipandang mata;  
Manis senyuman tidak terkira;  
Apa khuatir isytihar harta;  
Jika telus membina negara.*

*Senator bijaksana lagi bestari;  
Lambang demokrasi seluruh negeri;  
Isytihar harta tetap diundi;  
Cerminkan Senator yang dikasihi.*

Sekian terima kasih... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah berhujah, berpantun, biar kita dapat mengundi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan usul ini dibuat belah bahagi dan cadangan ini ada sokongan yang baik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi maksud itu saya mohon untuk diadakan undi belah bahagian. Dengan itu saya minta ada lapan orang yang menyokong untuk undi belah bahagian. Ada lapan orang berdiri, tolong kira sedikit Setiausaha. Yang Berhormat tolong kira. Jadi lebih daripada lapan orang.

Ahli-ahli Yang Berhormat oleh sebab lebih daripada lapan orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 45(4), saya memerintahkan supaya satu belah bahagi diadakan sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama duit minit. Ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Sila.

[Loceng dibunyikan]

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk. Undian dijalankan sekarang.

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

■1710

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey keputusan belah bahagi undi- Ahli-ahli Yang Berhormat setelah selesai undian dibuat dan dikira, sekarang saya kemukakan keputusan undian.

Seramai 34 orang Ahli menyokong... [Tepuk]

Dan seramai 23 orang Ahli tidak menyokong... [Tepuk]

Sebentar Yang Berhormat. Maka Usul ini disetujukan.

*[Usul disetujukan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

##### **5.18 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum saya meneruskan pembentangan, izinkan saya memaklumkan bahawa terdapat 183 Fasal dan dua Jadual di dalam rang undang-undang dan pindaan fasal melibatkan, fasal 2 yang memberi takrifan lebih jelas tentang pemegang lesen; fasal 43 yang memansuhkan subfasal 5, 6 dan 7 berkaitan syarat dan prosedur bagi apa-apa perubahan, pembetulan, pemotongan, pembatalan dan ketidaksahan bagi suatu cap dagangan, penggantian perkataan di dalam fasal 141 dan 162; memasukkan fasal baharu 163 berkaitan rayuan terdapat keputusan pendaftar di mahkamah serta menomborkan semula fasal 163 hingga 182 rang undang-undang kepada fasal 164 hingga 183 masing-masing telah dikemukakan dan diluluskan di Dewan Rakyat.

##### **■1720**

Fasal-fasal yang dipinda turut disertakan bersama naskhah rang undang-undang di Dewan Negara. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), berperanan dalam mengawal selia pembangunan dan pentadbiran sistem harta intelek di Malaysia.

Antara fungsi utama MyIPO adalah mentadbir dan menguatkuasakan perundangan harta intelek seperti perlindungan cap dagangan, hak cipta, paten dan lain-lain. Bagi perlindungan cap dagangan, MyIPO mentadbir Akta Cap Dagangan 1976 iaitu Akta 175 yang telah diwartakan pada 24 Jun 1976 dan dikuatkuasakan pada 1 September 1983. Akta 175 telah digubal berdasarkan kepada *United Kingdom Trade Marks Act 1938*, (UKTMA 1983). Selepas *United Kingdom* menandatangani Perjanjian TRIPS, UKTMA 1938 telah dimansuhkan dan *United Kingdom Trade Marks Act 1994* (UKTMA 1994) diperkenalkan.

Malaysia menandatangani Perjanjian TRIPS pada tahun 1995 dan telah membuat pindaan terhadap peruntukan tertentu bagi mematuhi TRIPS. Akta 175 ini telah dipinda pada tahun 1994, tahun 2000 dan tahun 2002. Secara keseluruhan, Akta 175 menyamai UKTMA 1938

yang telah dimansuhkan. Kali terakhir Akta 175 dipinda adalah bagi tujuan pelarasan setelah Bahagian Harta Intelek di bawah Kementerian KPDNHEP menjadi sebuah badan berkanun yang dinamakan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), melalui kuat kuasa Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002, pada 3 Mac 2003.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, perubahan landskap perlindungan cap dagangan di peringkat global yang sedang pesat berubah ini memerlukan Akta 175 dikaji semula bagi memastikan undang-undang cap dagangan yang akan dilaksanakan dapat memberi perlindungan yang lebih efisien dan efektif selaras dengan keperluan semasa dan memenuhi kehendak komuniti perniagaan dan pihak berkepentingan.

Kementerian melalui MyIPO telah mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan, termasuk wakil-wakil sektor industri bertujuan mendapatkan pandangan dan maklum balas dalam menambah baik perundangan-perundangan cap dagangan ini.

Selain itu, kementerian juga mengambil kira komitmen Malaysia di peringkat ASEAN untuk menyertai *treaty the Protocol Relating to the Madrid Agreement Concerning the International Registration of Marks* atau lebih dikenali sebagai *Madrid Protocol*. Pendepositan instrumen penyertaan hanya boleh dikemukakan kepada *World Intellectual Property Organization* (WIPO) selepas peruntukan berkaitan *Madrid Protocol* dimasukkan dalam perundangan dan boleh dikuatkuasakan.

Susulan daripada perbincangan dan kajian yang dijalankan, kementerian ini mendapati bahawa Akta 175 memerlukan pindaan secara menyeluruh terhadap peruntukan sedia ada, penambahan peruntukan baharu dan penyusunan semula peruntukan-peruntukan memandangkan pindaan kali terakhir Akta 175 adalah pada tahun 2002. Pindaan secara menyeluruh ini memerlukan satu akta baharu digubal iaitu Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 bagi menggantikan Akta 175 itu.

Dalam mendepani perubahan pesat landskap perlindungan cap dagangan agar selaras dengan amalan antarabangsa, Mesyuarat Jemaah Menteri yang telah diadakan pada 5 April 2019 telah bersetuju dengan pemansuhan Akta 175 dan penggubalan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 serta pembentangan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 dalam Parlimen. Pada masa ini, Akta 175 menggunakan takrifan ‘cap’ yang bermaksud; “...suatu tanda, jenama, kepala, label, tiket, nama, tandatangan, perkataan, huruf, angka atau apa-apa gabungannya”.

Walau bagaimanapun, landskap perlindungan cap dagangan di peringkat antarabangsa berubah dengan pesat, termasuklah pertambahan jenis-jenis cap dagangan *non-traditional mark*

yang boleh didaftarkan seperti bunyi, bau, bentuk dan warna. Peluasan skop perlindungan cap dagangan kepada *non-traditional mark* ini merupakan suatu keperluan kepada sektor perdagangan domestik dan luar negara. Ini kerana cap dagangan juga dikenali sebagai jenama yang merupakan elemen penting dalam pemasaran produk bagi sesebuah perniagaan.

Oleh itu, takrifan ‘cap’ akan digantikan dengan takrif tanda untuk memberikan definisi yang lebih luas, merangkumi takrif cap sedia ada dan juga *non-traditional mark*. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) skop perlindungan cap dagangan diperluaskan kepada *non-traditional mark*;
- (ii) memasukkan peruntukan berkaitan *Protocol Relating to the Madrid Agreement Concerning the International Registration of Marks*, iaitu Madrid Protocol;
- (iii) membolehkan harta intelek digunakan sebagai instrumen kewangan;
- (iv) menambah baik prosiding tindakan sivil dan jenayah dan penguatkuasaan yang lebih efektif dengan mewujudkan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan;
- (v) memenuhi keperluan khusus berkaitan langkah-langkah sempadan;
- (vi) pengiklanan cap dagangan melalui jurnal rasmi Harta Intelek; dan
- (vii) prosedur pendaftaran sedia ada ditambah baik.

Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 mencadangkan 19 Bahagian yang dipecahkan kepada 183 peruntukan serta 2 jadual seperit berikut- pertama, Bahagian I iaitu fasal 1 hingga 9- bahagian ini menerangkan tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan tafsiran. Antara tafsiran yang penting dalam tafsiran 2, ialah pengenalan tafsiran berkenaan tanda atau *sign* yang menggantikan takrifan ‘cap’ dalam Akta 175 untuk memberikan definisi yang lebih luas merangkumi takrifan ‘cap’ sedia ada dan juga *non-traditional mark* seperti bau, bunyi, bentuk 3D dan warna serta takrifan lebih luas ‘Pemegang Lesen’ sebagai merujuk kepada ‘tuan punya berdaftar’.

Bahagian II iaitu fasal 10 hingga fasal 13, bahagian ini menerangkan tentang pentadbiran yang merangkumi pelantikan Pendaftar Cap Dagangan, Timbalan Pendaftar Cap Dagangan dan Penolong Pendaftar Cap Dagangan serta perlindungan yang diberikan dalam melaksanakan fungsi dan kuasa yang diperuntukkan serta Pejabat Pusat Cap Dagangan dan Pejabat Wilayah Cap Dagangan yang ditubuhkan di bawah Akta 175 hendaklah dikenali sebagai Pejabat Cap Dagangan dan pejabat cawangan masing-masing.

Bahagian III iaitu fasal 14 hingga fasal 15- bahagian ini menerangkan mengenai pengurusan suatu daftar cap dagangan yang disimpan dan diselenggarakan oleh Pendaftar serta pemeriksaan daftar tersebut.

Bahagian IV, iaitu fasal 16 hingga 36... *[Disampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila duduk.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 23 julai 2019

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.01 petang]*